


Jilid II
Bil. 24



Hari Jumaat
9hb Januari, 1981

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2797]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 2829]

Laporan Yang Kedua Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Negara [Ruangan 2829]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (Pindaan) [Ruangan 2833]

Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia [Ruangan 2866]

Rang Undang-undang Pemberian kepada Negeri (Penyenggaraan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan) [Ruangan 2900]

Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta [Ruangan 2926]

KANDUNGANNYA—(samb.)

Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Pindaan)
[Ruangan 2933]

Rang Undang-undang Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Pindaan)
[Ruangan 2953]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ DATO HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

- Yang Berhormat DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S (Johor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ DATO HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, D.S.D.K., K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).

- Yang Berhormat DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I.,
J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN ROGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T.
(Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S.,
D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I.,
P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN HAJI YAACOB BIN HAJI ENSKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kelsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Jumaat, 9hb Januari 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

LESEN PENIAGA BUMIPUTRA
DI KUALA LUMPUR

1. **Tuan Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan tindakan yang diambil oleh Dewan Bandaraya untuk memperbanyakkan lesen-lesen peniaga untuk kaum Bumiputra di Ibu Kota Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang melaksanakan berbagai projek untuk membantu serta menambahkan lagi bilangan kaum Bumiputra di dalam bidang perniagaan di Ibukota Kuala Lumpur ini, selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Dewan Bandaraya memberikan keutamaan kepada penjaja-penjaja Bumiputra seperti mengeluarkan lesen dan memperuntukkan tempat-tempat berniaga di kedai-kedai di perumahan awam, gerai-gerai, pasar, tempat-tempat penjaja serta Kompleks Perniagaan. Bagi projek-projek yang dijalankan oleh pihak swasta seperti projek perumahan dikenakan syarat supaya memperuntukkan sekurang-kurangnya 30% rumah kedai untuk Bumiputra sahaja, dan pemilihan pembeli-pembeli dibuat oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Di bidang perusahaan pula, Kerajaan sedang melaksanakan beberapa projek bagi menambahkan lagi bilangan kaum Bumiputra di bidang perusahaan. Umpamanya Dewan Bandaraya sedang dan telah melaksanakan projek menyediakan tapak dan tempat, serta memberi lesen perusahaan ringan untuk kaum Bumiputra seperti di projek tapak perusahaan di Kampong Konggo dan Salak Selatan. Usaha-usaha ini akan dipergiatkan lagi di bawah Rancangan Malaysia Ke 4.

Dewan Bandaraya juga sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti MARA dan UDA dalam usaha membimbing serta menambahkan lagi penyertaan kaum Bumiputra di bidang perniagaan dan perusahaan di Ibu Kota Kuala Lumpur.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya tentang lesen-lesen yang telah dikeluarkan, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan pecahan-pecahan lesen yang telah dikeluarkan mengikut kaum.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan bagi tahun 1979 sekarang ini untuk:

Bumiputra	8.29%
Cina	80.20%
India	9.29%
Lain-lain	2.22%

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Bolehkah Dewan ini tahu, apakah jenis lesen-lesen perniagaan yang telah dikeluarkan kepada bumiputra setakat ini?

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Lesen-lesen perniagaan yang dikeluarkan adalah berbagai-bagai sebenarnya tetapi dalam konteks soalan yang telah dinyatakan itu untuk peniaga-peniaga kecil khususnya lesen-lesen untuk menjalankan perniagaan-perniagaan di gerai-gerai sama ada gerai tertutup ataupun gerai terbuka lesen-lesen bagi menjalankan perniagaan dalam tempat-tempat kompleks-kompleks perniagaan, menjalankan kedai-kedai kecil dan juga menjalankan perusahaan-perusahaan kecil di tempat-tempat yang disediakan ataupun di kawasan-kawasan di mana terdapat tempat-tempat tapak perusahaan.

SUSU NESTLE—BEKALAN KE SEKOLAH-SEKOLAH

2. **Tuan Abdullah bin Salleh** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa susu NESTLE yang dibekalkan kepada sekolah-sekolah di bawah rancangan AMP sekarang ini kurang diminati oleh murid-murid dan jika sedar nyatakan sama ada Kementerian ini bercadang hendak menukarkan kepada minuman jenis yang lain pula.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa susu NESTLE yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu sebenarnya susu yang dikeluarkan oleh Jabatan Haiwan sendiri dan Syarikat Nestle hanya ditugaskan untuk membungkus susu itu supaya dapat diedarkan kepada sekolah-sekolah di bawah rancangan makanan tambahan Projek Amalan Makanan dan Pemakanan (AMP).

Projek ini dianjurkan oleh Jabatan Perdana Menteri dan dilaksanakan bersama oleh Kementerian Pelajaran dan Jabatan Haiwan. Kementerian Kesihatan sedar bahawa tidak semua kanak-kanak gemar minum susu kerana tabiat minum susu perlu disemai sejak awal lagi dalam golongan kanak-kanak. Tetapi amalan minum susu ini adalah satu amalan yang baik dan Kementerian Kesihatan menggalakkannya kerana susu adalah merupakan sejenis makanan yang lengkap dan berkhasiat.

Walau bagaimanapun, oleh kerana rasa susu secara biasa tidak diminati oleh semua kanak-kanak, sekolah-sekolah bolehlah menambah perasa (essence) seperti Milo, Kopi, Ovaltine dan sebagainya.

Rancangan minum susu ini juga akan menggalakkan rancangan-rancangan ternakan lembu khususnya lembu susu dan pengeluaran susu di negara ini.

Memandangkan sebab-sebab di atas kita tidak bercadang hendak menukarkan minuman susu ini kepada minuman jenis lain.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, selain daripada susu, kanak-kanak juga diberi makanan tempatan yang lain seperti nasi lemak, mee goreng, jenis-jenis bubur dan sebagainya.

BANGUNAN BARU KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

3. **Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa bangunan baru Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri masih belum diadakan hingga sekarang.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sedang dalam proses mendapatkan lebih kurang 9 ekar tanah di Jalan Duta untuk bangunan baru. Pembinaannya akan dimulakan sebaik sahaja tanah diperolehi.

LESEN-LESEN KONTRAK

4. **Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau akan menarik balik lesen-lesen kontrak dari pemegang-pemegang yang tidak menjalankan kerja-kerja kontrak sendiri.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menjalankan pendaftaran pemborong-pemborong untuk membolehkan mereka menyertai tawaran-tawaran yang

dikeluarkan oleh Jabatan Kerjasama dan seterusnya melaksanakan projek-projek tersebut. Andaian yang dibuat ialah bahawa pemborong-pemborong tersebut akan mengendalikan projek-projek itu sendiri. Walau bagaimanapun, adalah tidak dinafikan bahawa pemborong-pemborong boleh mengsub-kontrakkan kerja-kerja mahir atau "Specialist Works" seperti memasang lif, memasang sistem hawa dingin, memasang siling dan sebagainya. Kerja-kerja bangunan atau "building works" mestilah dikendalikan oleh pemborong sendiri. Sekiranya didapati pemborong-pemborong telah mengsub-kontrakkan secara keseluruhannya kerja-kerja yang telah ditawarkan kepadanya, perkara ini akan diselidiki secara mendalam. Apabila didapati betul, tindakan akan diambil di atas pendaftaran pemborong-pemborong tersebut, yang akan melibatkan sama ada pendaftaran mereka ditahan bagi tempoh yang ditetapkan ataupun pembatalan terus pendaftaran mereka.

KURIKULUM SEKOLAH RENDAH

5. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan mengkaji semula kurikulum sekolah-sekolah rendah, kerana kurikulum sekolah-sekolah rendah, terutamanya kurikulum bagi darjah satu dan dua adalah terlalu luas untuk dibebankan kepada murid-murid yang hanya berusia antara 6 hingga 7 tahun.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan perakuan 55 di dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet, Kementerian Pelajaran telahpun mengkaji semula kurikulum sekolah-sekolah rendah. Pada masa ini Kementerian sedang mengubal semula kurikulum tersebut dengan tujuan mengurangkan beban kurikulum tersebut dan memperkukuhkan lagi pelajaran asas "3M" iaitu membaca, menulis dan mengira. Perlaksanaan kurikulum baru ini mungkin dapat dimulakan dalam tahun 1983.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Tuan Yang di-Pertua, adakah dalam rancangan Kementerian Pelajaran hendak

melaksanakan pra-sekolahan untuk kanak-kanak yang belum sampai umur 6 tahun atau 7 tahun. Pada masa ini kita dapat tahu KEMAS atau TBK dan TAK, Taman Bimbingan Kanak-kanak atau Taman Asuhan Kanak-kanak adalah di bawah pengelolaan Kementerian Pertanian.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang oleh kerana pra-sekolahan ini tidak ada dimasukkan dalam sistem pelajaran kita jadi pihak Kementerian Pelajaran tidak meliputi pra-sekolahan, ini dalam sistem kita. Cuma KEMAS dan Badan-badan Sukarela dan agensi Kerajaan yang lain ada menjalankan Tadika dan Tabika untuk pra-sekolahan ini.

Tuan Abdullah bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian Pelajaran bercadang kelas TBK yang di bawah pentadbiran Kementerian Pertanian sekarang ini akan diambil alih oleh Kementerian Pelajaran di satu masa nanti?

Dato' Chan Siang Sun: Seperti saya jawab tadi, setakat ini tiada rancangan lagi.

PENERBANGAN CONCORDE

6. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada penerbangan pesawat "Concorde" di ruang angkasa Malaysia mencemarkan udara angkasa Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penerbangan pesawat supersonik Concorde melintasi ruang angkasa Malaysia merupakan satu soal akademik memandangkan penerbangan Concorde British Airways-Singapore Airlines telah ditangguhkan buat sementara waktu mulai 1hb November, 1980.

Mulai dari 3hb Jun hingga 30hb Oktober, 1980, Kementerian saya telah menjalankan kajian mengesan pencemaran bunyi akibat penerbangan Concorde melintasi ruang angkasa Malaysia yang didapati boleh dikatakan tidak konklusif atau dalam Bahasa Inggeris "inconclusive".

PELAJAR MALAYSIA TERKANDAS DI TORONTO

7. **Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Pelajaran menyatakan rancangan atau langkah yang sedang diambil atau sudah diambil untuk mengelakkan dari berlakunya kejadian yang menyebabkan 150 orang pelajar Malaysia terkandas di Toronto, Kanada baru-baru ini dan nyatakan bagaimana perkara itu boleh berlaku kepada penuntut-penuntut yang dianjurkan sendiri oleh Kerajaan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada pertanyaan Yang Berhormat telah pun diberi oleh saya dalam Dewan ini pada 5hb Januari, 1981. Saya tiada apa-apa tambahan.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Bersabit dengan menghantar penuntut-penuntut kita ke Kanada, dari England juga diubah kepada Kanada, saya suka bertanya kepada Kementerian berkenaan, adakah benar bayaran pelajaran yang dikenakan di Kanada jauh lebih murah daripada England.

Kedua, kalau benar, berapa jauh bezanya pembayaran pelajaran tiap-tiap seorang penuntut kita yang dihantar ke Kanada dan berapa lebihnya yang di England itu?

Ketiga, adakah Kementerian sedia dalam masa akan datang, soal kita menghantar penuntut-penuntut kita ke luar negeri ini jangan memalukan negeri kita. Selalu penuntut-penuntut kita di sana mengalami kekurangan wang. Mestilah Kementerian yang bersabit merangkakan satu perbelanjaan yang sebenarnya cukup supaya tidak lagi berbangkit perkara ini dari setahun ke setahun.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, dari segi hitung panjang perbelanjaan untuk persekolahan di Kanada buat masa sekarang adalah rendah sedikit jika dibandingkan dengan Britain. Di masa akan datang tentulah kita akan merancang supaya kesulitan-kesulitan tidak dapat ditimbulkan. Mengenai peristiwa penuntut-penuntut di Kanada, untuk makluman Dewan ini ialah cuma kali yang pertama kita menghantar penuntut-penuntut ke sana dan dari segi

organisasi, perhubungan tentulah ada kekurangan. Saya telah menjawab pada 5hb Januari, 1981 iaitu kita sekarang sudah menubuhkan satu badan penyelarasan dan kita berharap dengan penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan ini dapatlah kita menghapuskan apa-apa kesulitan yang akan ditimbulkan.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Adakah penuntut-penuntut yang pergi ke luar negeri seperti Kanada dan sebagainya itu mereka ini bebas segala-galanya dari pengetahuan Kementerian Pelajaran yang bererti penuntut-penuntut ini kalau sekiranya mereka boleh diterima oleh universiti di luar negeri, maka mereka pergi dengan perbelanjaan mereka sendiri. Adakah pemergian mereka ke luar negeri masih ada sangkut paut dengan Kementerian Pelajaran ataupun mereka dilepaskan begitu dan kiranya berlaku apa-apa kesulitan atau kerumitan di luar negeri maka pihak Kementerian terpaksa mengambil berat hal ini. Jadi saya suka bertanya, adakah pemergian mereka itu sebeb-bebasnya dan jika ada problem barulah pihak Kementerian akan mengambil tindakan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, pada masa dahulu penuntut-penuntut ke luar negeri khususnya penuntut-penuntut sekolah, mereka itu dapat dihantar oleh JPA, MARA dan juga "Scholars" daripada Kementerian Pelajaran. Masing-masing itu menghantar penuntut-penuntut dengan sendiri. Oleh sebab itu tidak ada satu penyelarasan atau kordinasi tetapi selepas peristiwa di Kanada ini Kementerian Pelajaran kita sudah ada kerjasama dengan badan-badan yang lain seperti "Scholars" yang akan menghantar ke luar negeri yang akan dapat diselaras oleh Jawatankuasa ini supaya kita dapat lebih kemudahan dan dapat juga menempatkan mereka kepada tempat pengajian tinggi. Dengan penubuhan Jawatankuasa Penyelarasan ini tentulah badan-badan yang lain akan dapat kerjasama supaya tidak akan berlaku kejadian seperti di Kanada itu lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datin Hajjah Mahimon binti Haji Haron.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 8.

DASAR EKONOMI BARU—TENAGA PELAJAR

8. Puan Rahmah binti Othman (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menggunakan tenaga pelajar yang berhenti sekolah di antara umur 18 hingga 25 tahun dalam semua bidang supaya mereka dapat melibatkan diri dalam mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru dan dapat dilindungi dari pengaruh anasir-anasir yang jahat.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mempunyai berbagai rancangan untuk belia yang bertujuan memberi latihan dan pengalaman dalam bidang organisasi dan bidang sosio-ekonomi. Rancangan-rancangan ini mempunyai matlamat menggalakkan belia dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Di antara rancangan-rancangan penting dalam bidang sosio-ekonomi ialah rancangan Belia Peladang dan rancangan Belia Niaga.

STESYEN PENYIARAN BAGI RANGKAIAN MERAH

9. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Penerangan menyatakan berapakah peruntukan yang telah dibuat untuk memperbaiki dan meninggikan kekuasaan Stesyen Penyiaran bagi Rangkaian Merah dan bilakah kerja-kerja memperbaiki ini dijangka siap.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Haji Embong bin Yahya): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Penerangan tidak membuat rancangan bagi memperbaiki, melengkap atau meninggikan kuasa stesyen penyiaran khusus atas satu-satu rangkaian seperti Merah sahaja tetapi bagi semua rangkaian. Bagi tujuan ini di bawah

Rancangan Malaysia Keempat, Kementerian saya telah memperuntukkan sejumlah \$8.5 juta untuk rancangan meningkat dan meninggikan lagi kekuasaan alat pemancar bagi semua rangkaian yang sedia ada dan di samping itu meneruskan usaha pembinaan pemancar-pemancar yang baru. Projek pembangunan ini berjalan berperingkat-peringkat dan dijangka akan siap di akhir Rancangan Malaysia Keempat.

BOT-BOT NELAYAN NEGARA ASING

10. Tuan Haji Abdul Latip bin Haji Dris minta Menteri Pertanian menyatakan berapa banyak bot-bot nelayan negara asing yang telah didenda kerana kesalahan-kesalahan menangkap ikan di perairan negeri Sarawak sejak tahun 1978 sehingga 1979.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 1978 dan 1979 tidak ada nelayan-nelayan dari negara asing ditangkap serta didenda.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Soalan tambahan. Bolehkah saya dapat kenyataan selain daripada Sarawak iaitu bilangan bot-bot asing yang telah didenda di seluruh Malaysia selain daripada Sarawak.

Tuan Edmund Langgu anak Saga: Tuan Yang di-Pertua, saya memerlukan notis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Azlan Kinjawan.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 11.

DADAH MENGANCAM KESELAMATAN NEGARA

11. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar (*di bawah S. O. 23 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan apakah bentuk undang-undang yang telah digubal mengenai konsep Malaysia terhadap dadah yang diiktirafkan oleh Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan serantau Commonwealth di New Delhi baru-baru ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Kedua Ketua-ketua Kerajaan Commonwealth Serantau Asia-Pacific di New Delhi pada 4hb hingga 8hb September, 1980 dalam kenyataan rasminya telah mengakui bahawa penggunaan dadah secara meluas mengancam keselamatan, ketenteraman dan ketahanan negara. Mesyuarat itu juga telah mengambil maklum bahawa dadah bukanlah hanya masalah sosial dan terdapat hubungan yang jelas di antara pengedaran dadah dengan lain-lain jenis jenayah teratur, termasuklah pengedaran senjata secara haram yang boleh menimbulkan masalah keselamatan yang serius kepada setengah-setengah negara.

Kenyataan ini adalah sejajar dengan pandangan Malaysia terhadap dadah sebagai satu masalah keselamatan yang boleh mengancam keselamatan, ketenteraman dan ketahanan negara.

Selaras dengan ini kajian sedang dijalankan untuk membuat beberapa pindaan kepada Akta Dadah Berbahaya 1952. Pindaan-pindaan yang sedang dikaji termasuklah memberi kuasa yang lebih kepada Pegawai-pegawai Penguatkuasa, memberatkan lagi hukuman ke atas mereka yang terlibat dalam kegiatan pengedaran dan penjualan dadah; mengubahsuaikan berat dadah dalam milik bagi maksud anggapan sebagai pengedar dan memperkemas lagi peruntukan mengenai rawatan dan pemulihan penagih-penagih dadah.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai konsep undang-undang dadah seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya suka bertanya oleh sebab banyak orang berkata dadah bukan sahaja melibatkan seseorang sahaja yang kena tetapi boleh meruntuhkan negara seterusnya, bagaimana kedudukan dadah dalam negeri kita sehingga ke hari ini adakah bertambah kurang disebabkan kuat kerja Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri kita ini ataupun semakin merebak.

Yang kedua, adakah kelima-lima negara-negara ASEAN ini bersatu secara menyeluruh mengambil inisiatif untuk menghapuskan dadah di dalam ASEAN kita ini. Adakah dibuat demikian atau tidak?

Tuan Sanusi bin Junid: Kerajaan berpendapat bahawa tindakan untuk menyelesaikan masalah dadah setakat ini adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memperhebatkan lagi dan sekarang ini kita sedang berusaha mendapatkan lebih banyak anggota-anggota Polis untuk melibatkan diri di dalam usaha menyelesaikan masalah dadah bukan sahaja dengan negara-negara ASEAN malah dalam usaha untuk menyelesaikan masalah dadah kita bekerjasama dengan semua negara.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tidakkah termasuk di dalam dadah ini candu dan sebagainya. Semasa sebelum perang dahulu Kerajaan telah membuat satu peraturan, orang-orang yang hisap candu ini dikawal, diberi lesen untuk menghisap candu dan Kerajaan sendiri menjual candu itu kepada penghisap-penghisapnya dengan tujuannya supaya menghisap candu ini tidak merebak kepada kalangan yang ramai. Sekarang ini candu telah ditahan dan begitu juga segala drug yang lain termasuk dadah. Adakah pihak Kerajaan bercadang hendak mengkaji semula langkah yang dibuat sebelum perang itu iaitu oleh kerana terlampau ramai penghisap-penghisap dadah di negara kita ini maka akan dikawal dengan lesen. Siapa yang hendak menghisap dadah diberi lesen dan Kerajaan sendiri akan menjual dadah kepada mereka itu.

Tuan Sanusi bin Junid: Harapan Ahli Yang Berhormat semoga dadah diberikan kepada orang-orang yang teringin hisap, tidaklah dapat dilayan oleh pihak Kementerian.

WANG BAWAH MEJA

12. **Tuan Alexander Lee** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan pengaduan yang telah

diterima oleh Kementerian beliau tentang pembayaran 'wang bawah meja' yang dituntut oleh pemaju-pemaju perumahan dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mencegah amalan-amalan rasuah ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya setakat ini telah menerima tujuh aduan tentang kutipan wang 'under-the-counter'. Kebanyakan aduan ini tidak ditandatangani.

Yang Berhormat Senator mungkin faham bahawa masalah kutipan wang 'under-the-counter' merupakan satu kelemahan sementara dalam keadaan perindustrian perumahan kepada amnya yang timbul kerana keperluan perumahan tidak seimbang dengan bekalannya. Ianya juga merupakan satu aspek bimbangan inflasi yang amat rumit untuk diatasi yang pada akhirnya membayangkan kelemahan-kelemahan di kalangan para pembeli sendiri. Dengan demikian sudah menjadi tugas utama Kementerian saya untuk mempergiatkan usaha-usaha bagi melipatgandakan pembinaan rumah-rumah sama ada melalui program-program Kerajaan atau oleh pihak-pihak swasta.

Saya suka menerangkan juga bahawa kutipan wang 'under-the-counter' membayangkan kesalahan-kesalahan di bawah Akta Pencegah Rasuah atau Undang-undang Hasil Dalam Negeri. Dengan demikian Kementerian saya telah menyerahkan masalah ini kepada Biro Siasatan Negara yang mempunyai undang-undang dan pengalaman yang lebih luas dalam bidang ini dan saya harap mereka yang mempunyai maklumat yang berkenaan akan berhubung terus dengan pihak BSN. Bagaimana Kementerian saya sedang mengkaji masalah ini dengan mendalam dan bersama-sama dengan BSN dan Jabatan Hasil Dalam Negeri akan cuba merancang satu strategi bagi mencegah perbuatan-perbuatan tersebut.

LEBUHRAYA TIMUR BARAT— PEKERJA-PEKERJA BELIA

13. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan jumlah belia dan bekas tentera yang menjadi pekerja Lebuhraya Timur-Barat.

Datuk Clarence E. Mansul: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat untuk mengetahui jumlah belia yang bekerja di Lebuhraya Timur-Barat adalah terlalu umum. Walau bagaimanapun, adalah dianggarkan lebih kurang 70% daripada kakitangan di Lebuhraya Timur-Barat berumur kurang dari 40 tahun. Sekiranya Ahli Yang Berhormat memaksudkan belia-belia tersebut adalah calon-calon dari Pusat Latihan Belia Pelopor Negara di Dusun Tua, sejumlah 114 orang daripada 983 orang pekerja-pekerja keseluruhnya telah diambil berkhidmat di projek yang dimaksudkan. Kementerian saya setakat ini telah mengambil sejumlah 80 orang bekas anggota Pasukan Keselamatan untuk bertugas di projek tersebut.

PENDAKWAH-PENDAKWAH— PENGAWALAN

14. Puan Rahmah binti Othman minta Perdana Menteri menyatakan usaha-usaha Kerajaan khasnya Jabatan Hal Ehwal Agama Islam bagi mengawal dan menyatakan tenaga dakwah-dakwah supaya setiap ajaran agama Islam itu tidak diselewengkan.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum kuasa mengawal pendakwah-pendakwah adalah di dalam bidangkuasa negeri-negeri berkenaan. Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-negeri sudah diperuntukkan kuasa dalam pengeluaran tauliah-tauliah kepada mereka yang hendak menjalankan dakwah Islamiah.

Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa agama negeri-negeri sentiasa mengawasi pendakwah-pendakwah yang telah ditauliahkan itu supaya tidak mengajar ajaran-ajaran yang terkeluar dari ajaran Islam

yang sebenarnya. Tindakan undang-undang boleh diambil jika pendakwah-pendakwah yang telah diberi tauliah menjalankan kegiatan dakwah yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar.

Datuk Haji Khalid bin Haji Abdullah: Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai definisi berkenaan dengan; satu, kita kata agama Islam di bawah Kerajaan Negeri tetapi pelajaran di bawah Kerajaan Pusat. Jadi, adakah kita mempunyai satu garisan yang dapat menentukan yang mana satu yang benar-benar di bawah Kerajaan Negeri dan yang mana benar-benar di bawah Kerajaan Pusat.

Soalan saya yang kedua, adakah Kerajaan percaya bahawa dengan sebab susunan pelajaran agama yang tidak begitu teratur telah menimbulkan masalah dakwah yang tidak begitu teratur.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, menjawab pada soalan tambahan yang pertama dari Yang Berhormat itu, sukalah saya menyatakan bahawa pengajaran Islam oleh kerana Raja-raja dalam negeri masing-masing mempunyai kuasa mutlak atas agama maka sehingga hari ini sekolah-sekolah agama dan pengajaran agama di pondok-pondok adalah digalakkan di bawah kuatkuasa Raja-raja yakni kuasa agama di negeri masing-masing.

Menyentuh pada soalan yang kedua di mana garis-garis perbezaan yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu di antara tanggungjawab Negeri dan Kerajaan Pusat. Sehingga hari ini oleh kerana dalam Constitution kita di bawah Article 3 (*Dengan izin*):

“3. *Religion of the Federation.*

- (1) Islam is the religion of the Federation; but other religions may be practised in peace and harmony in any part of the Federation”.

Di bawah semangat Article ini, kita dapat menyaksikan sekarang bahawa walaupun Kerajaan Pusat mempunyai kuasa dari segi pelajaran, ini merupakan pelajaran sekular

iaitu mathametic, sains dan sebagainya, Kementerian Pelajaran ternyata kepada kita telah memasukkan dalam kurikulum sekolah-sekolah ini akan pelajaran agama Islam. Jadi, ternampak kepada kita walaupun tidak ada satu garis perbezaan yang nyata tetapi di bawah semangat inilah Kerajaan Pusat itu mengadakan kurikulum pelajaran agama Islam di sekolah-sekolah sehingga diadakan, saya rasa kalau tidak silap saya, kurang lebih 3,000 guru-guru yang mengajar agama di sekolah-sekolah Kerajaan. Oleh kerana keadaan Constitution begitu sehingga hari ini kita tidak dapatlah menentukan semata-mata pelajaran agama ini semata-mata kewajipan Kerajaan Negeri atau semata-mata kewajipan Kerajaan Pusat di bawah Kementerian Pelajaran.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini masalah dakwah. Saya apabila menyebut dakwah, saya menghukumkan diri saya iaitu saya tidak akan menyebut dakwah songsang ataupun dakwah apa-apa tetapi saya hendak bertanya.

Dakwah ini diperkatakan oleh seluruh ibubapa terutama di kampung-kampung, hairan macam mana ketetapan menyambut hari raya dan menyambut puasa. Dakwah ini berlaku sewenang-wenang sekarang berbangkit di kampung-kampung menyebut fasal masak lemang, buat kueh, Tuan Yang di-Pertua.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, tidak bolehkah Menteri yang bersangkutan dengan agama pusat kita ini, dalam masa hadapan; saya hendak bertanya dua fasal ini walaupun saya pandang kecil tetapi saya kasihan terutamanya kepada budak-budak, Tuan Yang di-Pertua, apabila hendak hari raya dia sudah buat kueh malamnya, bajunya pun sudah disiapkan, besoknya hari raya tidak jadi, kasihan budak-budak ini.

Saya hendak bertanya, mulai tahun hadapan ini bolehkah tidak Yang Berhormat Menteri yang bersabit dengan agama ini menjamin tidak lagi berlaku perselisihan masa menyambut Puasa dan berhari raya.

Pada pendapat saya negeri kita dengan Mekah perbezaannya tidak lebih daripada 5 jam mengikut pusingan matahari. Saya yakin kalau tidak silap saya barangkali kalau silap Ustaz ada di sini—Yang Berhormat boleh membetulkan. Kita boleh menyambut Puasa serupa dengan Mekah dan Hari Raya pun disambut sama dengan Mekah. Jadi bukannya senang seluruh umat Islam khususnya kita di Malaysia ini bagi menyebut Puasa dan Hari Raya di masa-masa hadapan. Saya mengaku dan tidak menafikan Raja-raja berkuasa dalam negeri masing-masing tetapi Raja-raja kita pun tertakluk kepada kebenaran Al-Quran sebagaimana Islam sendiri ada 4 Mazhab tetapi keempat-empatnya ada mempunyai fahaman masing-masing, tetapi keempat-empatnya tunduk dan patuh kepada Quran.

Meski pun kita tidak hendak menyentuh kuasa Raja-raja, kita hormatkan tetapi saya cukup yakin kalau keterangan yang cukup jelas Raja-raja kita pun tentu bersetuju dan belas kasihan kepada rakyatnya di kampung-kampung menyambut Hari Raya terutama kanak-kanak, kadang-kadang sedih, buat lemas sebatang sahaja kerana mereka miskin, kalau orang kaya tidak kira berapa puluh batang pun ada; simpan esok atau lusa tidak boleh makan lagi kerana basi.

Jadi bolehkah Menteri berkenaan agama di Jabatan Perdana Menteri menjamin insya Allah tahun hadapan tidak berlaku lagi perselisihan yang sedih ini dan menjamin tahun depan boleh dijalankan serentak.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan sedar tentang kesulitan-kesulitan yang timbul berkenaan dengan perselisihan tarikh berpuasa dan tarikh hari raya ini. Ada satu masalah dan masalah ini adalah masalah sensitif. Dalam Constitution Negeri masing-masing sebagaimana pernah saya nyatakan dalam Majlis Dewan Negara dan Dewan Rakyat, kuasa mutlak atas agama itu ialah terletak kepada Raja-raja dan dalam tiap-tiap buah negeri Raja-raja ada mempunyai penasihatnya, iaitu Mufti-mufti dan Ulamak-ulamak yang menganggotai Majlis-majlis Ugama.

Dalam masalah menentukan tarikh puasa dan tarikh hari raya ini perkara ini diserahkan semata-mata kepada budibicara Mufti-mufti dan Ulamak-ulamak yang menjadi Anggota Majlis Ugama Islam itu, bagi tiap-tiap buah negeri dalam soal menentukan tarikh puasa dan hari raya ini. Oleh kerana berlaku satu sunnah di masa zaman Rasulullah dahulu perbezaan tarikh di antara orang Madinah dengan orang Sham, dengan izin, just one day's difference, jadi berita itu sampai di Madinah tidak timbul masalah, terus orang Madinah berpuasa dan orang Sham berpuasa, berbeza satu hari. Jadi berdasarkan kepada inilah; satu pendapat Ulamak-ulamak mengatakan tidak menjadi masalah besar kalau ada perselisihan tarikh puasa dan tarikh hari raya, that is one point.

Kedua, dalam Quran jelas Tuhan telah wahyukan ayat yang bermaksud: bila kamu melihat anak bulan present hendaklah puasa sehari. Jikalau tidak lihat anak bulan hari satu lagi, then the next day puasa. Oleh kerana begitu jelas keterangan yang ada dalam Quran itu dan timbul kebebasan Ulama-ulama menentukan hukum dari segi 'ijtihad' yang dibenarkan oleh Islam, kalau betul dapat dua pahala dan kalau tak betul dapat satu pahala, maka dari segi inilah Ulamak-ulamak telah menentukan tarikh puasa dan hari raya itu kebetulan berselisih faham di antara Indonesia atau Malaysia atau negeri-negeri lain dalam negara kita ini.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya baru-baru ini telah menghantar satu rombongan Pegawai dari Pusat Islam kita ini ke Turkey mengkaji bagaimana orang-orang Turkey menentukan tarikh puasa melalui hisab dan rukyah—kedua-dua sekali, melalui perhitungan mathematic kerana di dalam ilmu mathematic ini tepat kita boleh tahu tarikhnya itu. Maka sekembali mereka ke tanahair kita telah buat satu report berkenaan hal ini.

Saya rasa masalah apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, insya Allah tahun depan kita tentu tetapkan tarikhnya. Saya akan cuba menentukan satu cara yang pernah dilakukan dalam negara kita satu masa dahulu kita pakai kedua-dua, iaitu kaedah hisab dan kaedah rukyah. Kalau dapat kita lakukan dua

method ini insya Allah kita dapat tentukan tarikh puasa, tidaklah berbeza-beza di negara kita ini, khususnya di negara kita ini dahulu.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya harap pihak Kementerian ini menyelesaikan sedikit kemusykilan saya. Di dalam Perlembagaan memang ada dihad, ditentukan kuasa-kuasa Negeri dan kuasa Persekutuan. Kuasa-kuasa Negeri termasuklah masalah tanah, masalah hutan, masalah ugama yang berkuasa penuh Negeri itu boleh menjalankannya. Kalau kita lihat di dalam masalah tanah misalnya di samping Negeri ada mempunyai kuasa tetapi Kerajaan Persekutuan juga ada mempunyai Kementeriannya dan selalu menyelaraskan. Jadi kalau timbul masalah apa-apa pun pertanyaan di dalam Dewan ini pihak Kementerian Tanah dengan serta-merta menjawab. Kalau kita hendak tahu misalnya berapa banyak tanah-tanah yang terbiar tidak diteroka di dalam seluruh Malaysia boleh dijawab dengan serta-merta pada hal masalah tanah ini adalah masalah Negeri, macam mana Kementerian Tanah itu tahu. Maknanya pihak Kementerian Tanah itu mengambil berat dan mencatat dan selalu memperhubungkan hal Negeri, sebab itu dia tahu, begitu juga hal hutan.

Jadi timbul masalah ugama, sebagaimana dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi masalah hal ugama ini ialah hal Negeri, sama juga masalah tanah, sama juga masalah hutan. Banyak sudah di zaman yang akhir ini kita mendengar dan kita membaca di dalam surat-suratkhbar misalnya penyelewengan yang berlaku pada satu-satu Negeri dan perkara itu berekor kepada mahkamah dan sebagainya. Tetapi kalau kita tanya di sini, jawapannya akan diberi mengatakan perkara ini masalah Negeri, itu saya tak faham. Macam mana kalau masalah tanah boleh dijawab, pada hal ianya masalah Negeri juga, boleh dijawab dengan serta-merta tetapi kalau masalah ugama dikatakan ini masalah Negeri, tidak boleh dijawab. Tidakkah ada penyelarasan ataupun dalam Jabatan Hal Ehwal Ugama di bawah Jabatan Perdana Menteri itu satu rekod ataupun orang-orang yang bekerja untuk menghubungi Negeri-negeri yang

tersebut dan kalau sekiranya pihak Negeri itu menjalankan kerja yang tak betul ataupun menyeleweng daripada apa yang tercatat dalam Perlembagaan dan sebagainya tidakkah patut perkara itu diberi amaran, diberi teguran dan sebagainya supaya Malaysia kita ini berjalan selari. Tidakkah boleh dibuat begitu pada masa akan datang. Lagi pun menyenangkan Ahli-ahli Dewan ini kalau sekiranya hendak bertanya apa-apa, tidakkah payah kita merujuk kepada Negeri. Ahli Dewan ini tak ada kuasa hendak rujuk kepada Negeri, memang tak ada kuasa, hanya boleh rujuk di sini sahaja. Jadi kalau dikatakan perkara itu perkara Negeri kita pun senyap, masalah itu tidak akan terhurai dan tidak akan terungkai, akan tenggelamlah menjadi masalah selama-lamanya.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada pertanyaan Ahli Yang Berhormat meminta penjelasan berkenaan dengan kedudukan kewajipan Negeri dan Kerajaan Pusat berkenaan dengan ugama dan Ahli Yang Berhormat telah memberi cukup perbandingan di antara kuasa Negeri dan kuasa Pusat dalam soal-soal tanah. Perbandingan ini tidak sama dengan ugama, soal tanah kalau kita silap pun tak apa, kalau kita tak paksa Kerajaan Negeri pun tak ada apa-apa masalah. Soal ugama ini memang Kerajaan Pusat telah menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam di Jabatan Perdana Menteri di mana Perdana Menteri sendiri menjadi Pengerusi dan saya Timbalan Pengerusinya. Jadi tiap-tiap 3 bulan sekali kita adakan mesyuarat Ketua-ketua Jabatan Ugama seluruh negeri dalam negara kita ini membincangkan masalah-masalah untuk diintegrasikan supaya tidak bercanggah usaha-usaha yang dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh Jabatan Ugama di Negeri masing-masing. Jabatan Hal Ehwal Ugama ini juga ada satu Jawatankuasa Fatwa. Jikalau timbul masalah-masalah di dalam negeri masing-masing maka masalah itu kadangkala diputuskan oleh negeri masing-masing tetapi oleh kerana hendak menyelaraskan seluruh negara kita ini, masalah itu juga dibincangkan pula di sidang atau majlis Ketua-ketua Ugama yang bersidang 3 bulan sekali itu.

Sehingga hari ini saya sukalah menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat nampaknya kerja-kerja penyelarasan itu makin hari semakin improve, makin dikatakan membawa natijah-natijah atau result yang baik. Jadi kita harap satu hari kelak walaupun Menteri di Jabatan Perdana Menteri tidak mempunyai kuasa sebagai Menteri Ugama, walau bagaimanapun kita harap perkara ini akan dapat diselesaikan. Masalah ugama ini memanglah amat sulit kerana negeri-negeri masing-masing ada mempunyai muftinya masing-masing. Inilah yang menimbulkan masalah-masalah yang sulit bagi Jabatan Hal Ehwal Ugama Islam di Jabatan Perdana Menteri ini. Dan persoalan hendak menyelaraskan Jabatan Perdana Menteri dalam hal ehwal ugama ini dengan Jabatan Ugama di negeri masing-masing sedang dijalankan dan saya rasa banyak masalah yang boleh diintegrasikan di antara Negeri dan Kerajaan Pusat.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak bertanya sebab masalah yang dibincang-bincangkan oleh orang ramai selain daripada dakwah ialah hal puasa dan hari raya. Berbalik kepada masalah itu tadi saya dengar Yang Berhormat Menteri menyebut satu rombongan hendak dihantar ke Turki, sekali masa kita dengar cerita daripada Mekah tentang nampak bulan atau tidak nampak bulan, kemudian sampai kepada Hari Raya Haji masa yang akhir sekali. Pada hal nampak bulan ini ialah awal bulan itu yang kita hendak tengok tetapi tidak diisytiharkan masing-masing melenggak, tunggu bila hendak disiarkan. Sampai kepada hari wukuf, sedangkan hendak wukuf pun berpandu kepada melihat anak bulan pada hal kita di sini pun ada ulamak. (*Dengan izin*) Sumu biru 'yati Bilal, Yaktubu-bi-ru'yati Bilal. Tengok nampak bulan, puasa. Nampak bulan kemudian pula, buka puasa; maknanya hari raya. Maknanya apa yang hendak kepada Mekah, apa yang hendak kepada Turki, apa yang hendak kepada lain. Itu saya bertanya?

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, masalah hendak menentukan tarikh Hari Raya Haji dan Hari Raya Puasa pada tahun ini telah dapat kita selaraskan

antara negara kita dengan Kerajaan Saudi Arabia. Ada satu masalah yang boleh meraguragukan mufti-mufti kita di sini iaitu keadaan cuaca di negara kita dengan Saudi Arabia. Di Negeri Arab sepanjang tahun, sepanjang masa cuacanya terang selalu. Ada pun negara kita Malaysia, negara yang selalu redup. Jadi inilah masalah yang selalu kita tidak dapat melihat anak bulan. Memang terang dalam Quran dan Hadis terang sebagaimana yang dibaca oleh Ahli Yang Berhormat tadi, itu Quran.

Saya berpendapat untuk pengetahuan Majlis ini selagi ulamak kita tidak berani menggunakan hisab membimbangkan bahawa it is a new method selagi itu saya rasa susah kita hendak menyelaraskan pendapat-pendapat ini melainkan sesudah ulamak-ulamak kita ini berani menyentuhkan sesuatu seperti di Indonesia mereka menggunakan 2 methods. Mungkin itulah saya rasa dapat dengan mudahnya kita menyelaraskan dan menentukan tarikh Puasa atau tarikh Hari Raya kerana dalam Quran mengatakan: La-tabdila-Li-khalqillah. There is no alteration in the creation of God, walaupun satu second, walaupun satu degree, tidak berubah dalam pusingan alam planet ini, sedikit pun tidak berubah. Tetapi ulamak-ulamak kita tidak berani menentukan dari segi sains.

Kita harap satu hari kelak sains ini akan dapat dipergunakan untuk menentukan tarikh puasa. Sebenarnya kalau kita hendak sembahyang kita tengok jam, kita tengok hisap tetapi kalau hendak menentukan puasa, kita takut. Jadi mana satu masalah. Kita haraplah satu hari nanti ulamak-ulamak kita ini dapat mengkaji dari segi sains pula tidak semata-mata Fekah, sungguh pun sains itu perkara baru, dia ada dalam Al-Quran.

PENGUSAHA PADI DI PERAIRAN MUDA, KEDAH

15. Tuan K. Kumaran minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat pihak-pihak orang tengah yang mengambil kesempatan mengusahakan padi secara besar-besaran di kawasan Perairan Muda, Kedah; jika sedar, nyatakan sikap Kerajaan dalam hal ini.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga): Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham apa yang dimaksudkan dengan orang tengah itu di dalam soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator itu. Ada laporan bahawa kebelakangan ini penyewa-penyewa baru yang menyewa lebih daripada satu lot tanah untuk menambahkan pendapatan dan pengeluaran mereka. Perkara ini sedang dikesan dan maklumat sehingga ini menunjukkan bahawa penyewa-penyewa itu tidak menyewa lebih daripada 50 ekar. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang mengambil perhatian tentang perkara ini.

URANIUM SEBAGAI SUMBER TENAGA NUKLEAR

16. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kementerianya bercadang untuk menggunakan sepenuhnya uranium yang terdapat di Kelantan untuk dijadikan sebagai Sumber Tenaga Nuklear di rantau ini dalam tempoh 20 tahun yang datang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini hanya kesan-kesan mendapat uranium sahaja yang diketahui melalui kerja-kerja penyiasatan kajibumi yang dijalankan oleh Jabatan Penyiasatan Kajibumi Malaysia. Penyiasatan secara mendalam selanjutnya perlu dijalankan di kawasan-kawasan terdapatnya kesan-kesan uranium ini untuk menentukan sama ada mendapat uranium itu terdapat dalam keadaan yang banyak dan ekonomik diusahakan. Oleh itu, usaha yang lebih giat untuk menentukan potensi kedapatan uranium yang boleh digunakan sebagai sumber tenaga nuklear perlu dijalankan dan ini akan memakan masa. Sungguhpun demikian, Kerajaan mendapati bahawa banyak lagi punca-punca tenaga lain yang belum diselidiki seperti tenaga air, arang batu dan gas asli serta tenaga yang diperolehi daripada sumber matahari dan ombak.

Kerajaan berpendapat bahawa punca tenaga daripada uranium ini adalah sumber yang terkemudian sekali akan digunakan memandangkan lebih banyak lagi punca-punca lain seperti yang dikatakan hanya perlu dimaju dan digunakan dahulu.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu sekarang ini di seluruh Malaysia sedang diteroka dan dibuka kawasan-kawasan baru seumpama Kelantan Selatan, Trengganu Tengah, Johor Tenggara dan sebagainya. Dan pihak Kementerian ini adalah bertanggungjawab tentang galian ataupun logam yang terkandung di dalam tanah. Jadi saya ingin bertanya perkara uranium ini yang ditimbulkan dalam akhbar dan dikatakan bahawa di Kelantan ada uranium. Jadi, saya hendak bertanya, adakah di Malaysia ini, kalaulah di Kelantan itu dikatakan rumours sahaja, adakah di lain-lain tempat di dalam Malaysia ini selain daripada Kelantan, mengandungi uranium dan kalau ada, apakah cadangan-cadangan untuk dikelolakan ataupun dikeluarkan?

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat itu ada sedikit keluar daripada soalan asal, jadi saya minta notis.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim.

Tuan Abdullah bin Salleh: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 17.

CUTI MINGGUAN SELURUH NEGARA

17. Tuan Abdullah bin Salleh (*di bawah S. O. 23(2)*) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) hari apa (iaitu hari Jumaat atau Ahad) yang akan dijadikan hari cuti minggu yang sama untuk seluruh negara; dan
- (b) jika hari Ahad dipilih, nyatakan reaksi Kerajaan-kerajaan negeri mengenai pilihan ini.

Menteri Tak Berpotfolio Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, sehingga sekarang ini Kerajaan belum lagi menetapkan hari apakah yang akan

dijadikan hari cuti mingguan yang sama bagi seluruh negara oleh kerana Kerajaan terpaksa mengkaji dengan teliti mengenai hari yang sesuai bagi cuti tersebut yang boleh diterima oleh semua negeri-negeri dalam Malaysia. Ini adalah penting kerana mengikut Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan, tiap-tiap negeri adalah berhak menentukan hari kelepasan masing-masing. Dengan itu masalah reaksi Kerajaan Negeri-negeri mengenai perkara ini belumlah lagi timbul.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya dua soalan. Di samping hari cuti mingguan pada hari Ahad, adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan hari bekerja 5 hari dalam seminggu sebagaimana yang dijalankan oleh gudang-gudang perusahaan ataupun swasta pada masa ini dan soalan kedua, saya hendak bertanya, adakah Kerajaan bercadang untuk memberi cuti setengah hari di dalam bulan Puasa sebagaimana pernah dibuat beberapa tahun dahulu.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan soalan pertama iaitu bekerja 5 hari dalam seminggu, perkara ini Kerajaan belum lagi bercadang untuk berbuat demikian. Ini ialah kerana pada masa ini negara kita sedang pesat membangun dan dengan kerana ini kita memerlukan hari lebih banyak untuk membolehkan projek-projek pembangunan kita berjalan dengan lancar dan licin.

Mengenai cuti setengah bagi di masa hari raya, saya rasa soalan itu belum lagi dapat dijawab, apabila masanya sudah sampai nanti, barulah dapat difikirkan.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya bukan hari raya tetapi cuti setengah hari pada bulan Puasa.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soalan ini belum dapat dijawab pada masa ini, kita tungguhlah nanti apabila tiba bulan Puasa kelak, maka pada masa itu barulah Kerajaan akan membuat keputusan sama ada hendak mengadakan cuti setengah hari atau tidak.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Soalan tambahan. Berhubung dengan soalan 17, kalau hari Jumaat dan Ahad belum dapat dipastikan, bolehkah dapat diterima kalau diberi cadangan ditutup pada hari Minggu ini hari Sabtu.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, itu merupakan satu cadangan dan Kerajaan belum lagi dapat memutuskannya.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 18 hingga 25 adalah diberi di bawah ini).

PENJUALAN TANAH-TANAH ORANG MELAYU

18. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada langkah-langkah telah diambil untuk menyelamatkan tanah kepunyaan Bumiputra supaya tidak terjual kepada orang asing dan nyatakan sikap Kementerian berkenaan bagi menebus semula tanah kepunyaan bumiputra yang telah tergadai kepada bukan Bumiputra.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Shariff Ahmad): Penjualan tanah-tanah sama ada tanah-tanah orang Melayu sendiri atau orang-orang bukan Melayu adalah tertakluk kepada Seksyen 214 Kanun Tanah Negara. Seksyen 214 KTN hendaklah dibaca sekali dengan Seksyen 43 Kanun Tanah Negara. Seksyen 43 Kanun Tanah Negara tidak menyekat mana-mana tanah (melainkan tanah-tanah Rezab Melayu) dari dijual kepada sesiapa sahaja hatta kepada orang-orang asing sekalipun. Kerajaan tidak bercadang buat masa ini untuk meminda Seksyen 43 Kanun Tanah Negara.

Pada masa ini Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tidak mempunyai apa-apa dasar mengenai penebusan semula tanah-tanah kepunyaan Bumiputra yang telah tergadai kepada bukan Bumiputra oleh kerana ini adalah diluar bidang tugas Kementerian ini. Walau bagaimanapun pihak Kerajaan telah

mengambil langkah dengan membenarkan Bank-bank, contohnya Bank Pertanian ada menyediakan pinjaman khas untuk memberi kemudahan kepada bumiputra menebus semula tanah-tanah mereka yang telah digadaikan itu.

Dalam hal tanah ini, saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian tidak keliru antara tanah kepunyaan bumiputra dengan tanah Reserve Melayu.

Tanah-tanah kepunyaan orang-orang Melayu tertaklok kepada dua jenis:

- (i) Tanah-tanah yang dipegang di bawah Enakmen Rezab Melayu di negeri-negeri melainkan negeri-negeri Melaka dan Pulau Pinang, di mana tidak ada Enakmen Rezab Melayu, tanah-tanah jenis ini tidak boleh dibuat segala jenis urusan seperti pindahmilik, gadaian, pajakan, lien atau Easemen kepada orang-orang bukan Melayu, hatta kepada orang-orang Melayu sendiri yang tidak memenuhi tafsiran 'Melayu' di dalam Enakmen Rezab Melayu.
- (ii) Tanah-tanah yang dimiliki oleh orang-orang Melayu tetapi di luar dari Rezab Melayu. Tanah-tanah jenis boleh dijual kepada sesiapa sahaja, hatta kepada orang-orang bukan Melayu sekalipun atau pun kepada orang-orang asing dari luar Semenanjung Malaysia.

KEWARGANEGARAAN MALAYSIA— PERMOHONAN

19. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah permohonan untuk kerakyatan yang telah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perlembagaan tetapi masih belum diberi sijil-sijil kerakyatan.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Jumlah permohonan kewarganegaraan Malaysia yang masih dalam proses hingga 31 Disember 1980 adalah sebanyak 16,044 permohonan dan Sijil Kewarganegaraan Malaysia akan hanya diberi apabila pemohon telah mematuhi semua syarat-syarat dalam Perlembagaan.

PENERBANGAN JEMAAH HAJI KE MEKAH

20. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Lembaga Urusan dan Tabung Haji pada masa akan datang dapat mengubah masa penerbangan kapal haji pada pukul 6.30 pagi ke satu masa lain yang lebih sesuai dan tidak merumitkan orang ramai.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penerbangan haji bertolak dari sini yang ditetapkan mengikut jadual pada pukul 6.30 pagi adalah untuk memastikan jemaah-jemaah haji tiba di Jeddah pada waktu siang hari untuk membolehkan segala urusan diselesaikan pada hari itu juga sebelum bertolak ke Mekah atau Madinah. Oleh kerana dalam musim haji, Lapangan Terbang Jeddah adalah merupakan antara Lapangan Terbang yang paling sibuk di dunia, segala urusan-urusan pemeriksaan seperti pemeriksaan kesihatan, Imigresen, Kastam dan Pembahagian Syekh haji selalu memakan masa. Selain daripada itu Lapangan Terbang Jeddah juga ditutup pada semua penerbangan haji antara pukul 12.00 malam hingga 6.00 pagi. Bagi menentukan Jemaah Haji Malaysia tiba di sana di luar waktu tersebut dan dengan mengambil kira perbezaan masa di antara Jeddah dan Kuala Lumpur selama 4½ jam maka terpaksa penerbangan haji bertolak dari sini antara jam 1.30 pagi hingga 6.30 pagi. Bagi menyenangkan orang ramai, jadual penerbangan ditetapkan pada 6.30 pagi. Jadual penerbangan tersebut adalah bertujuan untuk memberi keselesaan dan kemudahan kepada Jemaah Haji pada masa mereka tiba di Jeddah.

SKIM RUKUN TETANGGA

21. Tuan V. V. Aboo minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau berpuashati dengan kemajuan yang telah dicapai oleh Jabatan Rukun Tetangga di seluruh negara dan nyatakan sejauh mana kemajuan yang telah dicapai oleh Jabatan Rukun Tetangga pada peringkat ini dan nyatakan juga sama ada Kerajaan boleh membekalkan senjata untuk ahli-ahli Rukun Tetangga.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Skim Rukun Tetangga telah mula dilancarkan pada 29hb Ogos, 1975. Skim ini dijalankan melalui kuatkuasa Undang-undang Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga), 1975 dan undang-undang induknya iaitu Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu), 1969 (Ordinan 1). Tujuan asas skim ini ialah untuk membantu mengawal kegiatan subversif dan anti-nasional serta lain-lain kegiatan yang mengancam ketenteraman awam.

Di dalam menjalankan tugas-tugas bagi memenuhi tujuan di atas anggota-anggota Rukun Tetangga melalui sektor-sektornya masing-masing telah mencapai kemajuan yang pesat. Oleh yang demikian, saya berpuashati dengan kemajuan yang telah dicapai oleh Rukun Tetangga setakat ini.

Dalam usaha untuk memupuk perpaduan antara kaum, sektor-sektor Rukun Tetangga telah juga mengadakan kegiatan sosial seperti majlis sukan, gotong royong, kelas bimbingan dan lain-lain yang mana telah mendapat sambutan yang baik dari rakyat.

Mengenai pertanyaan sama ada Kerajaan boleh membekalkan senjata untuk ahli-ahli Rukun Tetangga, jika Ahli Yang Berhormat itu bermaksud senjata api, Kerajaan tidaklah boleh berbuat demikian, kerana ini tidak diperuntukkan dalam undang-undang serta Peraturan (Perlu) Rukun Tetangga. Tetapi tiap-tiap ahli-ahli Rukun Tetangga yang menjalankan rondaan adalah diberi tongkat sebagai senjata.

OPERASI ISI PENUH

22. Tuan Ismail bin Sheik Ibrahim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan jawatan yang telah diisi semenjak Operasi Isi Penuh dilancarkan;
- (b) dalam perkhidmatan manakah banyak jawatan yang diisi; dan
- (c) sama ada Kerajaan mempunyai tenaga yang cukup untuk menemuduga calon-calon yang ramai bilangannya.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Mengenai soalan (a) sebahagian besar daripada kekosongan-kekosongan jawatan

Awam Persekutuan telah dapat diisi melalui pengambilan dibawah Operasi Isi Penuh. Sebanyak 43,329 tawaran telah dibuat bagi semua kumpulan (tidak termasuk jawatan Polis Beruniform) semenjak bulan Mei 1979 hingga awal bulan November, 1980.

Mengenai soalan (b) pula pengisian jawatan adalah lebih tertumpu kepada jenis kekosongan di dalam Kumpulan 'C', 'D', dan 'IMG', seperti jawatan-jawatan Pegawai Kerani Am, Jurutrenkas, Juruteknik, Pelukis Pelan, Pembantu Urusan Haiwan, Penolong Pegawai Penguatkuasa, Jurutaip, Posmen, Pegawai Penjara, Ahli Bomba, Pembantu Keselamatan, Operator Mesin Perakaun dan sebagainya. Walau bagaimanapun, pengisian yang banyak juga adalah dibuat di dalam Kumpulan 'A' dan 'B', khususnya bagi jenis-jenis jawatan seperti Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik, Perkhidmatan Tadbir Am, Penguasa Kastam, Pemeriksa Kira-kira, Pegawai Penguatkuasa, Pembantu Siaran dan lain-lain lagi.

Mengenai soalan (c) Kerajaan sememangnya mempunyai tenaga yang mencukupi bagi menjalankan urusan-urusan temuduga yang berkenaan dengan menggunakan pegawai-pegawai kanan Jabatan-jabatan Kerajaan untuk maksud ini. Cara ini membebaskan sedikit tanggungjawab pegawai-pegawai tersebut tetapi mereka telah dapat melaksanakannya dengan baik. Contohnya, sebanyak 235 Lembaga Pemilih telah ditubuhkan bagi Kumpulan 'C' dan 'D' di bawah Operasi Isi Penuh. Bilangan ini tidaklah pula termasuk Lembaga-lembaga Temuduga yang telah sedia ada di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (bagi urusan temuduga Kumpulan 'A' dan 'B') serta Lembaga-lembaga Temuduga di Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan (bagi urusan-urusan temuduga di dalam Kumpulan 'IMG').

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya menerangkan bahawa sungguhpun bilangan permohonan adalah terlalu banyak, tetapi ini tidaklah pula bermakna yang semua pemohon-pemohon itu akan dipanggil untuk ditemuduga. Langkah ini tentunya akan mengambil masa yang panjang, dan adalah berlawanan dengan hasrat dan matlamat Operasi Isi Penuh untuk

mengisi kekosongan-kekosongan jawatan awam Persekutuan di dalam suatu masa yang singkat.

Oleh yang demikian, bagi menentukan hanya bilangan yang munasabah sahaja dipanggil untuk temuduga, maka urusan tapisan terpaksa diadakan terlebih dahulu. Kriteria-kriteria seperti kepujian tambahan yang berkaitan, pengalaman, latihan, umur, minat dan sebagainya adalah dijadikan di antara unsur-unsur tapisan yang dilakukan. Nisbah bilangan yang dipanggil temuduga juga adalah lazimnya di antara 8 hingga 12 orang calon bagi tiap-tiap satu kekosongan jawatan.

Daripada keterangan-keterangan yang tersebut di atas itu, adalah jelas bahawa Jabatan-jabatan Kerajaan sememangnya mempunyai keupayaan yang cukup bagi menguruskan urusan-urusan temuduga di bawah Operasi Isi Penuh.

LEBUHRAYA TIMUR-BARAT

23. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bila lebuhraya timur-barat dapat digunakan.

Datuk Clarence E. Mansul: Lebuhraya Timur-Barat dijangka akan dapat digunakan pada penghujung tahun 1981.

LESEN TEKSI DI PERAK— PENGELUARAN

24. Tuan S. I. Rajah minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menambahkan bilangan lesen-lesen teksi kepada kampung-kampung baru di Perak di mana perkhidmatan teksi amat berkurangan.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Sehingga bulan Oktober 1980 Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan telah mengeluarkan sebanyak 2,692 lesen teksi kepada negeri Perak termasuk kawasan-kawasan kampung baru. Sekiranya masih ada keperluan perkhidmatan teksi/kereta sewa di kampung-kampung baru di Perak, pihak LPPJ akan menimbang dengan saksama semua permohonan untuk tempat-tempat tersebut.

PENIPUAN GRED BERAS YANG DIJUAL

25. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah beliau sedar akan kejadian menipu gred beras yang dijual (kes 27-6-80, Mahkamah Kuala Lumpur). Jika ya, adakah Pegawai-pegawai Penguatkuasa Jabatan Perdagangan dan Perindustrian melakukan serbuan di gudang-gudang dan kedai-kedai beras di seluruh Malaysia dan nyatakan negeri-negeri mana serbuan seperti ini dilakukan pada tahun ini dan tahun lepas.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Kerajaan sedar bahawa penipuan mengenai gred beras yang dijual dilakukan oleh peniaga beras yang tidak bertanggungjawab. Tindakan penguatkuasaan sentiasa dilakukan untuk membentasi perbuatan menipu pengguna-pengguna oleh peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab itu.

Selain daripada kes yang didakwa di Mahkamah, Jalan Duta, Kuala Lumpur bertarikh 27-6-80 itu, kes-kes yang sama telah dihadapkan ke Mahkamah iaitu sebanyak 30 kes tahun 1979 dan 20 kes lagi dalam tahun 1980 yang melibatkan pengilang, pemborong dan peruncit. Kedudukan kes-kes adalah seperti berikut:

DAKWAAN KES-KES PENIPUAN GRED BERAS OLEH PENIAGA-PENIAGA BERAS

<i>Negeri</i>	1979	1980
Johor	2	4
Negeri Sembilan/Melaka ..	0	1
Selangor/Wilayah Persekutuan	11	5
Perak	13	5
Pulau Pinang	0	0
Kedah/Perlis	—	4
Pahang	2	1
Sarawak	0	0
Kelantan/Terengganu	2	0
JUMLAH ..	30	20

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan-urusan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan-urusan yang tertera di dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

USUL

LAPORAN YANG KEDUA JAWATAN- KUASA PERATURAN-PERATURAN MESYUARAT DEWAN NEGARA

3.36 ptg.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini menerima Laporan Yang Kedua Jawatankuasa Peraturan-

peraturan Mesyuarat Dewan Negara yang telah dibentangkan dalam Dewan ini sebagai Kertas DN 4 Tahun 1980.

Sukacita saya memaklumkan bahawa Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat telah membuat beberapa pindaan kepada Peraturan Mesyuarat Dewan Negara dengan pindaan-pindaan seperti di bawah ini.

1. *Peraturan Mesyuarat 2 (6) (c).*

Peraturan Mesyuarat 2 (6) (c) dalam Bahasa Inggeris dipinda untuk memasukkan perkataan-perkataan yang tertinggal "and if at such subsequent ballot the votes are equal, the determination shall be by lot which shall be drawn in such manner as the Setiausaha shall decide".

2. *Peraturan Mesyuarat 4 (3)*

Pindaan untuk memberi kemudahan kepada Ahli-ahli mengangkat sumpah atau melapazkan ikrar di hadapan Yang di-Pertua pada waktu tidak ada persidangan Dewan Negara.

3. *Peraturan Mesyuarat 7*

Pindaan ini adalah bertujuan untuk menyelaraskan istilah di dalam Perlembagaan.

4. *Peraturan Mesyuarat 13*

Pindaan ini dibuat oleh kerana urusan Kerajaan hendaklah diutamakan.

5. (a) *Peraturan Mesyuarat 17 (2)*

Tujuan pindaan ini ialah untuk memberi masa yang cukup dari dua jam kepada empat jam, bagi Tuan Yang di-Pertua mengkaji usul yang dibawa oleh seseorang Ahli di bawah Peraturan Mesyuarat ini.

(b) *Peraturan Mesyuarat 17 (2)*

Pindaan ini dibuat untuk membolehkan Tuan Yang di-Pertua mengkaji dan meneliti yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat sebelum menerima atau menolaknya.

(c) *Peraturan Mesyuarat 17 (2)*

Tujuan pindaan ini ialah untuk memberi masa satu jam bagi membahaskan usul di bawah Peraturan Mesyuarat ini.

6. *Peraturan Mesyuarat 17 (6)*

Perenggan 6 yang baru bagi Peraturan-peraturan Mesyuarat 17 adalah ditambah dengan tujuan untuk memastikan bahawa Ahli-ahli Dewan tidak boleh mengulangkan lagi perkara yang sama dalam mesyuarat yang sama.

7. *Peraturan Mesyuarat 21*

Adalah dipinda untuk membolehkan Pejabat Urusetia Dewan Negara memproses soalan-soalan dalam tempoh yang sesuai dan selaras dengan amalan di Dewan Rakyat.

8. *Peraturan Mesyuarat 22 (1) (c)*

Bertujuan untuk menjamin supaya soalan-soalan dikemukakan oleh Ahli-ahli adalah soalan-soalan berpatutan.

9. *Peraturan Mesyuarat 35 dan 49*

Pindaan ini dibuat untuk menyelaraskan dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

10. *Peraturan Mesyuarat 48*

Pindaan ini adalah untuk memperkemaskan cara-cara mengemukakan permohonan untuk membawa Rang Undang-undang Ahli Persendirian. Pada masa ini peruntukan tidak berapa jelas berkenaan dengan cara hendak membawa Rang Undang-undang Ahli persendirian.

11. *Peraturan Mesyuarat 70*

Pindaan ini dibuat untuk memberi Tajuk kepada Peraturan-peraturan Mesyuarat 70 dan Peraturan-peraturan lain yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio bagi diputuskan. Masalah di hadapan Majlis sekarang ialah:

Bahawa Dewan ini menerima Laporan Yang Kedua Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Negara yang

telah dibentangkan dalam Dewan ini sebagai Kertas DN. 4 Tahun 1980. Sekarang terbuka untuk dibahas.

Dato Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, rasa saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain bersama dengan saya tidak dapat kertas pindaan, macam mana kita hendak bahas, patutlah diberi kepada Ahli-ahli Dewan Negara ini terlebih dahulu kertas pindaan itu, baru dapat kita merenongnya. Ini soalan yang pertama sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditempokkan selama 5 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 3.42 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 3.50 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

3.50 ptg.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjawab pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu berkenaan dengan Kertas DN. 4 Tahun 1980 iaitu Kertas ini telah diedarkan kelmarin di dalam aturcara, mungkin barangkali Ahli Yang Berhormat itu tidak dapat salinan seumpama ini; yang lain saya rasa telah dapat.

Dato Sulaiman Ninam Shah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dalam membahaskan Kertas DN. 4 Tahun 1980, saya suka hendak bertanya sedikit sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, disebabkan Kertas ini baru saya dapat, saya tidak dapat hendak meneliti satu persatu, tetapi apa yang saya dengar Yang Berhormat Menteri menyatakan tadi pada masa akan datang supaya dibolehkan Ahli-ahli Dewan Negara mengangkat sumpah di hadapan Yang di-Pertua Dewan Negara pada masa Dewan tidak bersidang, kalau tidak salah pertanyaan saya tadi. Jadi kalau ini benar, bilakah peraturan ini berjalan kuatkuasanya kerana pada masa Ahli-ahli Dewan Negara yang baru ini kelmarin selain daripada mengangkat sumpah di dalam

Dewan, ada juga yang mengangkat sumpah di luar Dewan bukan pada masa Dewan bersidang. Adakah sumpah yang dibuat dalam Pejabat Yang di-Pertua Dewan Negara sebelum peraturan ini dikuatkuasakan sah? Kalau tidak sah, terpaksa saya dan barangkali 8 orang Ahli lain kena mengangkat sumpah semula di Dewan Negara pada hari ini kerana hari ini ialah hari penghabisan, kalau tidak saya duduk di sini setahun lebih tidak sah barangkali. Itu satu perkara yang patut saya dengar, yang lain saya tidak dapat hendak ambil bahagian kerana saya tidak dapat Kertas ini. Kalau tidak, banyak perkara yang patut saya bahaskan dalam Kertas ini. Terima kasih.

3.53 ptg.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas pandangan Ahli Yang Berhormat itu. Mengikut semangat undang-undang ini maka sumpah itu adalah sah menurut Peraturan Mesyuarat (Standing Order) 89 yang berbunyi:

“89. Keputusan Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan sebarang perkara tafsir dalam mana-mana jua Peraturan Mesyuarat ini dan berkenaan dengan perkara kelaziman adalah muktamad”.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul ini untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini menerima Laporan Yang Kedua Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Negara yang telah dibentangkan dalam Dewan ini sebagai Kertas DN. 4 Tahun 1980.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN KEMAJUAN PELANCONGAN MALAYSIA (PINDAAN)

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

Aturcara Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang

ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. (8hb Januari, 1981).

3.54 ptg.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung ucapan saya semalam dan saya ingin memberikan penjelasan sedikit.

Saya sebutkan semalam bahawa saya ingin menyentuh 2 perkara berkenaan dengan pelancongan di negara ini. Tuan Yang di-Pertua, perusahaan pelancongan ini selalunya diberikan pelbagai istilah oleh beberapa golongan. Ada golongan yang mengatakan bahawa perindustrian pelancongan ini membawakan kemajuan, membawa kebaikan kepada negara kerana dengan adanya ramai pelancong-pelancong melawat maka dapatlah negara kita dengan sendirinya dilihat oleh mereka dari segi pembangunan dan sebagainya dan juga kita dapat meningkatkan mutu kehidupan masyarakat.

Dengan menggalakkan pelancongan juga mahupun untuk rakyat dalam negeri ataupun luar negeri menambahkan pengetahuan terutama rakyat di negara kita yang senantiasa mahu melihat akan pembangunan. Di samping itu ada juga golongan yang menyatakan bahawa perindustrian pelancongan ini membinasakan kebudayaan-negara ini dengan kemasukan kebudayaan-kebudayaan kuning dan sebagainya.

Walau apa pun yang diperkatakan oleh mereka saya ingin menyampaikan ucapan tahniah saya kepada Perbadanan Kemajuan Pelancongan negara ini yang telah ditubuhkan dalam tahun 1972 telah dapat meningkatkan jumlah pelancongan kita daripada 727,000 kepada 1.416 juta. Di samping itu pula dari segi pendapatan foreign-exchangenya telah dapat membawa masuk wang yang sebegini banyak iaitu \$492 juta pada tahun sudah dan saya percaya pada tahun ini tentulah meningkat. Begitu juga dari segi pekerjaan telah dapat memberikan muda-mudi kita kesempatan peluang untuk bekerja dengan bertambahnya hotel, restoran dan sebagainya.

Dengan itu juga Kerajaan dapat membangunkan kawasan-kawasan yang

kurang pembangunannya seperti mengadakan pula tempat-tempat pelancongan di negeri-negeri.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Perbadanan ini yang telah dapat menubuhkan 8 buah pejabat di luar negeri seperti di Singapura, Bangkok, Sydney, London, Frankfurt dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita dapat lihat pada hari ini pelancungan adalah satu perindustrian yang mustahak (essential) untuk mendiversify ekonomi negara terutama negara-negara yang sedang membangun. Tuan Yang di-Pertua, di dalam hubungan ini iaitu dengan tertubuhnya Perbadanan Kemajuan Pelancungan dan dengan hasrat kita hendak menguatkuasakan peraturan-peraturan untuk mengawal kegiatan dan perjalanan Perbadanan ini, saya ingin menyentuh 2-3 perkara yang saya rasa pada pendapat saya oleh kerana Kerajaan berusaha mendatangkan pindaan-pindaan kepada Akta ibu maka perlulah kami di sini membincang dan membahaskannya.

Saya ingin menyentuh di bidang kewajipan dan kuasa pegawai-pegawai. Tuan Yang di-Pertua, peristiwa yang berlaku dalam tahun 1972-1974 kepada bekas pegawai Perbadanan yang tidak menjelaskan hutang-hutangnya dan juga kehilangan tiket-tiket di Bukit Nenas dan di Batu Caves dan penyelewengan; kalau boleh dikatakan penyelewengan pentadbiran pejabat ataupun wang di pejabat pelancungan di London pada tahun 1975-1976 itu, diharap tidak akan berulang lagi kerana ini jelas menunjukkan bahawa dalam usaha kita untuk meningkatkan, memajukan, menguatkuasakan segala undang-undang yang kita buat, kita sendiri tidak amanah dalam melaksanakan tugas kita sendiri.

Kalau ini berterusan, maka segala usaha Kerajaan untuk hendak memajukan negara ini akan terus gagal. Kerana kita mesti faham bahawa peruntukan yang dibuat dalam budget khususnya untuk Perbadanan ini adalah wang rakyat dan di sini ianya adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada rakyat dimanakah dan cara apakah Kerajaan mentadbirkan kewangan Kerajaan itu sendiri. Oleh itu, saya sangat-sangat tertarik kepada perkataan "di amanah" dalam Fasal 3.7A, perkataan ini sangat-sangat berat bagi kami yang ada di dalam Dewan ini. Oleh yang

demikian, untuk memajukan dan mengembangkan usaha-usaha di bidang pelancungan ini, Perbadanan dengan kuasa-kuasa Lembaga, Pengarah, Pengerusi dan sebagainya yang ada termaktub di dalam Akta ini, pertama sekali perlulah memilih pegawai-pegawainya bukan berasas kepada kenalan, bukan berasaskan kepada saudara mara tetapi hendaklah berasaskan kepada pegawai-pegawai yang betul-betul bertanggungjawab melaksanakan dasar Kerajaan dan hendak memajukan Perbadanan ini kepada dunia luar.

Saya bawa perkara ini kerana ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di dalam perjumpaan-perjumpaan dengan pegawai-pegawai dan di perjumpaan dan di jamuan dan sebagainya menegaskan bahawa kita sebagai rakyat sebagai mereka yang mentadbirkan negara ini perlulah memegang teguh kepada amanah yang diberikan kepada mereka itu. Kalau perkara ini berulang maka buruklah padahnya kepada pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional seolah-olah kita pada hari ini membisu seribu bahasa tanpa membuat perhatian yang tegas di dalam perkara pemilihan pegawai-pegawai.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kepada Allah subhanahu wataala yang telah memberikan kita pertunjuk dan hidayahnya, mendatangkan satu Akta beberapa bulan yang lalu di dalam Dewan yang bertuah ini supaya agensi-agensi Kerajaan juga diadakan Juru-juru Odit untuk mengodit kewangan agensi-agensi. Insya Allah, kalau kami ini menjadi watch-dog Kerajaan maka kami akan menjalankan tugas kami dengan sebaik-baiknya kerana berasaskan inilah dapat kita ketahui sama ada pegawai-pegawai kita dapat menjalankan dan melaksanakan dasar-dasar Kerajaan kita dengan sebaik-baiknya.

Saya ingin menyentuh berkenaan dengan Jabatan Pelancungan di luar-luar negeri. Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri waktu merasmikan seminar MAHA ada menyebutkan bahawa beliau mengharapkan supaya pejabat pelancungan ini dapat diadakan di negara-negara ASEAN. Saya juga ingin menyeru kepada Perbadanan ini dalam usaha untuk hendak meluaskan bidang kerjanya dan memajukan negara ini perlulah diadakan pejabat-pejabat pelancungan di

negara-negara yang belum ada terutama dalam ASEAN. Di samping itu saya bukan sahaja hendak mengatakan bahawa pejabat-pejabat yang telah ada itu, pelancungan yang saya sebutkan lapan buah negeri tadi tidak menjalankan tugas, tetapi malangnya pejabat-pejabat ini mempunyai dokumen-dokumen yang lama, information sheets yang lama-lama, kadang-kadang kalau kita pergi dekat situ tiada bahan-bahan yang hendak kita cari berkenaan dengan perindustrian ini di pejabat-pejabat itu. Maka saya suka mengesyorkan kepada Perbadanan ini melalui Kementerian, melalui Menteri yang baik budi yang ada dengan kita pada hari ini supaya mendapatkan bahan-bahan yang cukup dan lengkap dan dengan cara ini dapatlah orang-orang yang di luar negeri itu hendak tahu berkenaan dengan pembangunan negara ini diberi dengan cukupnya.

Saya suka mengesyorkan kepada Perbadanan ini supaya diadakan documentary film sebagaimana yang disebutkan oleh rakan saya semalam Yang Berhormat Dato Sri Hussein Noordin bukan sahaja di lapanganterbang di sini, malahan kalau boleh kita adakan di lapanganterbang-lapanganterbang di mana adanya hubungan penerbangan kita supaya dapat masyarakat di negara itu mengenali Malaysia dengan lebih dekat lagi, sekurang-kurangnya, kerana saya dua hari sudah membawa satu rombongan lima orang wanita dari Australia yang berada di sini iaitu ahli-ahli anthropology, dalam masa 24 jam mereka rasa puashati apabila saya membawa mereka ini ke Muzium Negara, sekurang-kurangnya mereka dapat memandang, melihat Malaysia ini dengan cara sungguhpun singkat masanya tetapi dapat memahami kebudayaan negara ini, pembangunan negara ini dan keadaan masyarakat di negara ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bukan itu sahaja bahkan saya berasa amat dukacita sangat apakala rombongan-rombongan yang datang daripada luar negeri berada di negara ini bentuk kebudayaan yang dipersembahkan di hotel-hotel sehinggalah saya hadir pada satu hari dan juga kalau tidak silap saya satu perjumpaan jamuan makan malam di mana Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri sendiri pun ada hadir, Menteri-menteri lainpun hadir, sebuah hotel

yang terkemuka mengadakan satu persembahan kebudayaan. Yang menjadi Juruacaranya adalah anak kita sendiri tetapi telur bercakap itu sudah bertukar daripada "today" kepada "todai", dia bukan hendak mengenalkan bahasa kita kepada orang luar tetapi bahasa Inggeris itupun diukur cara pronounciationnya. Bukan sahaja itu, pakaian yang dipakai oleh penari-penari kita itu rasa saya memanglah tidak berdasarkan kebudayaan kita yang sebenarnya. Oleh yang demikian, saya berharap kepada Perbadanan ini dapat menyusun satu usaha, kalau betul-betul TDC ini mengadakan satu sistem memilih pelancung-pelancung yang datang masuk ke dalam negeri ini seperti mana saya difahamkan itulah hasrat TDC sebenarnya, tidak membuka pelancungan ini kepada seluruh dunia ini tetapi negeri-negeri yang dipilih, saya tidak tahu sebabnya.

Kenapa tidak, kita adakan satu dewan di mana dapat dipilih jenis-jenis persembahan untuk para pelancung, seperti baru-baru ini saya pergi ke Korea, ke Hawaii, ini satu negeri yang memang mempunyai banyak kebudayaan, tetapi di Hawaii itu tiap-tiap setengah jam berpuluh ribu orang datang maka terlalu banyak tourist di negara itu maka mereka adakan satu tempat seumpama stadium ini untuk orang-orang daripada Fiji, Samoa—the Polynesian Dance misal kata. Jadi dibawa orang-orang yang mana dikatakan pelancung tadi melihat kebudayaan daripada semua negeri daripada gugusan pulau-pulau itu.

Jadi orang ini tidak dapat hendak pergi ke Kelantan, tidak dapat hendak pergi ke Trengganu, tidak dapat hendak pergi ke Pahang dalam jangka masa lawatan di sini yang saya tahu biasanya pelancung-pelancung ini datang ke Kuala Lumpur, Pulau Pinang ataupun pergi ke Pantai Timur, mungkin ke Kelantan tetapi tidak dapat melihat kebudayaan negeri-negeri yang lain itu; kita adakan satu tempat supaya dalam persembahan itu diterangkan kebudayaan negeri masing-masing.

Jadi tidaklah timbul sepertimana yang sahabat saya sebutkan semalam ada pula kebudayaan kita di sini yang menyatakan kita menyembah patong dan sebagainya, mesti ada skriptnya ataupun sejarah persembahan itu

sendiri. Maka saya berharap dalam usaha Perbadanan ini untuk meluaskan aktiviti, satu lagi perkara yang saya harap dapat diambil perhatian menggalakkan bukan sahaja pelancang-pelancang luar negeri tetapi yang lebih mustahak sekali yang di dalam negeri ini terutamanya kepada pelajar-pelajar dalam masa cuti sekolah. Kenapa tidak, dibuat demikian, kerana kalau hendak diharapkan ibubapa sendiri membawa anak-anak ini, mungkin lebih-lebih, katakanlah orang daripada Kedah, minta maaf rakan saya dari Kedah itu, bukannya pula hendak menyentuh, tetapi hendak beri misalan. Kalau rakan saya dari Kedah datang ke sini lebih-lebih dibawa ke Zoo Negara menengok binatang-binatang ataupun ke Muzium Negara. Tetapi kalau dibawa anak-anak ini dengan cara tersusun dan teratur, ada Tourist Guidenya yang memberikan penerangan yang secukupnya, rasa saya bukan sahaja anak-anak itu dapat melancang melihat negeri-negeri di dalam negara ini bahkan mendapat penerangan dan meluaskan pengetahuan mereka itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, rasa saya ada baiknya kalau perkara-perkara seperti ini dipertekankan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia ini supaya dapat kita memberi pelajaran kepada rakyat negara ini dalam usaha kita untuk hendak memberikan mereka pengetahuan serta sejarah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin sentuh ialah berkenaan dengan pakaian yang dipakai oleh Tourist Guide. Semalam ada disebut oleh Menteri yang berkenaan datangnya satu akta di sini untuk hendak mengawasi enterprise pelancungan di dalam negara ini yang dikatakan ada yang fly-by-night. Saya sangat bersetujulah, kerana mungkin kelemahan kita sendiri maka hari ini ada sahaja wang, ada sahaja kemudahan-kemudahan banyak syarikat yang tumbuh di bidang pelancungan ini. Tanpa ada control untuk melihat aktiviti-aktiviti yang sebenarnya dijalankan oleh syarikat-syarikat tersebut.

Kita tidak mahu dalam usaha kita untuk hendak membanyakkan pelancungan di negara ini, esok Malaysia tinggal imej sebagai

negara-negara jiran kita lain imej yang sebenarnya daripada cita-cita kita sebaliknya, iaitu berkenaan dengan pakaian. Kadang-kadang saya lihat Tourist Guide ini ada yang berpakaian seragam dan ada yang tidak berpakaian seragam. Kalau tidak salah saya, TDC ini ia ada pakaian batik hijau baju Kedah, itu agaknya pakaian Tourist Guide dari TDC sendiri atau mungkin ini agaknya sebuah syarikat lain tetapi walau apa pun pakaiannya, kita mahu bermula daripada tempat kita dahulu. Biarlah mereka yang hendak menjadi Tourist Guide ini bersopan santun dan mempunyai kebudayaan kita sendiri. Biarlah mereka berpakaian yang cantik, yang tidak melambangkan kebaratan sama sekali supaya dengan usaha kita hendak memperkenalkan kebudayaan kita kepada dunia luar, kita dapat menyusun di peringkat permulaan lagi. Maka saya berharap kepada Perbadanan ini supaya dapat berusaha melihat dalam membanyakkan enterprise syarikat-syarikat yang hendak diberi lesen begini banyak, kita mestilah ada kuasa juga membuat surprise check kepada syarikat-syarikat ini. Kerana saya dengar juga ada syarikat-syarikat pelancungan ini bukan sahaja supply Tourist Guide tetapi ada supply yang lain-lain untuk keistimewaan kononnya tetamu-tetamu dari luar negeri orang lelaki. Sebab itu saya ingin ulang sekali lagi usaha kita untuk hendak membanyakkan pelancungan luar negeri, janganlah kita dapat memberi satu imej bahawa Malaysia inilah tempat dunia wanitanya yang senang dapat menerusi syarikat-syarikat perlancongan. Oleh itu saya ingin mengingatkan kepada Kementerian supaya diberikan lesen kepada syarikat-syarikat ini tetapi mempunyai kuasa untuk hendak membuat surprise check bila sahaja supaya jangan jadi negara ini membawa satu imej yang begitu buruk kerana adanya syarikat-syarikat yang menggunakan wanita untuk mendapatkan pelancungan yang banyak. Bukan jadi pelancungan, saya takut esok salah-salah silap, kita pula jadi satu pelacuran di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan pandangan saya yang sedikit tadi, kerana saya tengok kawan-kawan saya di sebelah sana sudah gelisah hendak bercakap, maka dengan

itu saya sudah dengan menyokong akta ini dengan pandangan-pandangan yang saya bawa tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah.

4.09 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan, 1980.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap saya tidak akan mengulangi apa yang telah diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat sahabat saya yang lalu. Walau bagaimanapun apabila kita menyebut pelancungan, tergambarlah kepada kita tentang keindahan jiwa nurani seseorang. Kalau orang itu mencintai keindahan alam semula jadi, seperti gunung, laut, air terjun, sungai, hutan rimba yang indah hijau dengan ladang dan sawah dan juga kemajuan-kemajuan serta kemakmuran sesebuah negara dan ada pula setengah orang suka memerhati sejarah kebudayaan ataupun kemuliaan sesuatu negara. Menengokkan tarikh beratus-ratus ataupun beribu-ribu tahun dahulu seperti yang tersimpan di dalam muziumnya atau disimpan sebagai sejarah negara itu. Dan ada juga yang mencintai pemimpin-pemimpin besar dan ternama dalam dunia ini. Jadi masing-masing mempunyai berbagai-bagai keindahan di dalam dunia ini.

Saya hendak menyebut salah satu daripada ini, yakni salah satu yang saya juga cintai iaitu pelancungan khususnya keindahan dan kebesaran jiwa manusia. Misalnya saya pergi ke Eropah, saya tidak lupa singgah di Paris tengok tempat makam Napoleon Bonaparte. Kalau saya pergi ke England, saya cari di mana tempat Panglima Nelson yang masyhor dalam sejarah British Empire. Saya pergi ke Norway melihat rantai emas Nelson yang ada sejarahnya itu.

Begitu jugalah kalau kita pergi ke Indonesia misalnya iaitu negeri saudara yang dekat dengan kita mahu melihat di mana makam Bong Karno atau kita pergi ke Mekah, kita mahu lihat dan Tuan Yang di-Pertua, bersetuju dengan saya tentulah kita berdiri

tegak dengan penuh semadi mengadap makam Junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W. Tuan Yang di-Pertua, di sini saya hendak menyebutkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan keindahan tempat-tempat yang bersejarah. Saya tahu di Muzium kitapun ada banyak bahan-bahan sejarah. Saya hendak menyebutkan salah satu tempat yang harus diambil ingatan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu sejarah kebesaran bangsa, yang menunjukkan Kerajaan Negeri kita ini selain daripada empire Melayu Melaka misalnya. Maafkan saya apabila saya menyebut negeri saya iaitu negeri Perak bukannya besar serupa juga dengan negeri lain.

Ada satu tempat iaitu makam Sultan yang pertama iaitu Sultan Muzaffar Shah. Apabila saya telah tengok makam Napoleon Bonaparte saya teringat di tempat saya ada juga tempat yang bersejarah yang harus dilihat oleh orang France kalau dia datang ke Malaysia iaitu makam Sultan Muzaffar Shah, di satu tempat yang kecil di Kampung Telok Bakong. Saya ingat tempat yang paling bersejarah ini dilupakan oleh Perbadanan ini atau Kementerian yang berkenaan. Di sana lebih kurang 10 ekar kawasan di makam Sultan yang pertama negeri Perak ini dikelilingi oleh parit. Kalau kita selalu membaca sejarah tembok besar negeri China, dalam negeri kita juga ada tembok besar yang dibuat oleh rakyatnya sendiri iaitu orang Melayu di makam Sultan yang pertama iaitu Sultan Muzaffar Shah seperti yang saya katakan dalam negeri Perak itu tetapi ianya tidak luas macam tembok di negeri China tetapi mempunyai kota yang dibuat daripada yang luasnya 10 ekar dan di kelilingi oleh parit yang diusahakan oleh rakyat yang menunjukkan cinta kepadanya. Kalau negeri-negeri lain membuat kota dan parit mempertahankan sesuatu negerinya kita pun ada. Jadi kalau kita pergi ke makam Sultan yang pertama negeri Perak kita akan melihat kota yang dipermakamkan Sultan yang bersejarah itu dibuat oleh rakyat daripada tanah yang menunjukkan kerja usaha yang patut dibanggakan dalam sejarah seperti yang kita lihat di negeri asing dalam dunia ini.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, air sungai Perak yang mengalir di situ namanya Sungai Air Mati, lebih kurang satu setengah batu mengalir sampai ke makam itu. Kalau kita pergi ke Bangkok, Thailand kita tengok orang menggunakan sampan membawa kita mengelilingi untuk menyihatkan badan, nama sungai itu saya pun lupa, di sana menunjukkan orang berniaga dengan sampan. Di sini kita boleh melihat sebelum sampai ke makam itu satu tragedi yang berlaku mengikut sejarah negeri itu ada gajah di tengah sungai itu tetapi sudah jadi batu. Mengikut cerita orang tua-tua barangkali ada orang mengatakan hayalan sahaja, tetapi saya sendiri melihat, betul gajah. Apa sebab dia jadi batu? Timbullah cerita kesah lama, Tuan Yang di-Pertua. Orang Melayu dahulu kata Sang Pelembai. Gajah itu lalu di sungai itu, lalu ditegur oleh Sang Kelembai. Mengikut cerita orang tua-tua kalau dia datang di sini, dia tegur Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua jadi batu terus. Begitu juga di situ, gajah itu terus jadi batu dalam sungai itu sampai sekarang ini.

Di sungai itu ada banyak ikan yang masyhur iaitu ikan luma dan ikan timah, penduduk-penduduk kampung itu dengan menggunakan sedikit alat sahaja boleh menangkap ikan-ikan lama itu, mungkin barangkali ada orang yang tidak tahu apa itu ikan luma. Bukan itu sahaja, di seberang sungai itu tidak berapa jauh dari timbunan pasir yang putih di seberang sana di situlah ada beratus-ratus tuntung yang bertelor. Ini masa dahulu. Jadi pelawat-pelawat boleh pergi di sana dan dengan menggunakan buluh dalam pasir itu kena tempat tuntung itu bertelor kadang-kadang ada 30 sampai 100 biji, bukan main seronok lagi. Kerja-kerja seperti itu bukan sahaja boleh memakmurkan dan memajukan bumi negeri kita ini tetapi boleh menarik pelancung-pelancung. Kalau kita pergi ke Eropah benda itu tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan boleh mengambil perhatian tempat yang terbiar, sungai yang begitu cantik sudah terbiar, ikan-ikannya, dan juga tuntung itupun sudah lari, sebab tidak pernah berbela. Pada masa Sultan Iskandar Shah, ayahanda kepada Sultan Idris yang ada sekarang ini dibela dan dijaga iaitu adiknya menjaga tempat tuntung itu bertelor.

Saya masih ingat nama adiknya itu ialah Pakcik Abdul Razak, adik Duli Yang Maha Mulia. Dia tidak digelar Raja sebab dia adik beradik seemak, maknanya bapanya orang kebanyakan, jadi bukanlah raja. Saya menceritakan ini, sebagai orang yang mencintai sejarah. Orang yang mencintai pesaka bangsanya sendiri. Apa juga seni kebudayaan yang indah dan menarik itu pada pendapat saya mestilah kita tunjukkan apabila kita menyebut pelancung-pelancung. Jangan kita selalu mengikut stail Eropah atau stail negeri lain tunjuk tetapi kita tunjuk yang ada dalam negeri kita ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya mencadangkan kalau orang zaman moden ini juga berbangga dengan gunung masing-masing negeri, misalnya, negeri Jepun, dia bangga dengan Gunung Fujiyama, dia kata lambang matahari terbit indah, cantik dan gemilang yang membawa semangat. Negeri kita juga tidak kurang gunung, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita pergi ke Sabah kita boleh tengok puncak Gunung Kinabalu melambangkan keagungan gunung kita itu. Di negeri kita inipun tidak kurang juga iaitu Gunung Tahan dan Gunung Kerbau. Gunung ini apa salahnya dijadikan satu tempat pelancungan yang melambangkan keagungan negeri ini. Saya yakin banyak pelancung-pelancung dunia tertarik kepada tempat-tempat ini selain daripada tempat-tempat yang indah, misalnya, laut Pulau Pinang, sayapun seminggu sekali pergi ke Pulau Pinang. Sayapun mencintai laut tetapi tidak kurang juga kita mencintai gunung, tempat-tempat yang tinggi macam Cameron Highlands mengapa tidak dibuat Gunung Tahan atau Gunung Kerbau kita ini satu tempat pelancungan yang menggambarkan alam semula jadi dalam negeri kita. Apabila saya sebutkan tempat pelancungan bukan sahaja gunung yang indah sahaja, tetapi di sini menggambarkan hutan yang menghijau dengan pokok-pokok kayu yang indah yang banyak dalam negeri secara tidak langsung kita kenalkan kepada dunia.

Di samping kita berjalan kita tengok beberapa buah sungai yang airnya mengalir, keindahan pokok-pokok yang menghijau, sawah dan ladang kaum tani yang bekerja di

sawah, alangkah indahnya, Tuan Yang di-Pertua, kita buat tempat pelancungan style negeri kita seperti saya katakan tadi, bukan kita tengok hiburan, dancing, makan yang ditunjukkan dihotel-hotel besar. Tuan Yang di-Pertua, ini bukan kebudayaan negeri kita, di Hotel Hilton pada pendapat saya itu bukan stail negeri kita sebab di England apa kurangnya.

Di England apa kurang, di Amerika apa kurang, di Jepun apa kurang, lebih 100 kali daripada Hotel Hilton lagi tetapi apa salahnya kalau buat hotel cara Malaysia sendiri. Mana dia, kenapa tak buat? Kalau orang lain boleh buat di negerinya mengapa negeri kita tak boleh buat. Jadi saya berharap Menteri-menteri ini selalu kita mesti memikirkan kepada pelancung buatlah style kebudayaan dan keindahan serta keagungan bangsa kita sendiri Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya menyebut yang macam ini saya tak lupa menyebutkan ada dua perkara besar apabila kita menyebut pelancungan. Satu, kita hendak menyenangkan hati yang disebutkan oleh Menteri sekarang 490 juta dalam setahun kita sudah dapat hasil. Maknanya kita telah memberi ada dua faktor. Satu, kita memberi keseronokan orang luar datang ke Malaysia, berbagai-bagai bangsa datang. Kalau kita pergi ke Batu Ferringgi di Pulau Pinang sana kita tengoklah orang Jerman, orang Peranchis, macam-macam bangsa ada di sana. Ini menarik orang luar datang, kebanyakan yang datang inipun orang kaya-kaya. Saya tidak hendak menyentuh ini banyak, memang baik, menjadikan negara kita banyak dapat wang tetapi ada yang lebih penting sekali jangan mesti kita lupa. Pendidikan budi, pendidikan pelajaran, pendidikan jiwa dan rakyat kita sendiri yang bersangkutan paut dengan keindahan pelancungan ini telah ditinggalkan.

Misalnya, kita tidak mengutamakan rakyat kita yang miskin, yang susah, anak-anak dalam sekolah-sekolah di negara ini ada 80,000 lebih. Berapa juta misalnya sekarang anak-anak yang bersangkutan paut daripada sekolah rendah sampai ke pelajaran tinggi ada

kita sangkut pautkan dengan wang berjuta-juta yang kita buat untuk ditunjukkan atau beri kesenangan kepada ahli-ahli pelancung, terutama daripada luar negeri ini. Bolehkah rakyat biasa mendekati tempat-tempat yang kita buat, katalah kita tempatkan dia hendak menginap hotel yang kita adakan di Pulau Pinang ataupun hotel yang kita siapkan di Kuala Lumpur ataupun di mana-mana tempat lain atau kedai-kedai restoran yang besar-besar, adakah mampu 80% rakyat biasa kita mahu menggunakan kemudahan-kemudahan semacam ini. Ini kita harus fikirkan. Adakah mampu rakyat biasa yang bayar makan melihat keindahan walaupun negeri kita sendiri dia hendak pergi, misalnya dengan wang puluhan atau ratusan ringgit sekali makan. Pada umumnya dalam \$10, \$8, \$5 inilah yang biasa, yang harus disediakan untuk makanan pelawat-pelawat itu khasnya yang mesti kita adakan bagi kegunaan rakyat bumi negeri kita sendiri.

Saya hendak ingatkan Menteri yang berkenaan sambil membuat tempat-tempat pelancungan, keindahan-keindahan, pandangan-pandangan ataupun apa juga yang dibuat dalam negeri ini mestilah yang paling utama kita memikirkan yang memberi guna kepada rakyat kita sendiri. Siapa yang tak mahu wang? Kalau soal wang ini diutamakan itu sudah jadi nombor dua. Yang nombor satu kita mesti memberi guna, memberi faedah kepada rakyat negeri kita sendiri.

Saya berharap selain daripada yang boleh dipinda balik, yang macam itu dibetulkan, yang banyak bukan orang luar tetapi kita sendiri, rakyat kita gunakan, ada bersangkutan paut dengan didikan kerohanian. Saya hendak sebutkan Menteri ini mestilah salurkan bekerja dengan Kementerian Pelajaran. Apa yang dibuat keindahan, pemandangan, zoo, apa sahaja dalam ini disalurkan dengan sekolah-sekolah memberitahu kepada murid-murid di kampung-kampung, memberitahu kepada penuntut generasi kita yang muda, mereka akan menggantikan kita, ini dia tempat keindahan alam, ini dia tempat yang harus dilawat dalam negeri kita. Saya yakin ini tidak terbuat kerana buat pun sangat sedikit. Saya rasa ini perlu, mestilah dibuat, disebarkan apa sahaja yang dibuat berkenaan

dengan keindahan kepada tempat-tempat pelancungan yang indah menunjukkan gambaran kemajuan, kemakmuran, kita juga tidak kurang tempat-tempat yang indah.

Saya rasa dalam lawatan kita mengelilingi dunia, saya tidak pergi ke semua tempat tetapi saya rasa banyak tempat dalam dunia sudah pergi. Saya rasa keindahan dalam negeri kita inipun sukar ditandingi oleh negeri lain pun. Tunjukkan kepada saya apa misalannya, kalau mereka menunjukkan keindahan asli, kita juga ada keaslian yang banyak, mereka menunjukkan keindahan alam semula jadi sejarah, negeri kita juga banyak ada sangkutan sejarah, kita belum buka dan kita belum tunjukkan.

Misalnya, saya tunjukkan satu, apa yang dibuat oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sekarang mempertunjukkan seni tari, seni nyanyi, seni kebudayaan, seni adat istiadat, kahwin baik, muafakat baik, kerja baik, menunjukkan ini beratus-ratus sudah terjelma yang kelmarin tenggelam tidak digali. Begitu juga dalam perihal berkenaan dengan keindahan-keindahan lain yang harus tidak kurang daripada negeri-negeri yang maju di serata dunia ini.

Jadi itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ulang balik sebelum saya hendak duduk. Mestilah diresapkan dan diberi pengetahuan apa-apa bersabit dengan pelancungan keindahan negeri kita ini, bersangkutan dengan sejarah dan kebudayaan, dengan apa-apa juga kesenian negeri kita ini disalurkan kepada jenerasi muda kita melalui sekolah-sekolah, sekurang-kurangnya naskhah-naskhah yang berpatutan, catitan-catitan yang tertentu, misalnya pertunjukan yang telah dibuat dihantar ke sekolah-sekolah bagi keindahan jenerasi kita akan datang.

Sekian, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Senator Yap Peng.

4.36 ptg.

Tuan Yap Peng: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia

(Pindaan) yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan, khususnya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang telah membawa pindaan ini untuk meluluskan di Dewan ini dengan tujuan bagi memperkemaskan lagi perjalanan perusahaan pelancungan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perusahaan pelancungan adalah penting bagi sesebuah negara. Di Malaysia, perusahaan pelancungan adalah satu perkara yang baru dan oleh kerana itu sudah tentu ada banyak masalah yang dihadapi. Saya percaya dengan lulusnya Rang Undang-undang Pindaan ini tujuan Kerajaan hendak memperbaiki sektor pelancungan di negara kita akan tercapai.

(Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai pelancungan, negara kita adalah kaya dengan keindahan alam semula jadi. Kita mempunyai sungguh banyak tempat-tempat menarik bagi para pelancung. Di Semenanjung Malaysia sendiri terdapat tempat-tempat seperti Pulau Pinang, Pulau Langkawi, Pulau Tioman dan lain-lain dengan pantai-pantainya yang sungguh indah dan menarik. Bagi para pelancung yang ingin melarikan diri dari kesebokan bandar-bandar, mereka boleh pula menikmati tempat-tempat peranginan yang sunyi lagi sejuk dengan pokok tumbuh-tumbuhan yang menghijau seperti Bukit Fraser, Cameron Highlands atau Genting Highlands. Selain dari itu Taman Negara di negeri Pahang disediakan bagi para pelancung yang ingin melihat sendiri kehidupan binatang-binatang liar dalam keadaan alam semula jadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian pihak Kementerian yang berkenaan, sungguhpun negara kita ini sungguh kaya dengan tempat-tempat pelancungan yang sungguh menarik seperti saya katakan tadi tetapi saya berasa amat dukacita oleh kerana publisiti tidak diberi sebaik-baiknya mengenai tempat-tempat pelancungan kita itu. Ini telah menyebabkan ramai pelancung-pelancung tempatan sendiri lebih kenal tempat-tempat pelancungan di

luar negeri daripada tempat-tempat pelancungan di negeri mereka sendiri. Dengan sebab itu mereka lebih kerap pergi melawat ke luar negeri daripada menikmati tempat-tempat pelancungan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap pihak Kementerian yang berkenaan dapat mengambil perhatian yang serius mengenai kelemahan-kelemahan dari segi publisiti pelancungan ini dan cuba mengatasinya dengan cara mengadakan penerangan-penerangan atau iklan-iklan yang lebih menarik dan lebih berkesan lagi.

Pertama, saya harap penerangan-penerangan dapat disebarkan seluas-luasnya oleh pihak yang berkenaan bagi menarik perhatian para pelancung tempatan.

Kedua, saya harap juga publisiti-publisiti pelancungan ini dapat disebar luas di luar negeri melalui Atase-atase Perdagangan atau Atase-atase Penerangan kita di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Rang Undang-undang Pindaan ini, saya ingin menyentuh sedikit mengenai Fasal 5, berkenaan dengan peruntukan bagi penubuhan Kumpulanwang Am. Saya rasa dengan adanya Kumpulanwang ini amat memberi faedah kepada para pelancung yang menjadi mangsa penipuan enterprais pelancungan berdaftar. Pada masa-masa yang lalu sudah ramai orang-orang yang tertipu disebabkan perbuatan-perbuatan curang oleh pengusaha-pengusaha syarikat-syarikat pelancungan atau perseorangan. Saya harap dengan adanya peruntukan dalam Fasal 5 Rang Undang-undang ini, perkara-perkara yang merugikan orang ramai akan dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong peruntukan dalam Fasal 8 untuk menentukan orang-orang yang memegang jawatan penting dalam Syarikat-syarikat Pelancungan benar-benar bertanggungjawab perniagaannya. Saya berasa peruntukan dalam Fasal 8 ini adalah mustahak dan akan menentukan bahawa para pelancung dapat dijauhkan dari perbuatan curang seperti "fly-by-night" operators yang kerap terjadi di masa-masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja yang dapat saya katakan dan sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini.

4.45 ptg.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya persembahkan ucapan terima kasih atas keizinan yang diberi kepada saya untuk mengambil bahagian dalam menyokong dan membahas Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia 1972 yang ada di hadapan kita ini.

Sepintas lalu, Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah dapat mendengar tentang bahasa-bahasa yang digunakan oleh kakitangan ataupun anggota-anggota dalam Perbadanan ini dan pernah didengar juga terdahulu daripada ini dalam mengemukakan Rang Undang-undang terdapat berbagai-bagai bahasa yang digunakan. Bagi saya tidaklah hendak pergi begitu mendalam sekadar hendak memperingatkan supaya Bahasa Malaysia seharusnya tidak boleh dicemarkan dalam apa juga bentuk sekalipun, apatah lagi dalam Rang Undang-undang yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini.

Walaupun kita masih gunakan enterprais barangkali ada terjemahan yang elok daripada menggunakan enterprais pelancungan sama ada perusahaan dan sebagainya.

Begitu juga dalam Bil ini saya dapati dan berulang-ulang kali saya membaca tidak juga dapat hendak difahamkan tetapi bila dirujuk kepada bahasa Inggeris ternyatalah mukasurat 3, para 5 mengatakan:

"..setelah kenyataan itu dibacakan kepadanya dalam bahasa kematian itu dibuat dan setelah dia diberi peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dikehendaknya."

Mukasurat 3, para 5 bila dirujuk dalam bahasa Inggeris rupanya yang dikehendaki ialah sedikit sahaja yang diubah, tidak tahu saya bagaimana yang diubahkan; boleh jadi clerical error ataupun tersilap, tetapi dalam Bil ini juga terdapat ejaan ada sekali "ejen", ada pula apa yang disebutkan oleh saudara

saya Yang Berhormat “ejen”, “agen”. Ejaan macam-macam bunyinya, rupanya dalam bahasa Inggeris yang dimaksudkan tadi:

“..after it has been read to him in the language in which he made it and after he has been given an opportunity to make any correction he may wish.

Rupanya bahasa yang dibacakan kepadanya bukan bahasa kematian. Dalam tidak begitu bunyinya.

Begitu juga saya sebutkan tadi “ejen”, satu tempat diejakan dengan “ejen”, satu tempat diejakan dengan “agen” Ada dua tiga tempat, walaupun agak saya ini boleh jadi satu hal yang tersilap atau tidak diawasi tentang tulisan-tulisannya.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, ada tiga empat perkara yang saya akan kemukakan di sini setelah ditolak beberapa hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh sahabat-sahabat saya. Pertama, saya akan kemukakan masalah perhatian Kerajaan Pusat terhadap rancangan pelancungan. Yang kedua, peranan yang harus dimainkan oleh Kementerian. Ketiga, memelihara perusahaan dan menjamin pemasaran cottage industry dan yang keempat, barangkali kawalan Perbadanan itu sendiri termasuk Jabatan Imigresen.

Perusahaan pelancungan di negara kita nampaknya semakin bertambah kembang dan maju ke peringkat yang sangat menggalakkan, sesuai dengan itu semestinyalah Akta yang tersebut yang ada di hadapan kita berkaitan dengan pelancungan ini perlu diubahsuai dengan kehendak masa.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta yang ada di hadapan kita ini selain daripada mengadakan takrif yang terbesar, saya kajikan ialah menggambarkan kuasa yang diberi kepada Jawatankuasa ataupun Lembaga yang dilantik oleh Menteri dalam menjalankan tugasnya sama ada membenar, menahan atau meletakkan apa-apa syarat atau peraturan-peraturan untuk mengawal kegiatan mana-mana perusahaan pelancongan di negara kita ini. Seperti saya sebutkan pelancungan adalah satu daripada saluran perniagaan yang baik dan harus dikawal sebaik-baiknya dan ia juga menjadi satu penghebahan yang berkesan terhadap sesebuah negeri dan negara. Dengan

lain perkataan, pelancungan memberi makna yang amat besar kepada pembangunan ekonomi negara tetapi wajib dibendung sebaik-baiknya. Kalau tidak, pelancungan itu akan membawa kepada “pelencongan”. Dua perkataan yang hampir serupa tetapi disebutkan pelancungan dan pelencongan.

Kita tahu bermula dari suratkhobar, majalah, handbills dan apa juga bentuknya, manusia akan tertarik hati dengan pandangan hendak melihat dan menyaksikan dengan mata kepalanya sendiri, umpamanya, bila disebut apakah itu Danau Toba, apakah itu Mahsuri (The White Blood Queen), Cendering, Telaga Tujuh, Tasik Chini dan sebagainya. Setelah mereka dapat menatap dan melihat gambar-gambar kecantikan alam semula jadi yang tersiar dan terpapar dalam suratkhobar dan majalah-majalah yang saya sebutkan tadi, sebab memang menjadi tabiat manusia dia sudah bosan dengan kehidupan serba moden, dengan kehidupan yang begitu terdesak dengan kenderaan motosikal dan sebagainya, sudah pasti akan tertarik kemahuannya bukan sahaja setakat hendak turun ke baruh, ke sungai bahkan sehingga ke kemuncak gunung sekalipun seperti mana yang telah kita cerita-cerita pengembara dan sebagainya, dia bersedia pergi melancung dan melihat untuk memuaskan pandangan dan kehendaknya. Lainlah kisahnya kepada mereka yang tidak mempunyai kemampuan, mereka yang sudah beku pandangannya yang ia tidak lagi terbawa-bawa dengan kisah pelancungan yang ada dewasa ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana sahabat-sahabat saya katakan tadi negara kita terdapat banyak sekali tempat yang boleh sebut mententeramkan jiwa, tempat yang boleh menukarkan fikiran, menghilangkan rasa duka dan gelisah, selain daripada itu terdapat juga bahawa masyarakat bangsa kita di negara ini adalah mempunyai adab-sopan, tutur-bahasa dan budi-bahasa yang semua ini adalah sebagai salah satu aspek yang maha penting dalam kisah-kisah pelancungan. Hampir setiap negeri dalam Malaysia ini ada mempunyai potensi terpenting yang harus didedahkan kepada umum, kepada negara luar dan dunia untuk mereka datang membuat lawatan, melihat dan menyaksikan sendiri dan juga melihat keindahan alam semula jadi di

negara kita yang penduduknya berhati mulia, hawa dan udaranya yang segar, kesemuanya itu menjadi asas daya penarik kepada orang yang cintakan pelancungan.

Kita lihat usaha ini, umpamanya, MAS pernah mengeluarkan gambar berwarna-warni seperti keris pesaka Melayu, wang emas zaman purba, bunga okid dan angerik dan bermacam-macam warna dan begitu juga Badan Pelancungan dengan berbagai tempat (holiday resort), tempat pancing ikan, memburu kupu-kupu ataupun rama-rama dan seumpamanya. Ini pun sudah cukup. Namun begitu, masih banyak lagi yang boleh diperolehi di negara kita. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya cuba tumpang bertanya di sini siapakah yang akan memulakan kisah-kisah ini sehingga membawa kenyataan ke alam realiti, alam yang dapat dipersaksikan dengan mata kepala oleh pelancung-pelancung sendiri. Kita tidak nampak tourist enterprise yang akan berusaha ke arah ini kerana mereka ataupun kerana hal-hal ini adalah satu daripada bahagian pembangunan yang kita pernah sebut pembangunan negara yang semestinya ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Pusat.

Kalau kita letakkan hal ini kepada Kerajaan Negeri yang sentiasa dapat melihat kesemua keindahan ini pernah kita menyebut bahawa separuh negeri tidak ada keupayaan dan kemampuan untuk menimbulkan dan mendedahkan kisah-kisah itu sebagai satu usaha menjamin keselamatan pelancungan. Jadi terpaksa balik ke pangkal bahawa kesemuanya itu hendaklah diusahakan, diperhatikan dan diambil berat oleh Kerajaan Pusat manakala dapat suara-suara yang datang daripada Kerajaan Negeri yang mana kita tahu bahawa separuh Kerajaan Negeri adalah seperti mana saya katakan tadi tidak ada keupayaan dan kemampuan untuk mendedahkan dan menimbulkan kisah-kisah itu. Dengan demikian menjadi kewajipan Kerajaan Pusat supaya berusaha membantu dengan apa cara sekalipun mudah-mudahan ini akan menjadi suatu kenyataan yang dapat dilihat secara realiti oleh Bahagian Pelancungan. Saya yakin pihak swasta kumpulan pelancungan, kumpulan hotel, tempat tinggal, Kementerian-kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Pertanian dan

Perusahaan Utama akan harus menyokong pandangan ini demi memajukan rancangan pelancungan di negara kita.

Saya sudah sebutkan rakyat kita yang berbilang bangsa sudah terasuh dengan berbudi bahasa dan berdisiplin, hanya pada pendapat saya yang dikehendaki ialah panduan dan pimpinan, bantuan tunjuk ajar untuk mereka merebut peluang yang akan dibawa ke tempat mereka menerusi rancangan pelancungan ini.

Saya fikir sudah tiba masanya Kementerian-kementerian Pertanian umpamanya, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan berusaha memilih bakat-bakat terpendam di sesuatu tempat dan menghantar mereka itu ke negara-negara yang sedia termaklum dengan kemajuan kesenian dan kebudayaannya seperti Indonesia, Filipina dan sebagainya supaya dengan itu dapatlah mereka ini menerima ajaran, menerima panduan dan sebagainya. Dan selepas mereka dapat menerima kursus-kursus tersebut mereka akan balik berusaha menimbulkan kehendak-kehendak pelancungan dengan menubuhkan beberapa pusat-pusat cottage industry yang ini juga memberi makna kepada kehendak Dasar Ekonomi Baru dan pembangunan negara.

Pihak Kerajaan harus bila perusahaan ini bermula dan berkembang pasti memberi jaminan kepada mereka tentang pemasaran cottage industry ini yang boleh dikumpul dan dibawa ke mana tempat yang difikir sesuai dan menasabah dan dengan itu pusingan kewangan seolah-olah bantuan kepada masyarakat desa akan terjamin.

Kepada badan-badan swasta, perusahaan pelancungan, hotel-hotel dan tempat penginapan elok juga saya sebutkan di sini demi untuk menjaga perhubungan baik dan management yang sihat apabila sudah terwujud kerjasama Kerajaan dengan membina tempat-tempat itu. Apabila terbina perusahaan-perusahaan itu pekerja-pekerja tempatan perlulah diberi pertimbangan yang serius. Kita sedar keuntungan yang diperolehi harus sejajar dengan modal yang dicurahkan dan kita juga sedar management sesebuah industri akan membawa bertambahnya keuntungan, tetapi kalau semuanya tidak menyarankan Dasar Ekonomi Baru maka itu

tidak akan memberi makna sama sekali, bahkan jangan jadi seperti kata pepatah yang diibaratkan seperti kelazatan hanya dapat dirasakan dari bau daging yang digoreng itu sahaja tanpa disentuh, maka itu tidak akan memberi makna sama sekali. Kemajuan pelancungan mesti bererti kemajuan negara dan mesti bererti kepada kemajuan masyarakat setempat.

Saya tidak mahu, Tuan Yang di-Pertua, menyentuh kuasa-kuasa Imigeresen yang ada kaitannya yang rapat dengan kesah-kesah pelancungan ini. Hanya yang saya suka menyuarakan di sini menerusi kuasa-kuasa Imigeresen itu mungkin dapat menyekat amalan-amalan yang boleh merosakkan fikiran rakyat, yang boleh merosakkan tingkah laku rakyat negara kita yang harmoni sekarang ini. Oleh itu, oleh kerana kita terlalu liberal tiap-tiap orang yang datang dari luar biasanya dan dilihat di sini mudah sangat terpengaruh dan diterima oleh masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita di Malaysia di mana yang pernah banyak disuarakan mempunyai tatasusilanya sendiri, adat ketimuran dan sebagainya yang dipandang tinggi dan dihormati dan disanjung oleh masyarakat luar. Hakikat sebenarnya kita jemu melihat gaya-gaya yang menjolok mata, hakikat sebenarnya kita jemu melihat separuh-separuh mereka berbogel berjalan di tengah-tengah jalanraya dan di merata-rata tempat. Kita harap biarlah mereka yang hendak datang ada dengan cara-cara kemuliaannya dan bila mereka balik pula membawa kenangan manis dari rakyat dan adat Malaysia ini.

Dengan itu, rasa saya akhirnya saya inginlah menyokong Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan yang ada di hadapan ini.

5.07 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia, 1972 ini, saya tidak akan bercakap panjang oleh kerana di waktu perbahasan Budget Tambahan tempoh hari, saya telah bercakap panjang berkenaan perkara

Perbadanan Pelancungan ini iaitu TDC, barangkali ada setengahnya tidak berjawab dalam ucapan saya itu.

Di sini cuma serba ringkas sebagai untuk turut sama memberi pandangan yang penting dan juga sambil memberi sokongan ini, Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan ini banyak menyentuh soal moral negara, peribadi negara, kecantikan negara dan keaslian negara dan kemudahan menikmati kesenangan, ketenangan dan kemeriahan di samping lain yang bersangkutan juga dengan perkembangan dunia. Tetapi walaupun demikian, banyak orang mengambil kesempatan dalam mencari keuntungan, kesedapan dan keseronokan hingga juga daratan, maka diharap dalam masalah ini mestilah menjadi perhatian yang berat kepada Perbadanan ini untuk mengawasinya agar tujuan asal tidak dicemari.

Tuan Yang di-Pertua, agen-agen pelancungan yang banyak menggunakan wang dan kemudahan, Perbadanan juga hendaklah memastikan agar agen-agen ini benar-benar berkemampuan dan bertanggungjawab dan agen-agen ini juga hendaklah merupakan sebagai wakil Malaysia yang meliputi seluruh rakyat Malaysia terutama bumiputera janganlah hanya dibolot oleh satu-satu kaum sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan ini juga hendaklah bertindak tegas dan segera. Apabila kedatangan satu-satu perkara maka hendaklah mengambil tindakan supaya perkara yang menyeleweng dan salah guna kuasa dalam masalah masalah penipuan itu dapat diatasi.

Lagi satu perkara yang saya perlu bangkitkan di sini, harap dapat perhatian, ialah soal enterprais pelancungan berdaftar. Jadi 'berdaftar' di sini kepada siapa, ini saya ingin penjelasan; kepada Perbadanan Pelancongankah atau kepada Pendaftar Perniagaan atau Pendaftar Pertubuhan? Saya masih ragu-ragu dan perlu kepada ketegasan dengan hasrat supaya jangan timbul lagi keraguan apabila tiba masa untuk bertindak nanti dan jangan seperti kata pepatah: Jangan pisang berbuah dua kali.

Enterprais pelancungan itu juga hendaklah tidak hanya menjalankan sekadar usaha sementara sahaja. Jaminan supaya berkekalan patutlah ditetapkan sebagai peraturan-peraturan yang tetap. Sebelum pembatalan dibuat mestilah dikira apakah pembatalan dibuat kerana sebab-sebab yang memang diadakan, tidak kerana benar-benar rugi atau lain-lain sebab yang memang mahu dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai akhirnya ada beberapa soalan yang saya minta harap dapat dijawab. Saya difahamkan bahawa ada di pejabat pelancungan kita di luar negeri dengan menyalahgunakan kuasa dan menggelapkan wang Perbadanan Pelancungan di luar negeri itu, maka apakah hasil penyiasatan yang telah dibuat dan apakah tindakan yang telah diambil terhadapnya dan siapakah yang benar-benar bertanggungjawab dalam hal ini. Adakah pegawai pelancungan kita sendiri atau agen-agen yang ada di luar negeri. Ini sebagaimana yang dapat difahamkan.

Jadi sebab itu dengan ringkas sahaja oleh kerana banyak lagi Bil-bil kita yang akan ditamatkan pada petang ini maka dalam masalah pelancungan ini cukuplah sekadar ini saya memberi sokongan dan soalan untuk memberi beberapa usul demi kebaikan perjalanan Perbadanan Kemajuan Pelancungan (TDC) ini. Sekian, terima kasih.

5.13 ptg.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu suka saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator-senator yang telah berucap di atas Rang Undang-undang bagi meminda Akta Perbadanan Kemajuan Pelancungan, 1972.

Pandangan-pandangan dan teguran-teguran itu pada hemat saya adalah membina dan dari hujah-hujah yang dilafazkan adalah jelas bahawa kegiatan pelancungan telah menarik perhatian sebagai satu kegiatan ekonomi yang penting. Perkara ini tidak dapat dinafikan lagi memandangkan potensinya bagi mengembangkan kepada kemajuan hasil pendapatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak perkara-perkara yang ditimbulkan maka tidaklah dapat saya menjawabnya satu persatu. Oleh yang demikian, saya akan menyentuh seberapa banyak perkara yang boleh tetapi untuk perkara-perkara yang saya tidak sempat memberi jawapan pada hari ini tidaklah bermakna perkara tersebut diketepikan oleh Kementerian saya.

Dari hujah-hujah yang dibuat mengenai pelancungan, nampaknya ada kurang faham dan tandatanya mengenai peranan TDC. Oleh itu sedikit penjelasan mengenai TDC patutlah saya buat di Dewan yang mulia ini.

TDC ditubuhkan dengan tujuan supaya pembangunan kegiatan pelancungan berjalan dengan pesat dan teratur dan supaya negara ini dapat diperkenalkan di seluruh dunia sebagai satu destinasi pelancungan yang menarik. Dalam hal ini TDC pertamanya berusaha menyelaraskan kegiatan-kegiatan pelancungan bukan sahaja antara agensi-agensi yang mempunyai hubungan dengannya di peringkat Pusat seperti Jabatan Imigresen, Kastam, Pengangkutan dan Penerbangan Awam dan lain-lain, tetapi juga dengan Kerajaan-kerajaan Negeri melalui perbincangan-perbincangan, mesyuarat-mesyuarat serta jentera-jentera seperti Jawatankuasa Penyelaras Wilayah (Regional Coordination Committee) termasuk wilayah-wilayah Sabah dan Sarawak dan juga Jawatankuasa Kemajuan Pelancungan peringkat Negeri seperti yang terdapat di negeri-negeri Pulau Pinang, Kedah, Melaka dan Kelantan.

Tidak juga dilupakan bahawa perhubungan dan perundingan dengan pihak swasta sentiasa diadakan sama ada di peringkat kebangsaan menerusi Persatuan-persatuan Agensi Pengembaraan dan Pelancungan Malaysia (MATA), Persatuan-persatuan Hotel dan Restoran Malaysia (MAHA) dan Persatuan Majlis Pemandu Pelancung Malaysia atau di peringkat Negeri melalui Persatuan-persatuan Pelancungan.

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan pelancungan ingin saya menambahkan, adalah mempunyai hubungan yang meluas dan melibatkan berbagai-bagai Jabatan Kerajaan di semua peringkat dan dengan

pihak swasta pula berbagai-bagai kegiatan seperti hotel-hotel, agensi-agensi pelancungan, agensi-agensi pengangkutan, restoran, badan-badan kebudayaan dan sebagainya. Masing-masing pihak mempunyai bidang tugas dan polisinya sendiri.

Dari itu sungguhpun perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya Yang Berhormat Senator Datuk Seri Haji Hussein Noordin dan juga Senator Puan Rahmah Othman ada pertaliannya dengan kegiatan pelancungan, banyak daripadanya adalah luar daripada bidang tugas TDC untuk menentukan polisi dan tindakan-tindakan yang diperlukan. Umpamanya, dasar mengenai kebudayaan, pemesean restoran dan persembahan kebudayaan yang dibolehkan, pengeluaran permit-permit bas pelancungan dan kemudahan-kemudahan yang diadakan di lapanganterbang-lapanganterbang, adalah menjadi tanggungjawab Kementerian-kementerian yang berkenaan.

Dalam pada itu TDC sentiasa menghubungi Kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan dalam usahanya menyelaras dan memperbaiki mutu perkhidmatan pelancungan dan kemudahan-kemudahan yang patut diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan itu secara langsung saya telah menjawab beberapa pandangan yang diujahkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat di Dewan ini pada semalam dan juga hari ini dan sekarang sukalah saya menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato Seri Haji Hussein Noordin. Sukalah saya memberi pengakuan di sini iaitu TDC apabila menguatkuasakan peraturan mengenai pendaftaran dan pengawalan agensi-agensi pelancongan kelak, akan cuba sedaya upayanya untuk mengelakkan dan membasmikan segala kegiatan-kegiatan yang tidak sihat seperti menipu pelancong-pelancong atau tidak memenuhi janji-janji yang dibuat oleh pengusaha-pengusaha pelancongan. Malah inilah matlamat utama bagi mengadakan peraturan-peraturan tersebut bagi maksud yang mana pindaan kepada Akta ini diperlukan.

Soalan Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah mengenai pendaftaran enterpris pelancungan, sukalah saya menjelaskan bahawa apabila peraturan ini dikuatkuasakan, semua enterpris pelancungan mesti mendapat lesen daripada TDC mengikut peraturan-peraturan ini. Dan TDC pun dalam menimbang perkara-perkara yang penting untuk mendaftar sesebuah agensi pelancongan mesti mengambil kira sama ada pejabat agensi-agensi pelancongan ini bertempat di Malaysia, kedudukan kewangan sesebuah agensi pelancungan, jenis perniagaan, budi pekerti seseorang pemohon atau pegawai-pegawai, pengalaman diri pemohon, bilangan pekerja dan sebagainya. Saya rasa dengan adanya peraturan ini Agensi Pelancungan ini dapat berjalan dengan lebih teratur.

Berkenaan dengan penyelarasan di antara TDC dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato Seri Haji Hussein, inginlah saya nyatakan bahawa ini telah wujud dan akan diteruskan. Perhubungan dengan Kerajaan Negeri Perak umpamanya adalah rapat sekali dan pada waktu ini satu Jawatankuasa Pemandu (steering committee) telahpun ditubuhkan untuk menyedia dan melaksanakan pelan induk pelancungan bagi kawasan-kawasan di Perak yang boleh menarik pelancong, iaitu Lumut, Pangkor dan juga cadangan-cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Ibrahim Abdullah untuk memperkenalkan tempat-tempat bersejarah seperti makam Sultan Muzaffar Shah di Perak boleh ditimbangkan oleh Jawatankuasa Pemandu supaya kita boleh menunjukkan kepada pelancong-pelancong dari luar negeri kekayaan dan keindahan kebudayaan Melayu di negara kita ini.

Mengenai penyertaan bumiputra dalam agensi-agensi pelancungan, mengikut maklumat yang ada pada TDC pada hujung tahun 1980, syarikat-syarikat agensi pelancungan di Semenanjung Malaysia berjumlah 574 buah. Dari jumlah ini syarikat bumiputra ialah 126 atau 21.9% berbanding dengan bukan bumiputra bilangan 306 atau 53.3%. Syarikat-syarikat usahasama di antara bumiputra dan bukan bumiputra ialah 142 atau 24.8%. Dari maklumat ini bolehlah

dikatakan bahawa penglibatan bumiputra dalam bidang ini adalah baik dan menggalakkan. Soal maju atau tidak maju atau jaya atau tidak jaya sesuatu syarikat itu adalah disebabkan oleh berbagai faktor seperti kurang pengalaman serta tenaga mahir dan terlatih, kelemahan dalam hubungan dan juga kekurangan modal. Dalam kegiatan perniagaan agensi pelancungan, perlulah saya perkatkan di sini bahawa persaingan yang hebat adalah juga satu faktor yang menyebabkan kerugian dan penutupan syarikat-syarikat yang tidak begitu cekap tambahan pula seperti yang telah diperkatakan di Semenanjung Malaysia sahaja sudah terdapat lebih dari 500 agensi iaitu satu jumlah yang dikira banyak.

Sungguhpun begitu sukalah saya menyatakan bahawa syarikat-syarikat yang tidak maju tidaklah terhad kepada syarikat-syarikat bumiputra sahaja. Ada juga syarikat bukan bumiputra bankrap.

Berkenaan dengan bas-bas pelancungan, tidaklah dinafikan bahawa kadang kala bas-bas kurang dan bas-bas sekolah ada digunakan untuk membawa pelancung-pelancung. Walaupun demikian, pada keseluruhannya hal ini hanya terjadi di masa-masa pertembungan cuti-cuti perayaan dan cuti persekolahan pada waktu mana bilangan pelancung dari dalam dan luar negeri adalah ramai sekali. Pada umumnya bas-bas pelancung yang ada di Malaysia boleh dianggap sebagai baik dari segi mutu. Saya ada angka-angka mengenai bas-bas yang didaftar, dan tourist coaches yang diluluskan ada 400 tetapi dalam operasi ini yang air-conditioned 207, tiada air-conditioned 77 dari jumlah 284 yang dalam operation. Ini boleh dikatakan memuaskan dan mengenai syor supaya TDC mengutarakan pusat-pusat pelancungan lain di Malaysia selain dari Pulau Pinang dan Kuala Lumpur dan ini juga disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya suka memperkatkan di sini bahawa usaha ini akan terus dilaksanakan menepati kehendak Yang Berhormat Dato Seri bermula dalam tahun 1979 dan dipesatkan lagi dalam tahun 1980. TDC dalam usaha pembesarannya telah mengutarakan destinasi yang baru iaitu di Pantai Timur di Semenanjung Malaysia di dalam dan juga di

luar negeri. Dalam pada itu sebarang usaha pembesaran hanya boleh dilakukan bagi sesuatu destinasi yang sedia mempunyai kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh para pelancung. Pusat-pusat pelancungan yang tertentu seperti di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu sungguhpun begitu tidak boleh diketepikan kerana ianya merupakan pintu masuk (gateway) yang penting ke negara ini.

Yang Berhormat Senator Rahmah binti Othman dalam hujahnya mengatakan bahawa ada penyelewengan dan sikap tidak jujur di pihak kakitangan TDC kerana kehilangan tiket-tiket bagi Bukit Nenas dan Gua Gelap di Batu Caves. Kedudukan sebenarnya ialah kehilangan tiket-tiket tersebut berlaku dalam masa pemindahan pejabat TDC dari bangunan lamanya yang bertempat di bangunan Syarikat Polis ke pejabat barunya di Kompleks Membeli Belah Ampang Park dalam tahun 1974. Tidak ada penyelewengan atau salah guna yang timbul. Sehingga sekarang tiket-tiket yang hilang itu tidak pernah digunakan oleh mana-mana pihak bagi menggunakan perkhidmatan di kedua-dua kompleks tersebut, cuma kehilangan tiket sahaja.

Berkenaan dengan penyelewengan atau bayaran terlebih wang di pejabat TDC di London dalam tahun 1976 yang dibangkitkan oleh Senator Rahmah dan juga Senator Hajjah Salmah tadi, ini ialah mengenai kehilangan wang £3,900 di London. Inginlah saya jelaskan di sini bahawa segala peraturan dan arahan yang diperlukan oleh Kerajaan telah dipatuhi oleh TDC. TDC sebagai sebuah agensi Kerajaan mesti mengikut peraturan-peraturan. Apa yang terjadi mengenai hal ini ialah semata-mata kesilapan perkiraan tuntutan perjalanan yang dibuat oleh pegawai TDC yang berkenaan dan pegawai itu telahpun berhenti dari perkhidmatan TDC. Jadi tindakan telahpun diambil dan saya harap perkara ini tidak akan berlaku lagi.

Senator Rahmah Othman ada mengatakan risalah-risalah dan majalah-majalah TDC di luar negeri mempunyai data atau maklumat yang lama. Sukalah saya mengatakan bahawa dakwaan ini tidak tepat. TDC sejak penubuhannya dalam tahun 1972, telah

mengeluarkan tidak kurang dari 24 jenis risalah-risalah mengenai Malaysia tiap-tiap tahun. Bagi tahun 1980 umpamanya, lebih tujuh juta risalah-risalah dan sebagainya telah dicetak dan dibahagikan di dalam dan di luar negeri. Satu masalah yang boleh dikatakan penting dalam usaha menyebar ataupun publicisekan Malaysia di dunia ini ialah perbelanjaan untuk iklan-iklan. Umpamanya satu muka iklan di dalam majalah di Jerman Barat akan menelan \$100,000 satu iklan. Begitu juga dengan iklan di akhbar-akhbar dan TV di Eropah, Jepun atau Amerika Syarikat. Sungguhpun begitu kita boleh berbangga dengan TDC tiap-tiap tahun telah mengeluarkan berbagai risalah, majalah, poster, colour slide, film dan bahan-bahan seranta yang berjumlah berjuta-juta salinan dan berkenaan dengan mutu risalah TDC ini inginlah saya menyatakan bahawa bahan-bahan publicity yang disebar di luar dan dalam negeri oleh TDC ini kita dipilih sebagai mempunyai mutu yang paling baik bagi benua Asia dalam tahun 1979. Tidak ada negara lain dalam Asia yang mendapat mutu itu dari pandangan hakim-hakim pertandingan risalah di Amerika Syarikat. Jadi boleh kita katakan mutu itu baik.

Ada dua tiga Ahli Yang Berhormat menyatakan kita mahu bertumpu usaha ini bukan sahaja kepada pelancung dari luar negeri tetapi juga menggalakkan warganegara Malaysia sendiri melancung di Malaysia. Ini memang dalam usaha TDC.

Senator Rahmah Othman kata, TDC patut menggalak pelancung dalam negeri terutama sekali di kalangan pelajar-pelajar semasa cuti sekolah dan ini pun ada dibangkit oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim Abdullah tadi. Sukalah saya menyatakan salah satu aktiviti penting TDC ialah bagi menggalakkan perkembangan pelancungan tempatan. Langkah ini dilaksanakan bukan sahaja menerusi iklan di akhbar-akhbar dan sebagainya bahkan juga dengan mengadakan syarahan-syarahan termasuk syarahan-syarahan di sekolah-sekolah di negara ini.

Senator Puan Rahmah Othman juga berkata TDC patut menentukan supaya pakaian-pakaian yang digunakan oleh Pemandu-pemandu Pelancungan benar-benar

kemas, sopan santun dan juga untuk memprojekkan imej baik negara. Sukalah saya menyatakan di bawah peraturan bagi Pendaftaran dan Pengawalan Pemandu-pemandu Pelancung yang telah dikuatkuasakan mulai tahun 1976, TDC adalah mempunyai kuasa bagi menentukan agar Pemandu-pemandu Pelancung yang berdaftar menggunakan pakaian yang kemas dan sempurna semasa menjalankan tugas-tugas mereka. Bidang kuasa ini telah dan akan dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi bagi tahun-tahun ke hadapan.

Bagi Jabatan Luar Negeri, mengikut Senator Puan Rahmah Othman, patut diadakan di semua negara-negara ASEAN. Buat masa ini TDC mempunyai dua pejabat luar negeri di negara-negara ASEAN iaitu di Singapura dan Bangkok sahaja. Berdasarkan kepada pasaran di negara Indonesia dan Filipina pada masa ini yang tidak begitu besar jika dibandingkan dengan negara-negara Thailand dan Singapura, penubuhan pejabat luar TDC di Indonesia atau Filipina belumlah didapati perlu tetapi apabila sampai masanya perlu saya rasa kita pun boleh mengujudkan satu pejabat di sana.

Akhir sekali, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Hamid Tahir telah menyentuh tentang bahasa yang digunakan di dalam Rang Undang-undang ini yang katanya tidak berapa tepat, ada ejaan yang silap dan juga kegunaan perkataan yang silap. Memang saya mengaku bahawa ada kesilapan seperti Fasal 4, Seksyen 12 J muka surat 3 ada perkataan "kematian" sepatutnya "kenyataan". Ini menurut Penasihat Undang-undang adalah printing error, tetapi akan diperbaiki apabila diedit dan juga ada lagi satu dua perkataan seperti "agen" ejaannya pun silap. Seperti saya katakan, menurut Penasihat Undang-undang kesilapan yang berlaku itu adalah kesilapan percetakan, dan ini akan diperbetulkan dan saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Senator Haji Abdul Hamid Tahir yang telah menunjukkan di mana kesilapan itu dan saya yakin dan harap pada masa hadapan kesilapan ini tidak berulang lagi. Ini disebabkan naskhah ini disiapkan untuk Dewan Rakyat dan cuma ada satu hari sahaja Dewan Rakyat

akan tamat. Jadi untuk menentukan undang-undang ini sampai ke Dewan Rakyat jadi kena dibuat dengan seberapa segera yang boleh dan saya rasa kesilapan ini boleh diperbetulkan.

Inilah penjelasan dan pandangan yang saya buat dan sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang ini dan dengan sokongan ini saya rasa dan juga dengan banyak pandangan dan cadangan yang dilafazkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana saya rasa banyak pegawai dari TDC yang ada di tepi sana ada mendengarnya dan saya rasa dan saya yakin TDC akan menjalankan tugas-tugas mereka dengan lebih licin dan teratur. Sekian, terima kasih.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 8 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.40 *ptg.*

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaan perfileman Malaysia, menubuhkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang perlu, yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya" atau secara ringkasnya dikenal sebagai "Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, 1980" dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin sedar, industri perfileman tempatan sekarang ini walaupun telah menunjukkan perkembangan-perkembangan yang menggalakkan, walau bagaimanapun pada keseluruhannya kedudukan industri ini dari segi mutu pengeluarannya dan keupayaan pengeluaran masih lagi pada peringkat yang belum boleh dibanggakan. Keadaan ini timbul oleh kerana beberapa perkara di antaranya keadaan kemampuan pihak-pihak yang terlibat dalam industri ini dari segi kewangan, peralatan dan kemahiran adalah pada peringkat yang paling sederhana. Dengan yang demikian penubuhan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia ini, sebagai satu usaha yang dipelopori oleh Kerajaan, adalah diharapkan dapat membantu industri perfileman tempatan mengatasi sebahagian besar dari masalah yang dihadapi oleh industri ini dan diharapkan industri ini dapat berkembang dengan baik. Perlu dinyatakan di sini bahawa penubuhan Perbadanan ini bukanlah untuk kepentingan satu golongan sahaja dalam industri perfileman tetapi adalah bertujuan untuk membantu semua golongan yang melibatkan diri dalam industri filem iaitu termasuk pengeluar-pengeluar filem tempatan, para seniman yang terdiri dari pengarah, pelakon, penulis, pemuzik dan sebagainya; juruteknik, pendedar filem dan

penayang-penayang filem. Perbadanan yang dicadangkan ini sendiri tidak akan menjalankan kegiatan-kegiatan dagang tetapi hanya semata-mata memberikan cadangan-cadangan pada mereka-mereka yang memerlukannya.

Dengan adanya Perbadanan ini, maka diharapkan mereka-mereka yang sekarang ini melibatkan diri dalam perusahaan filem akan dapat peluang untuk meningkatkan lagi keupayaan dan kemahiran mereka dalam bidang masing-masing. Dengan adanya satu industri perfileman yang berkembang dengan baik, ia dapat memberikan peluang kepada mereka-mereka yang bergiat dalam bidang-bidang tertentu menjadikan bidang ini sebagai salah satu bidang yang mana mereka boleh mendapat kemajuan kerjaya.

Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia yang dicadangkan ini antara lain akan memberikan bantuan-bantuan seperti khidmat penyelidikan dan nasihat; menyelaras kegiatan pihak-pihak yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang berkait dengan industri perfileman; mengawal pengeluaran, pengedaran dan penayangan filem-filem; memberi kemudahan-kemudahan latihan dan menyelaras pelaksanaan program-program latihan dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan perfileman; memberikan bantuan-bantuan yang sesuai kepada pengusaha-pengusaha filem; mengambil bahagian dalam festival-festival atau pesta filem; pamer-pamer; seminar-seminar dan lain-lain kegiatan yang serupa, baik di dalam atau di luar negeri; menubuhkan pusat-pusat penyelidikan; memberi galakan-galakan kepada industri perfileman tempatan dan menyebarkan maklumat kepada orang ramai mengenai industri perfileman.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya memberi penjelasan atas bahagian-bahagian yang ada di dalam Rang Undang-undang ini.

Bahagian 1 Rang Undang-undang ini industri perfileman adalah diberi takrif sebagai semua kegiatan mengeluarkan, mengedar dan menayang filem dan filem seterusnya diberi takrif sebagai filem-filem 'feature', filem pendek, trailer-trailer, filem-filem dokumentari, filem-filem iklan dan apa-apa

rakaman acara bergerak dengan apa-apa jenis bahan sama ada disertai dengan bunyi atau tidak bagi maksud tayangan pada orang ramai.

Bagi maksud mengelolakan Perbadanan ini, Bahagian II Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada Menteri untuk melantik ke Perbadanan ini bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun, seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan 7 orang lain dari kalangan mereka yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas yang mana dengan pengalaman dan pengetahuan ini mereka dapat memberikan sumbangan berguna kepada industri perfileman. Mereka-mereka ini bersama-sama dengan wakil-wakil dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kementerian Kewangan dan Kementerian Penerangan, adalah merupakan Ahli-ahli Lembaga Perbadanan ini.

Pentadbiran sehari-hari Perbadanan ini pula akan dikendalikan oleh seorang Ketua Pengarah dan lain-lain pegawai dan kakitangan yang dilantik oleh Perbadanan seperti yang dinyatakan dalam Bahagian III Rang Undang-undang ini. Di samping itu Perbadanan ini juga akan diberi kuasa untuk melantik Jawatankuasa-jawatankuasa jika difikirkan perlu, bagi melaksanakan fungsi-fungsi Perbadanan. Tiap-tiap satu Jawatankuasa yang dilantik oleh Perbadanan akan mengandungi seorang Pengerusi dan tidak lebih dari lima orang anggota lain.

Untuk melaksanakan tugas-tugasnya, sumber kewangan Perbadanan adalah dari peruntukan-peruntukan yang diluluskan oleh Parlimen dan juga lain-lain sumber seperti pinjaman-pinjaman, pendapatan-pendapatan yang diperolehi dari harta dan pelaburan, dan lain-lain bayaran yang diterima oleh Perbadanan akibat dari pelaksanaan tugas-tugasnya, seperti yang dijelaskan dalam Bahagian IV Rang Undang-undang ini. Segala perbelanjaan Perbadanan akan dibuat dari punca-punca pendapatan yang dinyatakan terdahulu.

Bahagian V Rang Undang-undang ini pula memberi kuasa kepada Perbadanan untuk mengawal kegiatan-kegiatan mengeluarkan, mengedar dan menayang filem dalam mana sesiapa yang ingin menjalankan salah satu

daripada aktiviti tersebut dikehendaki mempunyai satu lesen yang dikeluarkan oleh Perbadanan. Seseorang itu tidak akan dibenarkan untuk menjalankan ketiga-tiga kegiatan mengeluarkan, mengedar dan menayang filem. Seseorang itu boleh memilih untuk menjalankan kegiatan-kegiatan pengeluaran dan mengedar filem; atau mengeluarkan dan menayang filem; atau mengedar dan menayang filem. Mereka yang ingkar kepada peraturan itu boleh didenda tidak lebih dari lima puluh ribu ringgit dan didenda tidak lebih dari sepuluh ribu ringgit bagi tiap-tiap hari jika kesalahan ini terus dilakukan. Jika pihak yang melanggar apa-apa peraturan dalam Bahagian V Rang Undang-undang ini, telah pun mempunyai lesen, maka lesen mereka boleh dibatalkan.

Bahagian VI, Rang Undang-undang ini pula adalah menyentuh Perkara-perkara Am. Dengan persetujuan Menteri, Perbadanan boleh membuat peraturan-peraturan tertentu bagi maksud melaksanakan fungsi-fungsi dan tanggungjawabnya. Antara lain Perbadanan boleh:

- (i) membuat peraturan bagi melesen kegiatan perfileman, syarat-syarat yang dikenakan di dalam lesen, bayaran-bayaran dan deposit-deposit yang diperlukan bagi mendapat lesen;
- (ii) membuat peraturan bagi pemberian khidmat penyelidikan, latihan dan kursus dalam bidang perfileman ataupun bagi Perbadanan menubuhkan institusi-institusi bagi memberi khidmat-khidmat ini.

Memandangkan kepada keadaan industri perfileman negara ini pada masa sekarang, adalah dirasai peranan Kerajaan yang lebih positif adalah perlu untuk menjadikannya salah satu industri yang berfaedah agar ianya dapat memainkan peranan yang lebih aktif di dalam pembangunan negara. Dengan adanya Rang Undang-undang seperti yang dicadangkan, industri perfileman di negara ini akan dapat berkembang dengan lebih baik lagi di samping memberikan sumbangan sewajarnya pada perkembangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato Haji Embong bin Yahya): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk menggalak, memelihara dan memudahkan kemajuan perusahaannya perfileman Malaysia, menubuhkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang perlu, yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.53 ptg.

Dato Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, 1980.

Saya tidaklah hendak bercakap panjang lebar di atas Rang Undang-undang ini kerana Rang Undang-undang ini baru sahaja dibentang di dalam Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara hari ini sebab tidak bolehlah memberi lanjutan bercakap dengan apa kemajuan yang dicapai. Terima kasih saya kepada Kementerian ini kerana dapat membentangkan satu Rang Undang-undang berkenaan dengan Kemajuan Filem Nasional Malaysia.

Saya telah bawa di dalam Dewan ini berkenaan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha perfileman Melayu dan bumiputera. Diharap dengan adanya Rang Undang-undang ini semoga segala masalah akan dapat diatasi. Kebelakangan ini kita dapati beberapa syarikat perfileman Melayu dan bumiputera telah ditubuhkan tetapi kebanyakan filem yang dikeluarkan didapati mutunya tidak begitu baik jikalau kita bandingkan filem-filem yang kita lihat di Indonesia dan Thailand. Maka saya berharap kepada Perbadanan ini akan memberi bantuan yang sungguh-sungguh, yang sehabis-habisnya kepada perusahaan perfileman tempatan supaya mutunya dan teknologinya akan meningkat tinggi.

Di sini, kebanyakan filem tempatan yang kita keluarkan saya fikir mutunya tidak begitu tinggi. Alasannya ialah dalam Pesta Filem-filem di Singapura baru-baru ini kita dapati tidak ada satu filem yang dikeluarkan oleh perusahaan tempatan di Malaysia ini yang dapat kepujian.

Satu daripada masalah besar yang saya hendak bawa lagi sekali ialah yang dihadapi oleh perusahaan perfileman bumiputera hari ini. Perkara ini telah pun dibangkit, telah pun disoal, telah pun dijawab oleh Kementerian yang berkenaan iaitu soal panggung wayang. Hari ini kita dapati panggung wayang di bandar-bandar besar dan pekan-pekan kecil semua dipunyai oleh dua organisasi sahaja, iaitu Shaw Brothers dan Cathay Organisation. Tiap-tiap satu perusahaan perfileman ini yang mengeluarkan filem yang tinggi perbelanjaannya. Satu-satu filem yang hendak dikeluarkan perbelanjaannya adalah antara \$200,000 atau \$300,000, kadangkala hampir dekat \$½ juta. Oleh sebab panggung tidak ada, maka pengeluar filem ini terpaksa mengeluarkan filemnya kepada panggung-panggung yang dikontrol, dimonopoli oleh dua organisasi ini. Jadi, potongan daripada pendapatan jualan tiket-tiket wayang yang ditayang adalah terlampau tinggi. Maka tiap-tiap satu orang yang berbelanja membuat filem terpaksa kena mendapat kos pengeluarannya sampai 2-3 tahun baru dapat ataupun jikalau di Kuala Lumpur ini dapat bermain (menayang) dalam 3 atau 4 minggu barulah mendapat separuh daripada kos yang dibelanjakan.

Maka saya berharap kepada Perbadanan ini supaya berunding kepada Kerajaan-kerajaan Negeri bagi mendapat tanah dan membangunkan panggung-panggung wayang yang saya maksudkan ini. Panggung-panggung wayang ini tidak boleh disewa kepada orang-orang lain melainkan di bawah lease Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia. Jikalau dipajak (lease) kepada orang lain maka soal ini tidak akan dapat diatasi sebab orang lain boleh menyewa kepada siapa sahaja pengeluar filem yang ada di dalam Malaysia ini atau filem yang diimport daripada luar negeri atau filem yang kita buat di dalam negeri ini tak dapat juga

menggunakan panggung-panggung wayang yang didirikan oleh Perbadanan-perbadanan Kerajaan Negeri, dengan itu maka terselamatlah industri perusahaan perfileman tempatan.

Dahulu bila saya menyoal kepada Kementerian ini dalam Dewan yang mulia ini adakah UDA ditugas mendirikan panggung-panggung wayang, maka jawabnya ada. Tetapi di mana panggung wayang yang didirikan oleh UDA? Misalnya di Sungai Wang dipajak kepada satu orang dan orang ini menggunakan untuk tayangan—bukan tayangan filem Melayu tetapi gambar-gambar Tionghua.

Satu lagi, saya menarik juga di dalam Akta ini iaitu berkenaan dengan tugas-tugas Perbadanan ini dimukasurat 7, Fasal 6 (1) (e):

“(e) untuk mengawal dan mengawasi pengeluaran, pengedaran dan pameran filem-filem dalam Malaysia, dan berhubung dengannya membuat peruntukan bagi mengeluarkan lesen-lesen;”.

Dalam mengawal dan mengawasi pengeluaran filem-filem, saya suka juga supaya diadakan kuasa bagi menentukan kuota filem-filem yang diimport di dalam negeri kita ini misalnya filem Inggeris, filem Tionghua yang diimport daripada Hongkong dan Taiwan dan filem Hindustan atau Tamil. Filem ini, jikalau mengikut ratio filem-filem yang diimport daripada negeri asing adalah tinggi berbanding dengan filem yang dikeluarkan oleh pengusaha tempatan, sungguhpun kita ada dua organisasi tempatan seperti Shaw dan juga Cathay Organisation di masa kebelakangan ini Cathay dan Shaw tidak lagi mengeluarkan filem-filem khasnya filem Melayu. Maka terpaksalah pengusaha-pengusaha bumiputera dan orang Melayu ke depan berikhtiar mencabar di atas dua organisation yang tidak mengeluarkan filem Melayu lagi; pengusaha-pengusaha ini mengeluarkan dan membelanjakan beribu-ribu dan berjuta-juta ringgit untuk mengeluarkan filem Melayu. Dalam soal ini jikalau kita kontrol dan mengawal import filem-filem luar negeri ini maka dapatlah filem-filem keluaran tempatan mendapat pasaran yang baik.

Kedua, saya harap juga kepada Perbadanan berusaha mencari jalan supaya filem Melayu yang dikeluarkan di Malaysia ini juga mendapat pasaran di Indonesia oleh sebab filem Indonesia banyak ditayang di Malaysia ini; patut controversial, diversal.

Akhir sekali saya bercakap berkenaan dengan keanggotaan, mukasurat 5 dalam Fasal 4 (1). Saya bercakap berkenaan (b) iaitu:

“(b) empat orang ahli yang akan dilantik oleh Menteri dari antara orang-orang yang mempunyai kaitan dengan perusahaan perfileman dan perusahaan yang berkaitan dan yang bukan pegawai awam;”.

Ini adalah baik. Kita tahu orang yang duduk dalam keanggotaan ini orang yang betul-betul tahu berkenaan dengan mengeluarkan filem, tektik filem, teknik filem, teknologi filem, bukanlah pegawai-pegawai awam. Tetapi empat orang ini saya hendak syorkan ialah orang yang benar-benar membuat perusahaan berkenaan mengeluarkan filem tempatan. Sekarang kita tahu banyak pakar-pakar di Malaysia, di Kuala Lumpur ini yang dapat mengeluarkan filem-filem yang begitu baik, sepatutnya berilah peluang kepada orang ini supaya masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka dapat didengar oleh Perbadanan ini dan dapat membuat satu memorandum kepada Kerajaan, dibentang bagaimana hendak memajukan perfileman tempatan di dalam negeri ini. Maksud saya empat orang ahli ini mestilah terdiri daripada pengusaha-pengusaha perfileman Melayu dan bumiputera. Itulah sahaja, terima kasih.

6.07 ptg.

Dato Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, di dalam mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia ini saya hanya ingin menarik perhatian Kerajaan iaitu sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi tujuannya ialah menggalak, memelihara dan memudahkan perusahaan perfileman di negara kita.

Daripada segi pandangan saya oleh kerana Rang Undang-undang ini dibawa oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, maka sudah tentu Rang Undang-undang ini lebih banyak menekankan tentang keadaan bagaimana boleh memajukan perusahaan filem ini daripada segi commercial ataupun dari segi perusahaan. Walau bagaimanapun, kita sebagai satu bangsa yang baru, yang mempunyai banyak masalah perkauman, kebudayaan dan sebagainya maka Perbadanan Perfileman ini juga diharap akan dapat menyumbangkan usahanya ke arah ini dengan tidak semata-mata mengutamakan commercial value ataupun nilai dari segi keuntungan semata-mata.

Menilik kepada anggota-anggota yang telah disebutkan di dalam Rang Undang-undang ini belumlah jelas kepada kita bahawa tujuan Kerajaan akan memelihara dengan sepenuhnya satu aspirasi nasional yang sama-sama sangat dikehendaki pada masa ini. Anggotanya boleh dikatakan hanya ada 3 orang yang disebut di dalam Fasal 4 (1) (f) iaitu mana-mana orang lain, tidak lebih daripada orang, sebagaimana yang difikirkan layak dan patut oleh Menteri untuk dilantik menjadi ahli Perbadanan.

Selain daripada itu di dalam Fasal 4 juga menunjukkan tidak kurang daripada 7 orang dan tidak lebih daripada 10 orang dan dalam 7 orang pertama ini kesemuanya ialah mereka yang ada berkaitan dengan perfileman. Walau bagaimanapun adalah diharapkan keadaan ini hendaklah dibaiki dan hendaklah kita sentiasa ingat bahawa kemajuan perusahaan perfileman ini janganlah sehingga menggadaikan perpaduan bangsa kita, kebudayaan kita dan juga tatasusila kebangsaan kita.

Saya juga bersetuju seperti mana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa mengeluarkan, mengedar dan menayang filem tidak boleh dijalankan oleh satu syarikat ataupun seorang individu dan hendaklah diasingkan. Saya ingat pada masa yang lalu kita telah membuat satu peraturan iaitu mengenai dengan penjualan rumah-rumah, peguamcara yang mewakili penjual tidak dibolehkan menjadi wakil

kepada pembeli—saya minta maaf kalau ada peguam-peguam di sini—akan tetapi apa yang sebenarnya berlaku ialah satu penyelewengan yang telah diselindungi di sebalik undang-undang ini. Jadi kalau inilah juga berlaku di dalam perkara jual beli rumah maka kita tidak boleh nafikan bahawa perkara ini juga boleh berlaku di dalam perusahaan filem yang mana boleh jadi satu keadaan perniagaan yang berlainan nama dan berlainan bentuknya tetapi dipunyai oleh seorang juga.

Saya sesungguhnya mengalu-alukan supaya perusahaan filem ini dapat memberi satu sumbangan kepada pembangunan bangsa dan negara sehingga kita telah lihat pada satu masa akan datang seorang film star kita juga mungkin boleh menjadi seorang Perdana Menteri seperti mana yang berlaku di Amerika Syarikat. Tetapi walau bagaimana sekali pun, saya berharap bahawa perbadanan ini akan dapat memberi tunjuk ajar ataupun memberi panduan kepada perusahaan filem ini dengan memberi satu identiti yang baru, satu originaliti yang dilahirkan di negara kita.

Kalau kita ingat di dalam minggu yang sudah ada satu tayangan "Fokus" yang dibuat oleh TV Malaysia yang mana 3 orang professor telah dijemput untuk memberi ceramah ataupun mengambil bahagian di dalam rancangan itu. Pihak juruacara yang berkenaan bertanya kepada seorang daripada professor itu; kenapakah kita tidak boleh maju di dalam sukan bolasepak seperti mana negara-negara yang lain di dalam dunia? Professor itu telah menjawab bahawa selamalamanya selagi kita meniru daripada taktik atau cara-cara yang dijalankan oleh ahli-ahli sukan di barat ataupun di timur ataupun di Amerika Syarikat, maka selama itu kita akan selalu di bawah daripada mereka di dalam taktik main bolasepak. Katanya kita mestilah mempunyai cara sendiri, cara kita yang tersendiri, mengikut bentuk fizikal dan tenaga yang ada kepada pemain bolasepak kita. Dengan lain perkataan boleh jadi strategi atau langkah-langkah yang kita pelajari daripada dunia barat itu tidak sesuai dengan tubuh badan kita, tidak sesuai dengan stamina kita, tidak sesuai dengan lincah gerak geri kita. Oleh itu saya inginlah memetik hal ini untuk Perbadanan ini supaya memikirkan satu cara

yang dilahirkan di antara kita sama kita, bukan daripada kita mengambil daripada Hollywood dan tentu sekali kita tidak begitu ingin melihat Kuala Lumpur ini dijadikan Hollywood seperti mana Hollywood yang sebenarnya.

Tentulah kita ingin menyesuaikan keadaan ini supaya tujuan dan matlamat kita tidak akan terpesong dan saya sesungguhnya berharap bukan sahaja kita pada satu masa akan mendapat kejayaan dalam Asian Film Festival tetapi juga haruslah kita akan dapat menunjukkan kepada dunia di dalam World Film Festival bahawa kita juga mempunyai satu kebolehan yang tersendiri, satu kebolehan yang boleh dihormati oleh dunia seluruhnya.

6.18 ptg.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, 1980.

Saya tidak akan menyentuh perkara-perkara yang telah disebutkan oleh kedua-dua Ahli-ahli Yang Berhormat tadi tetapi saya ingin menyentuh dan mengemukakan beberapa cadangan supaya dapat dipertimbangkan oleh Perbadanan ini dalam usahanya untuk memperkukuh dan mengembangkan perindustrian ini supaya bidang ini dapat betul-betul disertai oleh mereka yang mempunyai keinginan di dalam bidang perfileman ini.

Tuan Yang di-Pertua, di negara kita akhir-akhir ini banyak bertumbuhnya syarikat-syarikat untuk membuat filem-filem, oleh kerana itu maka saya rasa sudahlah sampai masanya dan betul ketikanya pula perbadanan ini membuat satu Rang Undang-undang untuk menjamin keutuhan perfileman di negara ini. Saya juga faham bahawa Kerajaan kita ada mengadakan perjanjian di bawah GATT (General Agreement on Trade and Tariff) maknanya kita tidak dapat hendak menyekat masuknya filem-filem daripada luar negeri. Memandangkan keadaan itu maka saya rasa peranan yang penting yang patut dimainkan oleh Perbadanan ini ialah untuk

menggalakkan bagaimana syarikat-syarikat bumiputra dan bukan bumiputra di negara ini dapat diberi peluang menayangkan filem-filem mereka itu. Saya dapat tahu bahawa di Australia, di Jepun dan di London ada memberikan quota yang dinamakan "screen time quota".

Saya suka mengesyorkan kepada Kementerian supaya screen time quota ini dibuat di Malaysia bagi membolehkan pengeluar-pengeluar filem di negara ini menunjukkan kebolehan mereka sama ada filem mereka itu baik dan dapat dinilai ataupun tidak dapat dinilai oleh orang ramai, misalnya kita startkan 10 minit dahulu, kalau macam di Amerika mereka ada definasinya. Sekiranya pengeluar filem tempatan diberikan 70% daripada isi filem itu hendaklah pemandangan-pemandangan dalam negeri itu sendiri dan yang lain itu bolehlah pergi ke tempat lain jadi producer itu berusaha pergi ke negeri-negeri lain untuk mengambil gambar. Tetapi pengeluaran filem tempatan itu ada percentage, kalau di Australia tidak silap saya 30% dan Amerika 70% dan mungkin di tempat-tempat lain lagi mereka ada percentagenya. Jadi dengan cara yang demikian kita juga mestilah memberikan tempat kepada pengusaha-pengusaha pengeluar-pengeluar filem tempatan ini supaya melatih diri mereka membanyakkan gambaran ini, dengan itu, dengan adanya usaha Perbadanan ini membahagikan screen time quota itu dapatlah kita menunjukkan dan screen time quota itu mestilah di semua pawagam dengan diberikan satu syarat bahawa screen time quota ini mesti diadakan.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan latihan. Sebaik-baiknya Perbadanan ini mengambil satu usaha yang utama sekali kalau mengikut Fasal 6 (2) (b) yang menyatakan:

"6. 2 (b) . . . untuk mengawas dan menyelia pelaksanaan projek-projek dan program-program latihan berhubung dengan perusahaan perfileman."

Ini amatlah penting. Kenapa orang begitu asyik melihat filem kata kawan saya tadi filem daripada Taiwan, daripada Hongkong dan filem Hindustan. Apabila filem Hindustan

ditayangkan penuh panggung wayang begitu seronok, bukan mereka tahu bercakap, cakap tidak tahu, itu nombor dua tetapi kerana tariannya, ceritanya, isi gaya dan menarinya, kerana saya dapat tahu, saya melihat waktu di Pakistan mereka ini mempunyai institusi-institusi melatih.

Hari ini di negara kita ini tumbuh bintang-bintang filem macam cendawan, asalkan orang boleh acting sedikit masuk jadi film star. Kata Yang Berhormat rakan saya tadi orang-orang tua sahaja jadi film starnya tetapi yang muda-mudapun ada banyak.

Tuan Yang di-Pertua, ada baiknya kalau Kementerian ini melihatkan bahawa setiap orang yang hendak menjadi bintang-bintang filem (film star) mahupun penyanyinya, pemuziknya atau sebagainya yang akan datang ini diberikan latihan yang cukup dari segi actingnya, dari segi suaranya dan dari segi yang lain-lain.

Saya difahamkan bahawa di universiti-universiti misalnya Universiti Sains Malaysia ada Jabatan Performing Arts iaitu Seni Lakun dan Tarian. Kerajaan telah memberikan UKM peruntukan yang begitu banyak membelikan alat-alat kerana mereka ini ada kursus drama oleh Jabatan Pengajian Melayu, kursus penulisan skrip radio, TV dan filem, film making dari peringkat asas hingga menerbitkan filem-filem dan diharapkan pada tahun 1982 kursus animasi iaitu membuat kartun yang seperti dalam TV itu seperti "Mickey Mouse Show" dan sebagainya. Jadi baiknya institusi-institusi ini termasuklah macam filem-filem yang dikeluarkan oleh Shaw Brothers ataupun Cathay.

Baru-baru ini saya lihat satu Documentary Film oleh Tan Sri Run Run Shaw memperkenalkan bagaimana pelakon-pelakon filem-filem yang dikeluarkan daripada Hongkong. Untuk meningkatkan quality actingnya Tan Sri itu telah berusaha mengadakan satu institusi untuk melatih mereka itu sebelum mereka ini masuk mencebur diri betul-betul dalam bidang silat, nyanyinya, hendak acting asmara macam mana, hendak acting menjadi orang jahat macam mana dan sebagainya, kita tidak berlakun tiba-tiba sahaja.

Begitu juga sewaktu saya di Disneyland, saya lihat bagaimana anak-anak yang daripada kecil-kecil dilatih, kalau hendak mengadakan tarian, kumpulan tarian itu dilatih hari-hari, kalau pagi pergi sekolah, petang mereka mengadakan latihan dengan sepenuh masa. Jadi dengan cara yang demikian maka dapatlah kita nanti pelakun-pelakun yang baik kerana kita dapat menilai lakunan mereka itu.

Saya harap Perbadanan ini dapat mengadakan satu usaha supaya setelah mereka ini diberikan kursus dan saya sebut tadi Tuan Yang di-Pertua, di universiti-universiti ini ada kursus-kursus ini sentua bukan sahaja pada masa sekarang, tetapi pelakun-pelakun yang ada sekarang ini kalau boleh Kementerian boleh minta universiti ini mengadakan kursus-kursus di peringkat diploma kepada yang bukan mengambil latihan sepenuhnya daripada universiti, tetapi pelakun-pelakun yang ada sekarang ini dibahagikan mereka kursus yang cukup di dalam universiti-universiti ini dan mereka ini apabila keluar akan boleh menjadi seorang pelakun yang baik.

Di samping itu saya mengharapkan supaya Kerajaan boleh mengadakan latihan kepada juru-juruteknik iaitu jurugambar dan lain-lain. Saya pun tidak tahu masalah filem ini, saya tidak berapa fasih sangat, tetapi juruteknik ini hendaklah diberi latihan dan kemudian lesen kerana kalau kita tengok filem-filem daripada luar negeri producer ada mempunyai kelulusan, menunjukkan bahawa bukan sahaja orang-orang producer filem ini berasaskan kepada skrip, tetapi ada orang yang dapat menganalisisakan skrip itu. Di samping itu juga ada diperletakkan di sini masalah kredit, hendak pinjam duit dan sebagainya.

Saya mengharapkan supaya Perbadanan ini mengawasi perkara ini, kerana hari ini orang senang dapat pinjaman (loan). Saya takut, katalah berasaskan kepada skripnya dia pergi ke bank hendak pinjam \$250,000 kerana filem yang hendak dikeluarkan ini adalah satu cerita yang amat baik sekali dan bila ditengok pula bintang-bintang filem yang terkenal di sini dan di luar negeri yang hendak dibawa masuk.

Sipolan itu akan gunakan duit ini bukan untuk production film itu sahaja tetapi pertama sekali dia akan mengindahkan pejabatnya; tidak ada pejabat tetapi sekarang sudah dapat loan daripada mana-mana bank pertama sekali dicarpetkan pejabatnya, daripada tingkat 1, 2 dan 3 diisi penuh-penuh dengan kakitangan pejabat. Daripada situ sahaja duit sudah hilang \$100,000; yang tinggal \$150,000 untuk hendak membuat alat-alat perfileman itu.

Yang demikian saya suka mengesyorkan kepada Kementerian supaya pengeluar-pengeluar filem ini ataupun producernya akan menemui Perbadanan dan Perbadanan akan memberikan wang itu berasaskan kepada keperluan filem itu, tidak diberikan wang itu terus kerana awasi ini juga kira-kiranya akan datang ke dalam Dewan ini dan kita akan mengkaji, kerana kebanyakan pada hari ini company dibuka dan company ditutup apabila siap filem, tidak ada continuation dan dengan cara yang demikian kita melemahkan semangat dan tidak akan menggalakkan pengeluar-pengeluar bumiputra untuk meneruskan usaha yang disukainya itu.

Maka inilah cadangan-cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua, dan saya berharap supaya Kerajaan betul-betul serius di dalam perkara ini dan dapat menolong kita memajukan perusahaan perfileman.

Satu lagi yang saya hendak sentuh ialah berkenaan dengan pesta-pesta filem di luar negeri.

Baru-baru ini, kalau tidak salah saya pada tahun lalu dan tahun sebelumnya bukan main banyak komen berkenaan dengan Asean Film Festival. Pemilihan orang-orang yang hendak pergi sudah menjadi satu isu di dalam akhbar; mungkin perkara ini benar, mungkin perkara ini tidak—wallahualam, tetapi apa yang saya ingin sentuh di sini ialah wakil-wakil yang pergi mewakili Malaysia ini biarlah orang yang benar-benar boleh membawa imej negara ini. Kalau dari segi pakaian biarlah melambangkan negara Malaysia, jangan kita campur-adukkan pakaian kita dengan pakaian orang di luar negeri. Dari situ sendiri kita dapat lihat, kalau hendak suruh wakil

menyanyi, biarlah orang yang betul-betul boleh menyanyi, tidak 'for the sake of singing' sahaja—minta maaf, tetapi hendaklah orang yang betul-betul boleh mengatakan bahawa Malaysia mempunyai penyanyi handalan, bahawa Malaysia mempunyai actor yang berkualiti, bahawa Malaysia mempunyai artis-artis yang baik. Saya tidak menyatakan artis-artis sekarang ini tidak baik, jangan salah anggap; tetapi dimasa akan datang dengan adanya Perbadanan ini dapatlah kita selaraskan kerja-kerja itu.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, dan saya menyokong Akta ini.

6.35 *ptg.*

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia yang mana pada hemat saya adalah satu langkah sebagai memberikan sumbangan yang sewajarnya kepada perkembangan industri filem di negara ini.

Sepertimana yang kita ketahui bahawa pertumbuhan pengeluar-pengeluar filem di negara ini adalah tumbuh seperti cendawan, namun demikian hanya beberapa buah sahaja pengeluar-pengeluar yang terus bertapak dan yang lain hanya sekali dua sahaja mengeluarkan filem mereka dan seterusnya menghilang. Di antara banyaknya pengeluar-pengeluar filem, hanya beberapa buah sahaja pengeluar-pengeluar yang mempunyai alat kelengkapan menggambar dan studio dan ada pula di antara pengeluar-pengeluar filem terpaksa meminjam alat-alat gambar daripada pihak-pihak pengeluar yang lain.

Saya berpendapat dengan adanya Perbadanan ini maka saya juga bercadang supaya Perbadanan ini dapat membuat satu skim pinjaman atau membeli alat-alat menggambar untuk disewa atau dijual kepada pengeluar-pengeluar yang kurang modal. Dengan adanya Perbadanan ini mempunyai skim pinjaman sudah tentu alat-alat sewa ini senang digunakan oleh pengeluar-pengeluar filem yang kurang mempunyai modal. Dan alat-alat kelengkapan ini pula kalau boleh dibeli oleh Perbadanan dan dijual kepada pengeluar-pengeluar filem dengan membayar

secara beransur-ansur kepada Perbadanan. Jadi pengeluar-pengeluar filem yang kurang mempunyai modal ini sudah tentu tidak akan menjadi keberatan bila menyewa alat kelengkapan penggambaran ini daripada pihak-pihak yang lain.

Jika pengeluar-pengeluar filem ini tidak cukup modal itu tidak mendapat bantuan serupa ini sudah tentu perusahaan filem di negara ini kelak akan dimonopoli oleh pengeluar-pengeluar filem yang berada, pengeluar-pengeluar filem yang kaya ataupun yang sudah established. Maka pengeluar yang kurang modal akan tinggal hidup segan mati tak mahu, hanya dapat mengeluarkan satu hingga dua filem sahaja dan pengeluar-pengeluar ini hilang begitu sahaja.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana di negara ini sama ada kurang atau tidak ada langsung pengeluar-pengeluar filem atau bumiputra mempunyai pawagam. Adalah lebih baik kiranya Perbadanan Kemajuan Filem Nasional ini mendirikan pawagam atau membeli pawagam-pawagam yang sedia ada di seluruh negeri-negeri di dalam Malaysia ini atau mendirikan pawagam-pawagam di mana-mana juga di perancangan atau perbadanan yang dilaksanakan oleh UDA. Ini pada pendapat saya sudah tentu tidak akan menimbulkan masalah kepada pengeluar-pengeluar filem untuk menayangkan filem-filem mereka.

Ini adalah pada pendapat saya sebagai satu langkah yang pertama bagi menjamin pengeluar filem-filem tempatan. Pada masa ini pengeluar-pengeluar adalah membayar di antara 50-55% atau 60% kepada tuan-punya pawagam dan hanya 40% sahaja kepada pihak pengeluar. Ini ialah berpunca daripada pengeluar-pengeluar tidak dapat membuat sehingga 4 atau 6 filem dalam masa setahun. Jadi saya percaya jika Perbadanan Kemajuan Filem Nasional ini mempunyai pawagamnya sendiri maka sudah tentu pengeluar-pengeluar filem di negara ini akan bertambah giat lagi dalam mengusahakan filem-filem yang bermutu sehingga boleh memasarkan pengeluaran filem-filem mereka di negara ini dengan lancarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menarik perhatian dalam Rang Undang-undang ini yang mana terdapat dalam Bahagian III, ceraihan 14 yang berbunyi:

“Tiada seseorang yang ada mempunyai kepentingan boleh dilantik sebagai ahli, pegawai atau penjawat Perbadanan”.

Pada pendapat saya juga iaitu saya fikir pengeluar-pengeluar filem tidaklah semestinya dilantik menjadi sebarang ahli di mana-mana jua jawatan. Langkah ini ialah untuk mengelakkan daripada meresapnya pengaruh-pengaruh daripada sebilangan pengeluar-pengeluar filem demi untuk kepentingan perusahaan mereka sendiri. Jadi Perbadanan ini telah bersikap berkecuali dan bebas daripada tekanan-tekanan pengeluar filem atau badan-badan yang mewakili perusahaan filem di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menyentuh tentang pengeluar-pengeluar filem, saya juga ingin mengesyorkan di Dewan yang mulia ini supaya perhatian hendaklah diberikan kepada artis-artis, pelakon, seniman dan seniwati, pencipta dan pengubah lagu dan muzik di negara ini. Selama ini tidak terdapat satu perbadanan yang melindungi hak-hak pengubah-pengubah lagu yang mana Perbadanan ini patutlah melindungi seperti pengubah dan pencipta lagu daripada filem-filem yang dipiringhitamkan oleh syarikat perakam lagu-lagu atau pengeluar-pengeluar filem yang hanya membayar mereka ini dengan harga yang murah sedangkan lagu-lagu yang dicipta untuk tayangan filem adalah lebih mendapat sambutan daripada peminat-peminat lagu di negara ini. Tetapi yang sangat mendukacitakan pencipta dan pengubah lagu dan muzik dari hasil gubahan mereka sendiri dicetak rompakkan di luar negeri kemudian lagu-lagu yang dicipta oleh anak watan di negara ini dipasarkan kembali dengan membawa keset yang dicetak rompak dari luar negeri dan dipasarkan sedangkan pengubah, pencipta, pemuzik negara ini hanya mendapat bayaran yang begitu kecil sahaja dan yang menikmati keuntungan ini dari mereka yang mendapat hasil gubahan, ciptaan ini dari negara ini adalah orang-orang yang mendengar keset-keset cetak rompak ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah juga salah satu daripada punca-punca para pengubah lagu-lagu dan penyanyi di negara ini tidak mendapat bayaran yang lumayan kerana cetak rompak keset di negara ini. Jika dibandingkan pendapatan daripada penyanyi-penyanyi kita dengan pengubah lagu, atau pemuzik-pemuzik di Eropah atau di Amerika adalah lebih jauh mereka ini mendapat pendapatan yang lumayan. Kita nampak di Amerika penyanyi-penyanyi jadi millionaire, tetapi penyanyi-penyanyi kita setakat mengikat kontrak dengan EMI atau satu lagi WEA misalnya. Hanya dalam tiga tahun selepas itu artis-artis kita lenyap tidak ada kedengaran dan tidak tahu di mana mereka ini dan hilang pendapatan mereka. Sepatutnya Perbadanan melindungi juga kepada artis-artis kita kerana tanpa artis, filem tidak boleh ditayangkan, tanpa artis tiada lagu-lagu daripada negara ini yang boleh dipiringhitamkan. Ini juga salah satu daripada punca-punca kerana artis-artis kita yang baru muncul daripada menjadi bintang RTM itu pula yang ditonjolkan kerana ini cara menarik peminat, inilah bintang RTM tahun 1980 baru muncul dan inilah juga yang dimunculkan oleh akhbar-akhbar dan majalah-majalah tempatan tetapi setakat mana kebolehan mereka ini. Inilah tiada perseimbangan yang pada masa sekarang daripada pengeluar-pengeluar filem baik dari mass-media di negara ini tidak tentukan kepada artis-artis yang sudah mempunyai kebolehan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian tentang pelakon-pelakon iaitu 'hero' dan 'heroine' dalam negara kita ini. Kita melihat pelakon-pelakon yang diambil oleh pengeluar-pengeluar filem ini bertukar. Sebabnya kenapa pengeluar-pengeluar filem ini mengambil bintang-bintang filem bertukar-tukar, yang baru, sebab mereka menawarkan harga berlakun murah, mereka tidak kira mutu filem. Orang yang mahu berlakun ini walaupun dibayar murah, mereka tidak kira mutu filem. Orang Inilah satu cara kepada pengeluar-pengeluar filem kita juga yang menggunakan artis-artis kita cantik—orang Malaysia ini cantik jadi bintang filem, sama macam orang Manila, (Filipina) cantik-cantik, tetapi itulah yang mencari keuntungan ini juga satu daripada

sebabnya, pengeluar-pengeluar filem. Mereka mahu mendapat artis yang jauh-jauh daripada mana ceruk rantau negara ini tetapi dengan harga bayaran yang murah.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya dapati mereka ini apabila berlakun dalam satu filem, lepas itu hilang. Pengeluar-pengeluar filem ini tidak mengikuti kembali, iaitu memberi peluang kepada mereka berlakun lagi di dalam satu filem supaya cara lakunan mereka ini sentiasa mendapat mutu yang tinggi daripada segi lakunan.

Tuan Yang di-Pertua, inilah juga sebab-sebabnya filem yang dikeluarkan di negara ini kadangkala tidak mendapat pasaran bila ditayangkan, kerana inilah akibatnya pengeluar akan mengalami kerugian dan para artis hilang popularitinya, sebabnya mereka ini hanya berlakun di satu filem, bila hendak berlakun di satu filem lagi, dia terpaksa demand dengan harga yang mahal, pengeluar tidak mahu, ambil lagi satu yang baru, jadi akibatnya merosotnya mutu filem itu. Jadi kedua-dua menerima akibat; pengeluar dan juga artis yang hilang image. Tetapi publisiti sebelum berlakun, seluruh majalah-majalah hiburan di negara ini hampir setiap hari mengeluarkan; inilah gambar artis yang berlakun, membintangi filem itu dan filem ini, tetapi setakat habis satu filem—lenyap. Bukan seperti di Amerika, Elizabeth Taylor sampai 60 tahun pun sekarang masih Elizabeth Taylor, bintang filem Hollywood, masih dikenali seperti Marilyn Monroe dan sebagainya. Bintang-bintang filem kita sekarang sudah habis. Mereka ini muda-muda belaka. Jadi publisiti itu sekejap sahaja, selepas itu hilanglah.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya juga ingin mengingat kembali sejarah perkembangan filem-filem Melayu di dalam tahun 50an seperti mana Malay Film Production dan juga Cathay Kris Film Production yang dikeluarkan di Singapura pada masa itu. Misalnya barisan pelakun-pelakun yang membintangi kedua-dua pengeluaran ini hanya dua perusahaan filem Melayu yang dikeluarkan di Singapura. Bintang filemnya sama: Latiffah Omar berlakun dalam

'Panggilan Pulau' dalam Malay Film Production, selepas itu dia juga berlakun dalam Cathay Kris Film Production dalam filem 'Hantu Jerangkong' dan sebagainya. Begitu juga Ahmad Mahmood berlakun dalam satu filem MFP, kemudian dia juga akan berlakun dalam Kris Filem. Jadi mutu bintang filem tahun 50an itu lebih tinggi darjatnya sampai ke hari ini jika dibandingkan dengan pengeluar-pengeluar filem yang mengeluarkan berpuluh-puluh dalam satu bulan tetapi tidak ada. Jadi kita lihat sekarang bagaimana mereka ini seperti Ahmad Mahmood, Jins Shamsuddin, Aziz Jaafar tidak pernah dihantar ke Hollywood atau di mana institusi-institusi filem berlatih—tidak, mereka ini setakat menjadi bintang filem antara dua pengeluaran ini sahaja, Cathay Kris Film Production dan Malay Film Production. Tetapi hari ini mereka menjadi pengarah-pengarah, pengeluar-pengeluar filem tempatan di Malaysia. Ini harus juga kita bangga bagaimana mutu mereka itu. Akibatnya perusahaan-perusahaan filem terlampau tumbuh seperti cendawan, tiada kawalan yang tertentu. Ini juga punca-punca yang menyebabkan mutu pengeluaran filem negara ini berkurangan daripada sebab-sebab yang saya katakan tadi tanpa mempunyai kawalan yang tertentu daripada pengeluar-pengeluar.

Adalah diharapkan perbadanan ini akan sentiasa memberi tunjuk ajar dan nasihat kepada setiap pengeluar-pengeluar filem supaya dapatlah meningkatkan lagi mutu pengeluaran filem di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga ingin menyentuh tentang artis-artis ini. Ada terdapat beberapa perkara yang tidak menyenangkan di kalangan para artis yang mana artis-artis yang baru muncul. Mereka ini ditawarkan berlakun dalam filem-filem yang sudah disiarkan untuk membintangi filem ini dalam barisan pelakun-pelakun. Tetapi tiba-tiba sesudah penggambaran dilakukan, kita dengar pula artis ini sudah dikeluarkan daripada senarai atau barisan pelakun-pelakun, tetapi publisiti sudah habis di seluruh negara mungkin sampai ke Singapura, Sabah, Sarawak, bintang filem ini yang akan

berlakun. Jadi ini juga salah satu sebabnya mereka telah ditawarkan berlakun dan diberi publisiti di akhbar-akhbar dan majalah-majalah tempatan tiba-tiba digugurkan daripada senarai barisan pelakun-pelakun tanpa diberi sebarang alasan yang tertentu. Ini juga satu-satu daripada punca pengeluaran-pengeluar filem di negara ini. Dan peminat-peminat artis tersebut sudah tentu bertanyanya mengapa tidak berlakun? Dulu kami baca you punya publisiti mahu berlakun, sekarang tidak ada. Jadi bukanlah ini akan merosakkan imej seseorang artis kita yang sedang muncul yang sudahpun dipublisitikan tiba-tiba mereka ini digugurkan daripada senarai membintangi filem-filem ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini juga yang merosakkan moral dan imej seseorang artis yang sedang popular di negara ini. Jadi pengeluaran-pengeluar tidak seharusnya bertindak demi untuk menjaga kepentingan filem mereka semata-mata. Tetapi peribadi dan maruah seseorang artis perlu juga dilindungi oleh pengeluaran-pengeluar filem. Kerana pengeluaran filem boleh mencari seberapa banyak artis untuk membintangi filem mereka tetapi adalah sukar untuk seseorang artis mendapat tawaran berlakun jika imej dan moral mereka telah dijejaskan oleh pengeluaran-pengeluar filem ini sendiri. Ini sudah tentu menjadi tanda tanya kepada producers yang akan mencari bintang-bintang filem padahal ini mungkin bukan sengaja daripada sebab seseorang artis mungkin kerana terdapat perselisihan peribadi di antara producer dengan bintang filem, jadi digugurkan. Ini merosakkan. Sepertimana saya katakan producer boleh cari sepuluh atau seratus satu hari wanita-wanita untuk membintangi filem mereka tetapi bukan mudah seseorang artis yang moralnya telah dijejaskan. Ini satu-satu punca yang harus Perbadanan ini juga mengambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, hanya di negara kita ini barangkali yang tidak terdapat para artis, penggubah lagu dan sebagainya belum barangkali ada ataupun ada dalam sejarah mahkamah yang artis-artis pernah membuat tuntutan ganti rugi kepada producers sepertimana yang berlaku di negara-negara barat dan di Amerika. Ini menunjukkan

betapa rendahnya para artis kita yang mereka tidak mahu menonjol-nonjolkan diri untuk mengambil tindakan undang-undang. Kalau sekiranya artis-artis kita berkemampuan mereka boleh membuat dakwaan di dalam mahkamah menuntut segala kerugian daripada pengeluaran-pengeluar filem yang ada sekarang ini.

Sepertimana yang kita lihat di Amerika ada setengah-setengah pengeluaran filem terpaksa tutup kerana tuntutan ganti rugi berjuta-juta ringgit yang dituntut oleh artis-artis, penyanyi, pencipta lagu dan sebagainya kalau ciptaan lagu-lagu mereka disalah-gunakan, dicetak rompak dan sebagainya. Jadi ini juga patut diberi perlindungan. Cuba kita lihat lagu-lagu yang terdapat di dalam negara kita ini. Lagu-lagu dari India seperti dinyanyikan oleh penyanyi Lata Mangeshkar dan Mohd. Rafie walaupun mereka sudah tua sekarang ini tetapi lagu-lagunya masih di pasaran, di mulut-mulut rakyat Malaysia. Inilah kalau kita perhatikan mereka ini mempunyai kedudukan harta, kaya daripada hasil karya mereka. Tetapi yang saya hairan penyanyi-penyanyi kita setakat mempunyai dua tiga LP habislah, lenyaplah; itu sahaja. Berapa sen sahaja satu rekod komisyen yang diberi oleh perakam-perakam lagu ini dan ada barangkali dicetak rompak ini juga tidak dilakukan di luar negeri tetapi dicetak sendiri oleh pengeluaran-pengeluar tempatan. Kerana apa? Untuk mengelakkan komisyen! Jadi untuk mengelakkan komisyen ini dia buat cetak rompak, buat satu brand lain. Artis, penggubah lagu, penyanyi dapat komisyen hanya setakat \$300-\$400 sahaja dibandingkan dengan penyanyi di Amerika ataupun India seperti Lata Mangeshkar dan Mohd. Rafie berjuta-juta ringgit. Penyanyi kita untuk beli satu pakaiannya pun tidak cukup. Itu pendapat sayalah!.

Tuan Yang di-Pertua, Kemajuan Filem Nasional ini adalah diharapkan akan memberikan sumbangan yang meluas dalam perusahaan filem tempatan di samping memberikan khidmat nasihat kepada pengeluaran-pengeluar, pendedar dan sekali lagi saya minta melindungi kedudukan para artis dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya, sukalah juga saya mengingatkan walaupun tercapainya kejayaan dalam meningkatkan perusahaan filem di negara ini dan mendapat pasaran yang meluas di antara negara-negara ASEAN atau antarabangsa, satu yang harus diperingatkan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional ini juga haruslah mengawal peribadi dan moral serta imej kebudayaan Malaysia ini. Inilah juga satu-satunya kita tidak mahu pengeluar filem secara ala cow-boy ataupun secara Hollywood supaya dicontohi oleh belia-belia kita kepada perkara yang mendatangkan maksiat.

Jadi, dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya Perbadanan Kemajuan Filem Nasional ini akan benar-benar dapat melindungi dan memberikan tunjuk ajar dan khidmat kepada setiap golongan yang terlibat di dalam Perbadanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Filem Nasional ini. Sekian, terima kasih.

6.56 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1980 ini walaupun kalau kita perhatikan di dalam Fasal 1 hingga Fasal 34, kemudian dari cerai-ceraian ini, maka rasa saya bagi Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara di sini tidaklah cukup masa untuk dihalusi satu persatunya dengan waktu yang begini singkat hanya satu jam atau 2½ jam. Tetapi oleh kerana memikirkan hari ini hari yang penghabisan dan di hadapan kita masih ada lagi empat Rang Undang-undang yang akan diluluskan hari ini juga. Sungguh amat mengeciwakan tetapi walau bagaimanapun, saya cubalah serba ringkas sahaja dalam menyentuh perbahasan Rang Undang-undang ini. Dan apa lagi difikirkan separuh daripada yang akan kita sentuh sudah diperkatakan oleh sebahagian daripada saudara-saudara Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini tadi. Cuma saya tidak bercakap panjang. Satu-satu bahagian itu sedikit sahaja

hendak saya sentuh untuk memberi ingatan kepada pihak Perbadanan Kemajuan Filem Nasional ini.

Pertama, kemajuan filem mestilah bercorak nasional. Yang terutama sekali mestilah menghormati Rukunegara sebagai tonggak filem walau di mana dia dibuat dan ditayangkan maka lagu "Negaraku" mestilah dengan tidak payah diarah dan buat undang-undang hendaklah menjadi tajuk utama filem di negara ini.

Kedua, sebagai biasanya, Pengerusi dan para ahli pentadbir Perbadanan ini hendaklah benar-benar memahami sikap Perbadanan ini dengan perfileman dan perkembangan negara. Apa lagi yang perlu saya tekankan di sini ialah masalah kebudayaan asli negara sebagaimana dibincangkan dengan panjang lebar oleh saudara saya Ahli Yang Berhormat tadi kebanyakan kita di sini didapati kebudayaan asli negara itu seolah-olah tidak ada di dalam negara kita, banyak diambil pinjaman sama ada daripada seni kata lagu dan sebagainya, ini juga hendaklah diperhatikan oleh pihak Perbadanan ini.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, walaupun wang menjadi matlamat pihak perfileman negara ini tetapi jangan lupa moral negara ini sebagai agama Islam adalah agama rasmi negara, kedaulatan dan kebudayaan asli negara ini hendaklah menjadi tajuk utama bagi Perbadanan Kemajuan Filem negara ini. Dalam perkara aktiviti pula hendaklah mengeluar, mengedar dan mempamerkan filem-filem ini banyak perkara yang patut difikirkan oleh pihak Perbadanan tersebut dan janganlah banyak blue film ditayangkan dan diedarkan di seluruh negara, terutama di disko-disko, di kelab-kelab malam di restoran-restoran, terutama video-tape ini telah menjadi berleluasan dan tidak ada tegahan nampaknya, maka Perbadanan ini juga mestilah memikirkan dalam masalah ini.

Saya merasa ragu terhadap rakyat Malaysia yang selalu berkunjung ke luar negeri yang berminat kepada keseronokan filem-filem seks atau blue film tentulah menjadi idaman setengah daripada setengah itu mana yang pergi ke luar negeri. Filem-filem ini memang banyak dijual di merata-rata toko, terutama para-para Yang Berhormat dalam Dewan ini

lebih memahaminya seperti di London memang terkenal penjualan filem-filem tersebut. Kalau filem itu boleh ditayangkan dan dijual di sana, saya kira tidak ada halangan bahawa filem itu diseludup di negara ini dan ditayangkan di merata-rata tempat, kadang-kadang boleh jadi di tempat terang dan ada juga di tempat gelap, sama ada secara kumpulan ataupun di tempat umum. Dalam masalah ini maka saya harap sungguh Perbadanan ini mengusahakan agar penayangan, penyeludupan dan pengedaran blue film ini dijadikan sebagai tugas utama Perbadanan ini.

Tuan Yang di-Pertua, iklan filem-filem barang solek, barang-barang mewah dan alat-alat lain selalu iklan-iklan itu ditayangkan oleh paramugari dengan keadaan yang tidak memuaskan seperti dapat kita lihat perkara yang menjolok mata dan separuh bogel yang mana perkara ini semua tidak bercorak nasional, cuma menjadi alat untuk mencari keuntungan bagi firma-firma luar negeri yang negara ini tidak mendapat keuntungan tetapi orang lain yang banyak dapat keuntungan itu. Dalam masalah ini juga patutlah pihak Perbadanan mengambil perhatian dengan bersungguh-sungguh. Dan lagi iklan minuman keras yang membayangkan seolah-olah rakyat negara ini daripada kaum lelaki, wanita, pekerja buruh kasar dan juga paramugari semuanya peminat minuman keras. Ini telah menjejaskan imej negara kita yang ugama Islam menjadi teras pemerintahan. Tuan Yang di-Pertua, saya harap sungguh Perbadanan ini juga akan menjadi pelopor yang utama dan tidak mengeluarkan, mengedar dan mempamerkan filem-filem sahaja tetapi apa yang kita harapkan negara yang sedang membangun ini di mana bandar-bandar baharu sedang tumbuh macam cendawan, penduduk-penduduk semakin bertambah, semakin ramai rakyat kita, maka hiburan ini adalah menjadi hasrat utama bagi rakyat kita.

Dalam masalah ini panggung wayang hendaklah juga menjadi projek utama bagi Perbadanan ini dengan mengadakan di setiap daerah dan tempat, terutama di bandar-bandar baharu, janganlah hanya panggung orang-orang sahaja dapat menayangkan sedangkan Perbadanan hanya

mengeluarkannya. Sebagai mengakhiri kata-kata saya untuk menjimatkan waktu ini sekali lagi saya katakan Perbadanan Kemajuan Perfileman Nasional Malaysia betul-betul bertanggungjawab dan mengambil inisiatif yang sesuai dari semasa ke semasa.

7.06 mlm.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama untuk menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1980. Banyak perkara-perkara yang telahpun disentuh oleh rakan-rakan saya yang terdahulu tadi, sebagaimana kita faham untuk menjimatkan masa, saya hanya menyentuh sedikit sahaja tentang Rang Undang-undang ini agar Rang Undang-undang ini berjalan dengan baik dan mendapat faedah dan keuntungannya kepada Perbadanan ini, syarikat-syarikat dan juga orang-orang perseorangan.

Di dalam Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, tentang keanggotaan Perbadanan ini iaitu Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan ahli-ahlinya yang akan dilantik nanti mereka ini biarlah benar-benar faham dan arif tentang pengeluaran ataupun kemajuan filem-filem di negara kita ini. Saya takut nanti kita hanya memandangkan tentang qualification ataupun ijazah yang tinggi orang itu sahaja diambil tanpa memikirkan latarbelakang dan pengalaman mereka di dalam perfileman. Jikalau ini tidak diawasi nanti kita takut Perbadanan ini tidak mendapat apa yang diharapkan.

Dalam soal tugas-tugas, saya juga berharap supaya tugas-tugas Perbadanan ini betul-betul mengikut apa yang tercatat di dalam Rang Undang-undang yang kita perbahaskan pada petang ini dan anggota-anggota ini haruslah bertugas benar-benar terhadap pengeluaran filem kita khususnya di Malaysia ini. Sekarang kita melihat banyak pengeluar-pengeluar filem terutama syarikat-syarikat yang dipunyai oleh bumiputra. Kalau tidak silap saya di Malaysia ini lebih daripada 35 buah syarikat-syarikat yang dipunyai oleh bumiputra tetapi sehingga hari ini hanya dua atau tiga lagi syarikat-syarikat itu masih menjalankan kegiatan perfilemannya dan

yang lain-lain boleh dikatakan ada yang sudah gulung tikar dan sebagainya. Oleh itu, tugas-tugas Perbadanan Filem Nasional ini yang akan datang supaya dapat mengawasi juga syarikat-syarikat yang ada di dalam negara kita ini.

Dalam pengeluaran filem yang ada, saya dapat tahu dan dapat ketahui ada yang tidak menyenangkan hati, kerana di Malaysia sekarang ini panggung-panggung wayang adalah dipunyai oleh syarikat-syarikat yang besar dan yang telah maju. Oleh itu, filem-filem yang dibuat oleh bumiputra atau dikeluarkan oleh syarikat di dalam negeri ini kadangkala tidak dapat ditayangkan di panggung-panggung dengan masa yang ditetapkan kerana pihak yang punya panggung tidak mahu menerimanya untuk ditayangkan pada satu-satu masa kerana mereka terlebih dahulu telahpun mengambil filem yang lain, terutama filem dari luar negeri.

Ini juga saya harap kepada Perbadanan ini supaya kemajuan perfileman di Malaysia ini tidak terjejas. Ini haruslah pihak Perbadanan juga mengkaji sama ada kalau tidak mahu menggunakan panggung-panggung wayang yang ada sekarang ini supaya Perbadanan ini sendiri dapat menubuh ataupun mendirikan panggung-panggung wayang di tempat-tempat, terutamanya di kawasan-kawasan sesak, di tempat-tempat yang tidak ada panggung umpamanya kawasan taman-taman perumahan yang baru. Di tempat-tempat ini dapat didirikan panggung-panggung dan dapatlah filem-filem yang diusahakan oleh kaum kita di Malaysia ini menayangkan filem-filemnya.

Kita dapat tahu sungguhpun kadang kala ada panggung-panggung yang menerima untuk tayangan filem tetapi panggung-panggung itu bukanlah panggung-panggung first class ataupun high class, tetapi panggung-panggung yang third class. Umpamanya, filem-filem Melayu jarang sangat mendapat tempat-tempat panggung yang istimewa. Kadang kala gambar-gambar Melayu umpamanya di Kuala Lumpur ini yang selalunya mendapat tempat ialah di Coliseum

dan sekali sekala dapat ditayangkan di Odeon, Capitol dan Federal. Oleh itu ini juga dapat diatasi.

Dalam masalah ini juga pihak-pihak panggung mengenakan syarat-syarat yang begitu ketat kepada pengeluar-pengeluar filem ini. Kalau filem mereka hendak ditayangkan di panggung mereka, mereka mengenakan sewa ataupun keuntungan yang diambil antara 50% dan 60% yang diambil oleh taukeh-taukeh panggung ini, hanya yang dapat antara 30% dan 40% sahaja yang didapati oleh pengeluar-pengeluar filem. Oleh itu dengan inilah rasa saya salah satunya yang ada filem-filem yang dikeluarkan sekarang ini tak dapat kemajuan kerana tidak ada tempat-tempat hendak ditayangkan. Jikalau hendak ditayangkan juga menerima kerugian daripada pihak-pihak pengeluaran filem.

Dalam soal ini juga apa yang saya dapat tahu filem-filem yang diimport daripada luar negeri jikalau sekiranya filem-filem Melayu ada 8 salinan atau 9 salinan ataupun boleh ditayangkan 9 panggung dan sebagainya tetapi pihak-pihak panggung yang dipunyai oleh taukeh-taukeh besar ini menghadkan hanya 3 ataupun 4 copy sahaja yang boleh ditayangkan serentak pada satu masa tetapi jikalau sekiranya filem-filem yang luar negeri mereka boleh tayangkan sampai 10-15 panggung di seluruh Malaysia ini dia tidak kira, tidak ada sekatan. Ini juga Perbadanan ini harus mengambil ingatan dan juga melihat dengan keadaan gejala-gejala yang kurang baik ini.

Dalam masalah filem-filem iklan, ini juga rasa saya patut juga sama ada Perbadanan ini bertanggungjawab yang kita lihat di kaca-kaca TV rumah kita, di panggung-panggung wayang, kadang kala filem-filem iklan itu tidak menunjukkan keperibadian rakyat Malaysia ini dan juga tidak menunjukkan berbilang kaum di Malaysia ini. Kadang kala tempat-tempat gambar-gambar di iklan-iklan yang ditayangkan di TV umpamanya, perkara-perkara ataupun iklan-iklan syarikat-syarikat ataupun iklan-iklan itu yang tidak begitu menguntungkan sangat itu disuruh satu-satu kaum untuk mengambil bahagian menjadi pelakon di dalam filem-filem pendek

itu dan kepada filem-filem yang lain yang mendatangkan keuntungan banyak satu-satu kaum pula ditunjukkan gambar-gambar mereka berlakun. Rasa saya ini pun tidak adil di dalam negara kita yang telah merdeka, yang berbilang kaum dan juga kita tahu di Malaysia ini bukanlah dipunyai oleh satu bangsa tetapi kita telahpun mendaulatkan negara kita ini, kita harus juga menunjukkan yang sebenar-benarnya di dalam negara kita ini ialah ada berbilang kaum.

Dalam filem iklan ini juga kita dapat lihat kadang-kadang pertunjukan yang biadap terhadap kita sendiri. Kadang-kadang kalau filem iklan itu menunjukkan menjual kasut, mereka menunjukkan tapak kakinya kepada kita penonton-penonton, dan kalau seluar jeans dan sebagainya dia tunjukkan bontotnya kepada kita dan kalau hendak menunjukkan cara-cara bagaimana bentuk wanita-wanita pun ditunjukkan. Ini rasa saya harus diperbaiki supaya kita benar-benar dihormati, sebab TV itu dilihat oleh anak-anak kita yang masih kecil. Jikalau kita tayangkan bersama-sama kita melihat, rasa saya tidaklah begitu baik, lebih-lebih lagi negara kita ini sebagai sebuah negara Islam.

Tentang filem-filem yang sekarang kita sudah ada boleh ditayangkan di rumah sendiri, seperti video tape yang ada sekarang ini melambak-melambak. Ini pun harus pihak Perbadanan mengawasi kemasukan filem-filem lucah yang mana kita tahu banyak filem-filem ini telahpun disalurkan dalam negara kita ini yang ditunjukkan kepada orangramai, iaitu cara-cara sulit, ini juga harus diawasi. Di samping itu juga kemasukan filem-filem luar negeri, ini juga harus disekat sedikit terutamanya filem-filem yang menunjukkan cara-cara jenayah, cara-cara pembunuhan yang kejam dan sebagainya, inipun rasa saya tidak baik kita bawa ke dalam negara kita. Ini menunjukkan kita menggalakkan jenayah di dalam negara ini berluas-luasan. Dalam filem-filem itu kita dapat lihat cara mana membunuh, menembak dan sebagainya. Ini rasa saya harus juga pihak negara kita mengawasi melalui Perbadanan ini.

Tentang sarikata (subtitle) di filem-filem bahasa asing yang dibawa ke sini, ini kadang kala subtitle itu tidak betul-betul mengikut

apa yang dicakapkan oleh orang-orang yang berlakun dan bahasa yang asli yang dicakapkan tetapi bila diterjemahkan dalam subtitle kadang kala berlainan sangat dengan kata-kata yang diucapkan oleh pelakun-pelakun. Apa yang saya dapat tahu sarikata (subtitle) ini buat masa ini bukan dibuat dalam Malaysia ini. Saya dengar sarikata ini dibuat di Singapura. Oleh sebab itu apa salahnya Perbadanan ini mengusahakan supaya tiap-tiap filem yang masuk ke Malaysia ini dialih suara atau disubtitlekan, dibuat sendiri dengan cara ala Malaysia.

Dalam cukai entertainment sekarang ini kita dapat tahu 25% yang dikenakan kepada penonton-penonton filem. Saya rasa ini menyusahkan juga kerana kita hendak memajukan filem-filem yang ada di Malaysia ini, khasnya kepada pengusaha-pengusaha filem tempatan supaya cukai ini dapat dikurangkan dan jikalau boleh cukai ini dikurangkan dan ditubuhkan satu tabung Perbadanan. Tujuan tabung ini supaya duit ini dapat disimpan dan jikalau ada masalah-masalah yang timbul oleh pengusaha-pengusaha filem, mereka boleh mendapatkan pertolongan duit daripada tabung yang dicadangkan ini.

Dalam soal yang lain, Tuan Yang di-Pertua, sebab banyak yang telahpun diucapkan oleh saudara-saudara kita yang lain tadi, oleh itu bagi memendekkan masa dan juga tidak mahu mengulang-ulangi lagi dengan ini saya bersama-sama juga dengan rakan-rakan yang lain menyokong supaya Rang Undang-undang ini diluluskan.

7.20 mlm.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengalu-alukan Rang Undang-undang ini untuk menubuhkan satu Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia dan juga mengemukakan cadangan dan pandangan yang begitu membina yang saya akan sampai kepada Perbadanan apabila Perbadanan itu mula bertugas.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyuarakan masalah-masalah yang dihadapi oleh pengeluaran filem tempatan dan juga mengatakan mutu filem tempatan ini kurang baik jika dibandingkan dengan filem yang dikeluarkan oleh negara jiran seperti Indonesia atau Taiwan dan sebagainya. Ini ialah tujuan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia kita ini untuk meninggikan mutu filem tempatan dan juga untuk mengatasi segala kesulitan, masalah yang dihadapi oleh pengeluar-pengeluar filem dan juga kepada semua golongan yang terlibat di dalam industri filem, bukan sahaja pengeluar-pengeluar filem tetapi para seniman, pelakon, penulis, juruteknik dan sebagainya.

Seperti saya katakan dalam ucapan saya apabila saya membentangkan Rang Undang-undang ini tugas-tugas Perbadanan ini melindungi banyak perkara dan salah satu daripadanya untuk memberi kemudahan latihan kepada sesiapa yang berkait dalam filem industri ini.

Sukalah saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Rahmah Othman yang telah memberi banyak pandangan dan cadangan bagaimana latihan ini disusun dan ini akan saya sampaikan kepada Perbadanan ini kelak.

Ramai Ahli Yang Berhormat membangkitkan soal panggung wayang atau dengan ringkasnya pawagam yang mana pada masa sekarang dari angka-angka yang saya ada, 398 yang ada di negara ini dimonopolikan oleh Cathay dan Shaw; boleh dikatakan 81 Shaw dan 70 Cathay. Ini adalah tujuan kita yang mana kita dalam Akta ini telah membahagikan fungsi atau kegiatan pengeluar, mengedar dan menayang filem oleh kerana pada masa yang lampau industri perfileman ini dimonopolikan oleh pihak-pihak yang tertentu. Jadi pada masa hadapan apabila undang-undang ini dikuatkuasakan tidaklah satu orang atau syarikat boleh menjalankan ketiga-tiga kegiatan bersama-sama. Ini ialah satu langkah untuk menseimbangkan monopoli yang telah ada di dalam industri perfileman.

Tadi ada ramai Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya Perbadanan ini mengambil bahagian dalam mendirikan

pawagam. Sukalah saya menyatakan di sini tujuan atau tugas penting Perbadanan ini ialah memberi bantuan kepada pihak yang tertentu khususnya kaum bumiputra atau Kerajaan, atau badan Kerajaan Negeri untuk mengadakan pawagam tetapi tujuan Perbadanan ini bukan jadi persaingan dengan pihak swasta sendiri tidak akan menjalankan kegiatan-kegiatan dagang. Jadi Perbadanan sendiri tidak masuk dalam kegiatan dagang, tidak operate sebagai commercial tetapi memberi bantuan. Kalau Perbadanan ini masuk dalam kegiatan perusahaan ini, barangkali Perbadanan ini menjadi satu persaingan yang mana saya rasa pihak badan swasta akan menerima persaingan yang hebat. Jadi Perbadanan ini sendiri tidak akan masuk dalam kegiatan dagang tetapi akan memberi bantuan dengan seberapa yang boleh.

Yang Berhormat Senator Puan Rahmah Othman telah mencadangkan sekatan atas quota atau atas filem-filem yang dibawa masuk daripada luar negeri dan sekatan import mungkin tidak dapat dilakukan kerana GATT (General Agreement on Tariff and Trade) ini ialah satu langkah yang tidak dibetulkan.

Sukalah saya jelaskan bahawa sekatan-sekatan import boleh dilakukan dan tidak bertentangan dengan peruntukan GATT asalkan tindakan itu merupakan sekatan global dan tidak mendiskriminasikan satu negara tertentu. Jadi ini boleh dijalankan.

Yang Berhormat Senator Dato Seri Haji Hussein bin Mohd. Noordin juga ada mencadangkan supaya Perbadanan ini mengkaji atau menetapkan satu quota filem-filem yang sekarang diimport di negara ini, boleh dikatakan Perbadanan ini adalah diberi kuasa untuk membuat syor kepada Menteri tentang dasar-dasar dan cara-cara seperti quota import. Saya rasa apabila Perbadanan ini ditubuhkan tugas penting ialah untuk mengkaji filem-filem yang diimport daripada luar negeri dan saya rasa ini akan diberi pertimbangan apabila perakuan dibuat kepada Menteri.

Mengenai dengan keanggotaan ahli Perbadanan, sukalah saya memberitahu bahawa apabila Perbadanan ini diwujudkan, ahli-ahli khususnya Pengerusi, Timbalan

Pengerusi dan ahli-ahli daripada pihak swasta mesti dilantik daripada orang-orang yang ada pengalaman. Sungguhpun ini terpulung kepada Yang Berhormat Menteri sendiri, saya rasa Yang Berhormat Menteri sendiri mesti ada mengkaji atau mendapat syor-syor daripada pihak-pihak tertentu sebelum perlantikan ini dibuat.

Saya rasa banyak perkara telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang ini dan saya akan mengemukakan cadangan ini kepada Perbadanan pada masa hadapan dan lagi sekali saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat atas penubuhan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia yang saya rasa akan memainkan peranan yang penting dalam perusahaan perfileman bukan sahaja untuk meninggikan mutu filem yang dibuat di Malaysia tetapi juga untuk memprojeikan satu imej Malaysia di seluruh dunia supaya identiti Malaysia dan juga imej Malaysia ini dapat disebar di seluruh negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 34 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PEMBERIAN KEPADA NEGERI (PENYENGGARAAN PIHAK-PIHAK BERKUASA TEMPATAN)

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

7.34 mlm.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya suatu Akta yang diberi nama Akta Pemberian Kepada Negeri (Penyenggaraan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan) 1980 dibaca bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memberi kepada penguasa-penguasa tempatan yang telah disusun semula pemberian melalui Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu untuk membantu penguasa-penguasa tempatan menyenggara pentadbiran mereka.

Sebagaimana yang telah dimaklumi, Kerajaan dalam usahanya untuk mempertingkatkan taraf dan kualiti hidup rakyat jelata telah membuat keputusan supaya penguasa-penguasa tempatan yang mana berjumlah 374 buah, disusun semula dengan tujuan memperluaskan kawasan-kawasan penguasa tempatan dan di dalam proses memperluaskan kawasan-kawasan itu dapat memberi kemudahan-kemudahan infrastruktur kepada penduduk-penduduk dalam kawasan-kawasan yang dahulunya tidak mempunyai kemudahan-kemudahan tersebut. Kerajaan Persekutuan adalah menyedari bahawa kebanyakan daripada penguasa-penguasa tempatan adalah menghadapi masalah kewangan yang berat dan oleh yang demikian Kerajaan Persekutuan bersetuju memberi bantuan kewangan berbentuk geran khas kepada penguasa-penguasa tempatan yang telah disusun semula.

Sebagai daya penarik dan bantuan kepada penguasa-penguasa tempatan di dalam sistem yang baru ini, Kerajaan Persekutuan sejak 1hb Januari, 1978 telah memberi bantuan

kewangan khas kepada penguasa-penguasa tempatan yang telah disusun semula melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan seterusnya melalui Kerajaan-kerajaan Negeri. Pemberian kewangan khas ini diberi untuk penyenggaraan (maintenance) dan dikira mengikut formula tertentu berasaskan faktor-faktor penduduk dan hasil penguasa tempatan berkenaan. Pemberian tersebut juga adalah tertakluk kepada beberapa syarat yang mesti dipatuhi oleh Kerajaan-kerajaan negeri. Bolehlah dikatakan bahawa satu usul pendorong di dalam pemberian kewangan khas itu ialah bertujuan untuk menggalakkan penguasa-penguasa tempatan supaya lebih berusaha di dalam kutipan hasil pendapatannya. Kuasa untuk memberi, dan tujuan memberi, pemberian itu ada dinyatakan di dalam Fasal 2, Rang Undang-undang tersebut yang juga menghuraikan bahawa pemberian ini boleh dibuat dari masa ke semasa dan amaunnya ditentukan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi Kerajaan Tempatan setelah berunding dengan Menteri Kewangan. Di bawah Fasal 3 pula dinyatakan bahawa had dan syarat boleh dikenakan oleh Kerajaan Persekutuan semasa memberi pemberian itu.

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Raffidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk memberi kepada pihak-pihak berkuasa tempatan yang tersusun semula pemberian tahunan melalui Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu untuk membantu pihak-pihak berkuasa tempatan menyenggara pentadbiran mereka, dibacakan kali kedua dan sekarang terbuka untuk dibahas.

7.38 mlm.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ialah untuk menyokong sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang Akta Pemberian kepada Negeri (Penyenggaraan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan) 1980.

Tuan Yang di-Pertua, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan kebanyakannya adalah menguruskan Majlis-majlis Tempatan yang terletak di luar bandar, tegasnya di kampung-kampung Melayu dan sebagaimana yang kita ketahui keadaan Majlis-majlis Tempatan boleh dikatakan di dalam kepicikan kewangan untuk menjayakan projek-projek kemajuannya dan pergantungan di dalam bahagian kewangan kepada Kerajaan Negeri boleh dikatakan tidak mencukupi dan banyak pula di antara negeri-negeri itu yang tidak berdaya upaya untuk menanggung kesemua penyenggaraan pihak-pihak berkuasa tempatan, maka sewajarnya Akta ini dibuat pindaan yang mana di dalam pindaan ini ditegaskan iaitu Kerajaan Persekutuan boleh memberi dari semasa ke semasa pemberian kepada sesuatu negeri bagi penyenggaraan pihak-pihak berkuasa tempatan di dalam negeri itu. Jadi sesungguhnya langkah Kerajaan Persekutuan ini adalah satu langkah yang baik dan memandang jauh ke hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dengan adanya Akta ini dan kalau dijalankan dengan bersungguh-sungguh sebagaimana yang dicatatkan di dalam Akta ini maka insya Allah Majlis-majlis Tempatan di seluruh Malaysia sama ada Malaysia Timur dan Malaysia Barat akan berubah corak dalam masa beberapa tahun sahaja. Apa yang menjadi kata-kata yang tidak sedap didengar pada masa sekarang ini ialah rungutan-rungutan, sungutan-sungutan daripada orang-orang di luar bandar. Mereka sentiasa membangkit-bangkitkan, mengatakan kia penduduk-penduduk di luar bandar adalah sama setaraf dengan penduduk-penduduk bandar, tetapi di dalam kemudahan-kemudahan, di dalam kemajuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan maka kita penduduk-penduduk di luar bandar adalah ketinggalan jauh, lebih-lebih lagi dalam persediaan Kerajaan kepada

kemudahan-kemudahan seperti jalanraya, longkang dan sebagainya. Walaupun Majlis-majlis Tempatan ini telah ditubuhkan begitu lama berpuluh-puluh tahun diberikan kuasa otonomi untuk memerintah kekuasaan masing-masing, tetapi dengan kuasa otonomi yang diberi itu, apakah boleh Majlis-majlis Tempatan ini bergerak kalau tidak ada wang. Mereka hanyalah berharap kepada cukai-cukai rumah, cukai-cukai bangunan yang ada itu sahaja, tetapi tidak sebanyak mana yang boleh diharapkan sehingga setengah Majlis Tempatan yang ada itu hendak membayar gaji kepada pekerja-pekerja pun tidak dapat, akhirnya Majlis Tempatan telah menjadi satu permainan kepada orang-orang yang nakal iaitu ada pejabatnya, tetapi kosong anggota-anggotanya dengan sebab Majlis Tempatan ini sudah jatuh bangkrap (mufli).

Oleh kerana undang-undang ini telah begitu sekali, telah mengakui akan memberi bantuan pemberian kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan menerusi Kerajaan Negeri, maka inilah saya bangun menyokong dan berharap mudah-mudahan dengan kesanggupan, dengan adanya catitan undang-undang ini, dengan kelulusan yang diberi oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara maka negara kita khasnya penduduk-penduduk di luar bandar akan merasa nikmat dan akan mengkecapi kemajuan negara dalam beberapa tahun yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun di dalam undang-undang yang dibuat ini menurut Perlembagaan kerana di dalam Perlembagaan Fasal 3 Perkara 109 ada dicatitkan:

“109. (3) Parlimen boleh dengan undang-undang memberi pemberian bagi maksud-maksud tertentu kepada mana-mana Negeri mengikut apa-apa syarat sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang itu.”

Jadi Kuasa Parlimen adalah membuat undang-undang, untuk Kerajaan Persekutuan memberi mana-mana pemberian kepada mana-mana negeri. Tetapi di dalam dua pindaan ini ada dikaitkan dan saya tidaklah membangkang hanya memberi pandangan sahaja.

Di dalam Seksyen 2 dikatakan:

“2. (1) Persekutuan boleh dari semasa ke semasa membuat pemberian kepada sesuatu Negeri bagi penyenggaraan pihak-pihak berkuasa tempatan di dalam Negeri itu.”

Nombor 2 amaun pemberian yang dibuat, amaun itu mengikut perkataan bahasa Melayu “jumlah pemberian”.

“2. (2) Amaun pemberian yang dibuat di bawah seksyen kecil (1) hendaklah ditentukan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi kerajaan tempatan setelah berunding dengan Menteri Kewangan.”

Ini pun satu ikatan yang tidak bebas.

Sebagaimana yang dihuraikan oleh pihak Menteri Perumahan tadi Tuan Yang di-Pertua, di dalam seluruh Malaysia ada 374 buah Pihak-pihak Berkuasa Tempatan. 374 buah ini bererti tiap-tiap sebuah Pihak-pihak Berkuasa Tempatan ini ada mempunyai problemnya sendiri, jadi kalau menurut undang-undang yang kita sedang gubalkan sekarang ini insya Allah Pihak-pihak Berkuasa Negeri itu akan mengemukakan permohonannya kepada Kerajaan Persekutuan memohon bantuan untuk memajukan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan. Tetapi menurut di bawah Fasal ini pula yang meluluskan itu ialah Menteri yang berkenaan iaitu Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan minta amaun itu daripada Kementerian Kewangan, kalau dua-dua Menteri ini bersetuju sahaja barulah boleh, kalau tidak-tidaklah. Inilah yang mendatangkan dukacita saya, bererti; bukan saya menuduh—tidak menuduh. Saya percaya Menteri kita adalah ikhlas, jujur dan dedikasi semua sekali, tetapi ada kemungkinan, bolehjadi, maknanya dengan adanya ikatan seksyen ini bolehjadi ada pilih kasih.

Saya misalkan kalau sekiranya Kerajaan Negeri Terengganu memohon \$2 juta kerana hendak memajukan 20 Majlis Tempatan negeri Terengganu seperti hendak buat benda itu dan benda ini, maka permohonan itu akan pergi kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dia yang

memprosesnya, yang proses permohonan itu. Datang pula permohonan daripada Kerajaan Kelantan maka Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga yang memprosesnya, datang lagi permohonan daripada Johor dia juga akan proses. Jadi menurut sahaja apa yang dikata oleh Menteri Perumahan minta \$20 juta dia kata tidak patut yang patutnya \$2 juta sahaja, dia pergi bercakap kepada Menteri Kewangan, Menteri Kewangan kata \$2 juta pun banyak, pada pendapat saya \$1 juta pun cukup, kalau begitu luluskanlah \$1 juta sahaja. Dengan keadaan begitu projek-projek yang hendak dibuat dan segala rancangan-rancangan yang dikemukakan oleh Majlis Tempatan itu akan terbengkalai juga. Apa fasal? Dengan angkara dua orang Menteri sahaja, Menteri Perumahan dan Menteri Kewangan. Ini saya kata sahaja bukan tuduh, tetapi inilah perkara yang boleh jadi. Dengan sebab itu tidakkah ada baiknya kalau sekiranya undang-undang ini sudah dibuat, maka permohonan daripada Kerajaan Negeri itu diangkat kepada Kabinet terus; Kabinet yang mengandungi ke semua Menteri, dicurah di situ, diproseskan di situ sekali. **Misalnya daripada Terengganu banyak mana, daripada Kelantan banyak mana, daripada Johor banyak mana ditimbang oleh Kabinet, jadi tidak ada pilih kasih, kalau Kementerian Perumahan tidak sokong pun, Menteri lain kata; mana boleh?**

Saya sudah pergi ke Terengganu, saya tahu benar-benar; tempat yang saya pergi ini, tempat saya menembak rusa! Tempat ini mustahak, kalau \$2 million pun tidak cukup, ada hujahnya Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kalau dengan cara yang seumpama dibangkitkan di dalam Akta ini rugilah pihak Negeri kerana, katanya amaun pemberian yang dibuat di bawah Seksyen kecil (1) hendaklah ditentukan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi Kerajaan Tempatan setelah berunding dengan Menteri Kewangan iaitu Fasal (2). Fasal 3 pula berkata:

- “3. Persekutuan, semasa memberi pemberian ini, boleh mengenakan had dan syarat yang akan dipatuhi oleh sesuatu Negeri itu termasuk suatu syarat bahawa pemberian itu

hendaklah dibelanjakan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan bagi sesuatu maksud yang tertentu”.

Jadi, sudahlah tadi diluluskan oleh dua orang Menteri sahaja diletakkan syarat pula lagi, hendak dibebankan. Padahal di dalam masa mengemukakan rayuan itu, Kerajaan Negeri di dalam masa mengemukakan permohonan itu tentulah ada dan ditulis bahawa wang \$20 juta yang dipohonkan ini kerana hendak buat ini dan hendak buat itu. Mengapa pula dikenakan syarat, kerana apa? Kerana sebagaimana yang kita tahu di dalam Malaysia ini perubahan bermacam-macam dengan sebab udaranya. Cuba kita tengok tengah-tengah panas dengan tidak semena-mena turun hujan, dalam masa hujan itu berhenti terbit pula panas. Jadi becak jalan-jalan dan wang yang diperuntukkan ini ialah kerana buat jalan, jambatan atau sebagainya tetapi kalau sekiranya perkara itu difikirkan tidak mustahak lagi, hendak dibuat perkara lain pula, itu terpulanglah kepada Kerajaan Negeri, bolehlah bawa pindaan lagi di sini. Itulah pandangan saya, bukan saya membantah. Jadi saya nampak kurang bijak dengan meletakkan syarat ini kepada Kerajaan Negeri dan permohonan itu adalah diproses oleh dua orang Menteri sahaja.

Dengan sebab itu, saya mohon supaya dibuat pertimbangan semula, mudah-mudahan sebagaimana yang saya cadangkan iaitu segala permohonan daripada Kerajaan Negeri itu hendaklah dipertimbangkan oleh Kabinet.

7.51 mlm.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong di atas Rang Undang-undang ini dengan menggantikan Rang Undang-undang yang telah diedarkan.

Berkeaan Rang Undang-undang ini saya mengambil bahagian sedikit sahaja. Di dalam Huraian Rang Undang-undang ini mengatakan Rang Undang-undang ini bertujuan untuk memberi kepada pihak-pihak berkuasa tempatan yang tersusun semula pemberian melalui Kerajaan Negeri bagi

maksud untuk membantu pihak-pihak berkuasa tempatan menyenggarakan pentadbiran mereka.

Oleh hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh berbesar hati di atas Rang Undang-undang ini yang mana pihak Kerajaan Pusat akan memberi pemberian-pemberian ini kepada Kerajaan Negeri dan Majlis-majlis Tempatan. Dengan adanya ini, Majlis-majlis Tempatan yang mana sekarang ini kita tahu berjumlah 340 yang telah diterangkan oleh Menteri tadi, banyak lagi Majlis-majlis Tempatan yang kita lihat sekarang belum ada perubahan-perubahan sungguhpun kita telah lama merdeka dan menikmati segala kemudahan-kemudahan umpamanya jalan, bekalan elektrik, air, kebersihan longkang dan kedai-kedai. Begitu juga kedudukan tempat padang-padang permainan yang tidak ada, taman kanak-kanak yang tidak ada, dewan-dewan orang ramai di mana orang ramai boleh mengadakan mesyuarat dan sebagainya pun tidak ada termasuk padang-padang bola. Dengan adanya Rang Undang-undang ini kita berharap supaya Majlis-majlis Tempatan nanti dengan adanya bantuan ini akan dapat menjalankan kerja-kerja dan memperbaiki Majlis-majlis Bandaran atau Majlis-majlis Tempatan.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam mengatur semula hal ini kita telahpun 20 tahun lebih merdeka, rasa saya dalam soal memperbaiki dan mencerminkan keadaan satu-satu bandar dalam Malaysia ini harus juga diambil tindakan oleh Majlis-majlis Tempatan terutamanya tentang nama jalan-jalan yang masih lagi di Majlis-majlis Tempatan menggunakan nama-nama penjajah dan juga ada nama-nama yang tidak begitu baik. Kalau boleh dengan adanya duit yang ada ini, bantuan ini dapat diagihkan.

Begitu juga tentang kedai-kedai. Di seluruh Malaysia ini kalau kita pergi, sungguhpun Menteri akan menjawab nanti kita dalam Malaysia ini berbilang kaum dan bangsa; tetapi haruslah kita berfikir juga mendaulatkan Bahasa Malaysia kita. Kita boleh melihat di mana sahaja kita berjalan dalam Malaysia ini, masih lagi kedapatan

Bahasa Kebangsaan ataupun Bahasa Malaysia ini boleh dikatakan kalau di pekan-pekan kecil memang susah sangat kita hendak tengok Bahasa Malaysia ini untuk kita megahkan. Oleh itu kalau pelawat-pelawat luar negeri melihat keadaan ini, tidak ada ubahnya dengan negara-negara lain, umpamanya Hongkong, Singapura dan sebagainya dengan bahasa-bahasa ataupun kalau diadakan juga Bahasa Malaysia kadangkala bahasa itu diterjemahkan dengan tidak betul dan kadangkala lintang-pukang untuk dibaca.

Oleh itu inilah harapan saya supaya dengan adanya ini dapatlah pihak Majlis-majlis Tempatan menjalankan tugasnya dan juga memperbaiki lagi Majlis-majlis Tempatan di pekan-pekan yang terpencil supaya dengan pemberian ini dapat dijalankan dengan sempurna. Itulah harapan saya, Tuan Yang di-Pertua, supaya dengan adanya kewangan ini nanti kita harap pihak Kerajaan Negeri juga bersama-sama menolong Majlis-majlis Tempatan masing-masing dan meminta pihak-pihak Majlis Tempatan berusaha dan memajukan tempat mereka masing-masing.

Dengan ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama menyokong di atas Rang Undang-undang yang dibentangkan ini. Sekian, terima kasih.

7.57 mlm.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, bercakap dalam masalah Bil ini, saya sukacita menyokong Bil ini akan tetapi satu perkara patut dipertimbangkan.

Bil ini wujud ialah hasil daripada Suruhanjaya Athi Nahappan yang telah bekerja kuat begitu lama, maka daripada itu hasilnya telah dapat dibuat bagi menyusun semula Majlis-majlis Tempatan. Dalam penyusunan semula sekarang ini keadaan taraf Majlis itu telah berubah, dahulunya wakil-wakil Majlis itu dipilih oleh pengundi tempatan dan ada Majlis-majlis Bandaran atau Majlis-majlis Tempatan tetapi oleh sebab tenaga kewangannya tidak ada keupayaan maka itulah sebab saya fikir Kerajaan melantik satu badan yang diketuai oleh

mendiang Yang Berhormat Datuk Athi Nahappan bagi membuat report dan kajian bagi disembahkan kepada Kerajaan.

Perkara yang timbul sekarang ini ialah penyusunan semula telah berlaku dan daripada 334 buah Majlis Tempatan termasuk perbandaran yang telah kita satukan, tetapi ini berperingkat-peringkat dijalankan di seluruh negara, hanya tempat-tempat yang difikirkan patut oleh Kerajaan maka diisytihar kuatkuasa penyusunan semula Majlis Tempatan ini.

Perkara yang pertama dengan penyusunan semula ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah percantuman Majlis Bandaran dan juga Majlis Tempatan yang dahulu disebut Kampung-kampung Baru. Oleh sebab penduduk di Kampung Baru sekarang ini sudah bertambah dari semasa ke semasa jadi perkampungan itu sendiri pun sudah menjadi kecil dan tindakan membaharui perlu dibuat. Tetapi ada satu perkara yang patut ditimbang oleh Kerajaan iaitu wujudnya pegawai tadbir ini yang diberi tugas sekali-sekala mengawasi kawasan tempatan atau dahulunya disebut Kampung-kampung Baru.

Saya rasa jawatan ini patutlah dipertimbangkan semula oleh Kerajaan bagi ditiadakan sebab jawatan ini merupakan satu jawatan yang mewujudkan rasa perkauman, sementelahan pula kebetulan pegawai itu ialah orang Cina dan mengawasi pula kawasan tempatan yang kebanyakannya diduduki oleh orang Tionghua. Kalau sekiranya pegawai itu patut bekerja, saya mohon mencadangkan supaya nama itu diletak dengan nama yang lebih sesuai supaya merupakan satu nama yang tidak tersinggung. Kerajaan Pusat sendiripun kebanyakan telah mengalih nama pegawai tadbirnya, sudah tidak ada Pegawai Tadbir Melayu tetapi pengawasan Kerajaan Tempatan ini masih ada lagi pegawai dengan nama Pegawai Tadbir Cina.

Saya tidak prejudis dengan itu, tetapi saya memandangkan ke hadapan, dalam masa kita menyusun semula ini perasaan dan juga pandangan perlu lebih luas dan kalau boleh kita benamkan unsur yang boleh membangkitkan atau menaikkan unsur-unsur perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada pengakuan dalam Bil ini bahawa Kerajaan Pusat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan memberi bantuan akan tetapi kuasa kawasan tempatan itu sendiri berharap hendak menambahkan cukai bagi menampung keupayaan atau perbelanjaan yang wujud dan timbul dalam kawasan ini. Umpamanya, sebagaimana kita tahu, Perbandaran Kuantan bercadang hendak dinaikkan 14% cukai pintu. Tentulah ini satu perkara yang berat kepada tenaga bumiputera yang ada duduk di kawasan perbandaran itu dengan sebab naiknya cukai-cukai yang tersebut. Kalau tidak ada keupayaan untuk membuat pembayarannya sudah tentulah tanah-tanah mereka kelak akan dijual.

Saya berterima kasih kalau saya tidak silap Majlis Bandaraya sendiri pun ada mengutip cukai pintunya tetapi dia memperhematkan kawasan yang patut. Ada setengah-setengah tempat kawasan Melayu, kawasan sempit cuma 5% sahaja. Tetapi ada tempat-tempat yang baik, nilainya tinggi dinaikkan kerana keupayaan penghuni-penghuni di tempat itu. Itu saya fikir satu langkah yang patut ditiru oleh Majlis Tempatan terutama di bandar-bandar besar.

Tuan Yang di-Pertua, apabila tingkatan kawasan itu ditingkatkan daripada Majlis Bandaran kepada Majlis Perbandaran maka kawasan ini juga diperbesarkan. Maka dengan sendiri untuk hendak memadamkan sebuah Majlis Perbandaran umpamanya, kawasan-kawasan yang dahulu tidak masuk dalam kawasan Perbandaran sudah juga masuk dan ini sudah menjadi satu beban kepada yang tidak berada. Itulah sebabnya saya katakan tadi saya mohon Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membuat perundingan dengan Kerajaan Negeri supaya menaikkan cukai pintu atau assessment itu hendaklah difikirkan semasak-masaknya. Bukan dipandang dari segi hendak membanyakkan projek, kita mesti menaikkan cukai dan ini akan membebankan orang miskin.

Dalam bandar-bandar yang besar-besar bumiputera rata-rata miskin dan tidak ada kemampuan. Bagaimanakah sikap yang tidak ada kemampuan, akhirnya mereka akan

berhijrah semula dan harta bendanya akan dijual gadai. Jadi hasrat Kerajaan sekarang ini hendak membawa bumiputera ke dalam bandar supaya dapat diseimbangkan dan ini tidak mungkin berlaku jika soal cukai assessment ini tidak ditimbang dengan lebih teliti.

Untuk hendak memudahkan Kerajaan saya fikir patut difikirkan semula kawasan-kawasan tempatan itu sendiri perlu diperbesarkan, menggalakkan rakyat penghuni di kawasan tempatan itu sendiri berhijrah dalam menubuhkan bandar baru kerana dari segi kesihatan jikalau kita pergi ke kawasan tempatan Penguasa Tempatan, sudah tidak patut, dengan penghuni yang banyak dalam sebuah rumah, rumah yang sempit berdekatan dengan tidak tentu parit dan taliair dan juga tandas kesihatan.

Saya sarankan kepada Kerajaan menimbangkan satu kajian dibuat adakah sepanjang masa umpamanya orang Tionghua, orang Melayu atau orang India yang duduk di kawasan tempatan itu kekal sehingga beranak cucu. Perlulah difikirkan supaya mereka menikmati kehidupan yang lebih luas berhijrah ke tempat yang lain dan sama ada ianya dibiayai oleh Kerajaan dari segi pembukaan tanah dan sebagainya ataupun diberi tanah kepada mereka. Dengan jalan itu saya fikir beban dari segi moral, fizikal dapat kita atasi. Jikalau tidak perkara ini akan berlanjutan dan satu masa akan timbul keadaan sejauh mana Kerajaan Tempatan membantu orang-orang Melayu yang terbiar. Adakah pada dengan Kementerian Pertanian menyarankan supaya pulih kampung diberi 4-5 batang pokok rambutan, talibesi 4-5 gelong supaya dipulih kampungnya. Jadi, saya perlu minta Kerajaan menimbangkan terutamanya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya imbuhan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini patut juga disalurkan kepada kampung asal kerana mereka yang duduk di dalam kawasan tempatan juga merasa nikmat pembangunan luar bandar ataupun nikmat yang diwujudkan oleh Kerajaan terutama air, api ataupun jalan. Marilah kita sama-sama mencari jalan supaya pembesaran kawasan Wilayah atau kawasan

tempatan itu patut kita atasi kecualilah kalau pembangunan bandar ini boleh kita atur daripada segi pembangunannya dari masa ke semasa.

Pada saya sudah sampai masanya Kerajaan menimbangkan semula supaya jangan ada lagi kampung baru yang didiami oleh orang Tionghua yang diletak di bawah kawasan Kerajaan Tempatan. Pada zaman darurat dahulu betul, kita mencurigai dia dan kita longgokkan untuk keselamatan negara. Sekarang ini sebahagian daripada mereka orang yang taat kepada negara kita dan dia bersumpah menjadi rakyat negeri ini perlu kita fikirkan supaya kawasan semacam ini tidak wujud lagi.

Saya tidak menyentuh masalah bantuan sebab saya sedar seberapa banyak diberi sekalipun kepada Kerajaan Tempatan, umpamanya, di kampung-kampung baru Cina, masih mahu lagi oleh sebab banyak perkara yang melibatkan kehidupan mereka itu. Adakah kita berkehendak lagi umpamanya dalam masa kita sudah sekian lama merdeka keadaan satu kaum dengan lain kaum ada perbezaan, ada yang mendapat bantuan melalui Kerajaan Tempatan, melalui Penguasa-penguasa Tempatan, satu kaum lagi mendapat bantuan melalui Majlis Tindakan Daerah. Dan kalau ini kita amalkan, penyakit perpisahan itu tidak dapat diubat dan lambat pulih, dan kalau itu juga dikehendaki oleh Kerajaan mesti ada kampung-kampung baharu yang masuk dalam Majlis Tempatan.

Saya mahu Kerajaan supaya membesarkan kawasan itu, kita beli tanah, kita beri kepada mereka supaya dia selesa hidup. Jadi inilah pandangan saya yang cetek. Walaupun saya cakap banyak membela kaum-kaum Tionghua dalam masalah ini tetapi jangka panjang kita terutama di luar bandar persefahaman mereka itu perlu dihidupkan. Dengan rumah 10 kaki x 20 kaki buka, 40 kaki panjang terkebelakang hidup berbelas-belas penghuni rumah hanya dengan menyewa bilik tentulah tidak adil bagi mereka sebagai rakyat negeri yang sama-sama menikmati undang-undang negara kita.

Saya tidak membangkang Bil ini, Tuan Yang di-Pertua, hanya saya suka bahawa Bil ini adalah lanjutan daripada cara penjajah memerintah negara kita. Kita mulakan

kawasan di bandar besar seperti Majlis Perbandaran, itu saya akur, saya setuju bantuan perlu diberi seberapa yang patut. Tetapi memberi bantuan kepada Kerajaan Tempatan yang dimasukkan dalam satu kawasan penyelenggaraan Penguasa-penguasa Tempatan termasuk Kampung Baru, ini perkara yang saya minta Kerajaan timbangkan. Kalau ini juga jalanraya seperti saya katakan tadi kita mengambil hasil daripada penjajahan sebagaimana kita dipecah-pecah dan perintah.

Barangkali orang berkata, kalau mereka ini dikeluarkan tidak dipagar barangkali mereka ini boleh dirasuk oleh komunis. Ini komunis, Tuan Yang di-Pertua, bukan orang miskin sahaja, orang kaya pun ada jadi komunis. Ini ideology, ada cara lain yang boleh kita memperbaiki. Tetapi dengan mengurungkan di dalam kampung yang asal dengan tempat yang sempit, tidak ada kawasan bercucuk tanam, ini menyebabkan mereka tidak puas hati, dan orang-orang tidak puas hati inilah yang akan lebih mudah menerima fahaman-fahaman tersebut. Itulah saya menyarankan kepada Kerajaan supaya menimbangkan dengan lebih halus dan kalau boleh kita cari jalan yang lebih berfaedah.

Tetapi walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan rendah hati menyokong Bil ini diluluskan. Dan saya telah berjanji awal tadi saya menyokong akan datang mohonlah kiranya Kerajaan mencadangkan dan memikirkan hakikat yang sebenarnya kerana Kerajaan Tempatan sekarang ini apabila disusun semula bukan Majlis Perbandaran sahaja bahkan termasuk kampung Cina yang dijadikan Local Council itu sendiri pun termasuk di dalam penyusunan semula. Dijadikan rakyat yang duduk di Local Council itu kita masih lagi kekal cara lama.

Kalau pun, Tuan Yang di-Pertua, pernah menziarah kampung-kampung baru yang dikatakan Local Council, kita sendiri pun berasa sedih memikirkan bagaimana kehidupan mereka apatah kalau seorang yang sudah biasa duduk dalam satu kawasan garden yang besar, luas, nyaman udaranya, sunyi keadaannya, apabila kita pergi ke sana bertampiaran anak-anak kecil lari dari sebelah

rumah ke sebelah rumah; saya tidak membela ataupun saya dapat satu faedah daripada pembelaan saya itu. Tetapi apa yang saya katakan ini ialah saya memandang jauh bahawa Malaysia tidak akan makmur jika tidak ada keharmonian di antara penduduk dan komunis akan lebih mendalam lagi mencari peluang jika timbul ketidakpuasan hati. Setengah daripadanya sampai sekarang tanah yang 20 kaki x 60 kaki persegi itu masih belum dapat geran setelah 23 tahun merdeka. Jangankan dapat tanah yang lain, tanah yang duduk itu pun setengahnya sudah meninggal, tinggal anak-anak, masih lagi belum kekal, belum lagi dapat geran.

Saya harap walaupun soal ini soal Kerajaan Negeri, atau tanah soal Kerajaan Negeri tetapi saya rasa pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan boleh berunding dengan Kerajaan Negeri. Hendaknya janganlah sampai bila pilihanraya barulah kita keluarkan geran 20-30 keping kita harap dapat sokongan daripada mereka. Mereka ini lebih cerdik, Tuan Yang di-Pertua, bahkan lebih cerdik daripada kita lagi. Kita harus berterus terang. Kawasan yang 20 kaki persegi buka, 60 kaki panjang kebelakang untuk mendapatkan geran sampai 23 tahun itu pun belum dapat.

Segala bantuan yang kita beri, buat parit, buat jalan, buat rumah, buat padang bola dan balairaya, ini semua boleh kita gunakan kalau fikiran kita tenteram, boleh kita bermesyuarat. Rumah kita aman kalau sekiranya hendak tidur pun di dalam satu rumah itu empat lima orang penghuni menyewa bilik, di manakah keharmoniangannya. Jadi, saya bercakap dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah dengan perasaan hati yang ikhlas dengan tujuan tidak membela apa pun, hanya membela kebenaran dan keadilan.

Inilah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, saya menyokong Bil ini.

8.18 mlm.

Tuan Haji Abdul Latip bin Haji Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini.

Suka saya bercakap dengan ringkas sebagai mengalu-alukannya dibentang dalam Dewan yang mulia ini tepat pada masanya bagi membantu pihak-pihak Kerajaan Tempatan di negara kita ini. Atas segala pemberian oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri bagi menyelenggarakan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan terutama bagi negeri Sarawak sangatlah dikehendaki. Setakat yang saya ketahui pada masa ini Pihak-pihak Berkuasa Tempatan di negeri Sarawak sangatlah sukar untuk menyelenggarakan segala yang di bawah pentadbiran mereka disebabkan dari segi kewangan yang terhad, terutama Pihak-pihak Berkuasa Tempatan di daerah-daerah luar bandar.

Mujur juga segala rancangan kecil-kecil luar bandar seperti jalanraya-jalanraya di kampung dan sebagainya mendapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat. Jikalau tidak ada peruntukan seperti ini sudah tentu keadaan pembangunan luar bandar yang sangat-sangat dikehendaki oleh rakyat berkenaan tidak dapat dinikmati oleh rakyat jika berharap kepada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan untuk membuatnya. Boleh jadi dengan sebab-sebab seperti ini maka sebahagian daripada rakyat yang berkenaan belum lagi mahu menjelaskan atau membayar hutang-hutang cukai rumah mereka kepada pihak-pihak berkuasa tempatan yang berkenaan. Dengan kerana itulah pihak-pihak berkuasa tempatan yang tertentu tidak dapat hasil yang mencukupi untuk menyelenggarakan tanggungjawabnya. Dengan adanya Rang Undang-undang ini segala amaun pemberian hendaklah ditentukan mengikut keadaan pihak-pihak berkuasa tempatan yang masih lagi mundur seperti di daerah yang tertentu di Sarawak.

Seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum bagi negeri Sarawak pada masa ini memang ada seorang Menteri yang bertanggungjawab kepada pihak-pihak berkuasa tempatan untuk menentukan segala dasar dan pentadbiran, tetapi malangnya seperti apa yang saya katakan awal tadi iaitu dari segi kewangannya sangat terhad, maka sukarlah pihak Kerajaan Tempatan untuk menjalankan segala tanggungjawab kepada rakyat seperti apa yang sepatutnya. Dengan lulusnya Rang Undang-undang ini saya yakin Menteri yang

berkenaan mahupun Menteri Kerajaan Negeri Sarawak dapat berunding dengan Menteri Kewangan atau bagi mengatasi segala kesulitan yang sudah lama ditanggung oleh pihak-pihak berkuasa tempatan supaya rakyat luar bandar yang di bawah pentadbirannya tidak merasa dianak-tirikan, sedangkan rakyat luar bandar yang serba kekurangan itu yang memberi sokongan kuat kepada pihak Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat. Sekarang sudah sampai masanya mereka itu harus diberi perhatian yang sewajar bukan sahaja oleh Kerajaan Tempatan atau Kerajaan Negeri memang sudah sepatutnya oleh Kerajaan Persekutuan seperti yang sudah ada tercatat dalam Rang Undang-undang ini. Apa yang harus ditentukan ialah sebanyak mana amaun pemberian itu nanti.

Saya yakin Menteri Kewangan yang bijaksana tentu dapat menentukan bukan sahaja pihak-pihak berkuasa tempatan yang tersusun semula diberi pemberian bahkan pihak-pihak berkuasa tempatan yang terdapat di mana sahaja dalam negeri ini sama ada yang telah tersusun ataupun belum lagi tersusun hendaklah diberikan perhatian oleh pihak yang bertanggungjawab, bagi memberi nafas baharu untuk menghidupkan pihak-pihak berkuasa tempatan bagi menyelenggarakan pentadbiran yang lebih baik bagi faedah rakyat ataupun jika difikir susah untuk menimbang bagi pemberian kewangan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan luar bandar seperti yang terdapat di negeri Sarawak. Saya rasa eloklah ditutup sahaja pihak-pihak berkuasa tempatan kerana ia dahulunya di Sarawak dibuat oleh penjajah bagi melatih rakyat negeri itu supaya boleh mentadbir Kerajaannya sendiri atau merdeka. Sekarang kita sudah merdeka lebih baik pihak-pihak berkuasa tempatan itu diletak sahaja di bawah tadbiran Pegawai Daerah supaya lebih senang Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri menyelenggarakan segala pembangunan atau pentadbiran yang diidam-idamkan oleh rakyat selama ini.

Saya juga berpendapat cukai-cukai rumah di luar-luar bandar yang tidak ada jalanraya, bekalan api, air dan kemudahan-kemudahan yang lain ditimbangkan semula supaya rumah-rumah mereka itu dilepaskan dari cukai rumah kerana rakyat inilah yang menanggung

berbagai kesusahan baik dari segi harga barang-barang keperluan yang mereka guna adalah jauh lebih tinggi dari pekan dan bandar. Mereka inilah boleh dikatakan 100% rakyat miskin yang harus diberi perhatian oleh Kerajaan Pusat atau Negeri. Kerajaan juga tidak dapat hasil yang begitu banyak dari pungutan cukai rumah-rumah di luar bandar yang saya terangkan itu, sedangkan Kerajaan kita pada masa ini memberi berbagai bantuan subsidi kepada mereka ini supaya mereka dapat hidup lebih baik lagi. Saya yakin pihak yang berkenaan dapat menimbangkan perkara ini dengan ikhlasnya kerana hasil kekayaan negara kita ini mencukupi untuk kita menyelenggarakan segala pembangunan yang dikehendaki oleh rakyat. Sekian, terima kasih.

8.25 *mlm.*

Dato' Haji Ismail bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya juga cuba memberi sedikit penerangan berkenaan dengan Rang Undang-undang Pemberian kepada Negeri (Penyenggaraan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan). Saya tidak akan hendak bercakap panjang di sini, saya cuma hendak menyokong hujah-hujah yang telah pun diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terlebih dahulu daripada saya.

Sebenarnya saya menyokong Rang Undang-undang ini kerana pemberian ini akan mengurangkan beban Pihak-pihak Berkuasa Tempatan yang hari ini tidak mencukupi kewangannya, tetapi berapa lamakah Kerajaan Pusat akan memberi pemberian ini selagi mereka itu tidak boleh berdiri atas diri sendiri, sebagaimana yang diterangkan tadi ada Pihak-pihak Berkuasa Tempatan itu sekelilingnya tidak sampai pun 10-20 buah rumah tetapi dijadikan pihak-pihak berkuasa tempatan.

Yang keduanya, pemberian ini melibatkan Kerajaan Pusat iaitu lebih baik Menteri yang berkenaan melawat atau menghantar pegawai-pegawai menyiasat benar-benar wang ini digunakan kerana perkara-perkara yang tertentu di pihak-pihak berkuasa tempatan itu.

Yang ketiga, di dalam Majlis Bandaran pula yang diterangkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain tadi, iaitu umpamanya bangunan-bangunan di dalam simpanan Melayu pada hari ini sebenarnya berlaku ada di antara penduduk-penduduk di situ telah pun mula menjual rumah-rumah mereka kepada orang-orang Melayu yang boleh membeli harta-harta itu kerana tidak mampu membayar cukai yang diletakkan oleh Pihak-pihak Berkuasa Tempatan itu. Jadi ini juga saya berharap dapat perhatian daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan supaya menimbangkan yang sebenar-benarnya kenaikan cukai-cukai harta, cukai rumah di dalam kawasan simpanan Melayu di Majlis-majlis Bandaran oleh kerana kebanyakan penduduk-penduduk di kawasan itu adalah yang berpendapatan sangat kecil dan rendah, jadi sudah tentulah mereka itu akan ditimpa oleh segala kesulitan bila cukai-cukai rumah mereka tidak dapat dibayar.

Di Johor pada hari ini sudah jadi satu isu berkenaan dengan ada separuh-separuh Majlis Bandaran yang telah menaikkan cukai dalam kawasan-kawasan simpanan Melayu begitu tinggi. Jadi, perkara ini telah menjadi satu masalah lebih besar dan sangat sukar hendak mengatasinya. Saya buat satu bandingan di satu daerah Majlis Bandaran mengenakan cukai 25% dan mentaksir harga \$89,000 cukai setahun \$122.00 lebih. Tetapi pada daerah yang lain rumah yang serupa, harta yang serupa dan juga di kawasan simpanan Melayu taksir harta \$49,000 dikenakan kadar cukai ialah 2.8% dan cukainya setahun \$632.40.

Jadi ini dalam satu keadaan yang menyediakan di dalam Kawasan Simpanan Melayu yang mereka ini sudah tentu tidak boleh membayar cukai yang setinggi itu. Jadi ini bezanya di antara satu kawasan dengan satu kawasan di tempat yang berlainan. Saya harap Kementerian yang berkenaan dapat menyiasat lebih lanjut dan bagaimana dapat menasihati atau menentukan kedudukan-kedudukan yang sebegini rupa.

Saya faham Majlis Bandaran di tempat itu mengenakan cukai-cukai kerana hendak mengisi tabung mereka untuk membuat

perkhidmatan kepada Majlis Bandaran tetapi penduduk-penduduk, baik di dalam kawasan bandar separuh daripada separuhnya sampai hari ini juga tidak puas hati perkhidmatan mereka sungguhpun sampai hati ini juga tidak puas hati perkhidmatan mereka sungguhpun wang sudah berjuta-juta ringgit dibelanjakan dalam satu-satu kawasan bandar itu tetapi bandar itu masih lagi kotor, masih lagi sampah tak diangkat sampai 3-4 hari. Kemudian lori yang digunakan untuk mengangkat sampah setiap hari rosak, setiap hari dihantar ke workshop. Di sini saya juga difahamkan ada di antara workshop itu umpamanya membetulkan sebuah lori, harga plug \$2.50 hari ini dikenakan \$5 dan harga satu spare parts \$5 ada yang dikenakan kepada Majlis Bandaran itu \$50. Ini adalah merugikan penduduk-penduduk yang membayar cukai dalam kawasan-kawasan seperti yang saya sebutkan tadi.

Saya harap perkara-perkara yang semacam ini hendaklah diawasi, diperiksa selalu supaya tidak ada kecurangan berlaku di tempat-tempat yang sedemikian, seolah-olah ada bandar-bandar hari ini tidak ada pegawai yang mengawal kebersihan, tidak ada pegawai yang mengawal bandar itu seperti bangunan dan sebagainya, membiarkan begitu sahaja apa yang dilakukan oleh penduduk-penduduk di kawasan itu, tetapi wang Kerajaan beri dan juga cukai dibayar. Saya bimbang ini disalurkan kepada tempat-tempat yang tidak berkenaan.

Saya haraplah dengan ringkas ini sungguhpun saya menyokong penuh pemberian ini tetapi dengan harapan kawalan penuh dan pemeriksaan yang rapi dibuat dari satu masa ke satu masa. Demikianlah, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

8.33 ptg.

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mendahului jawapan saya dengan menyampaikan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah bercakap dengan begitu mendalam, teliti, ikhlas dan

memberi teguran-teguran dan pandangan-pandangan dan saya fikir sangat berguna, bukan sahaja untuk Kementerian saya bahkan juga untuk Pihak-pihak Berkuasa Tempatan untuk dijadikan panduan dalam melaksanakan tugas-tugas nanti.

Ada 5 orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberi pandangan-pandangan. Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud Salim, Yang Berhormat Senator Abdul Razak Abu Samah, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak Husain, Yang Berhormat Haji Latip Dris dan Yang Berhormat Dato' Haji Ismail Hassan yang kesemuanya memberi pandangan-pandangan. Pandangan-pandangan serta teguran-teguran itu akan dicatat dan diteliti dan yang mana perlu akan disalurkan kepada pihak-pihak yang berkenaan sebagai panduan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan dalam satu-dua perkara dan saya mohon maaf saya tidak akan dapat menghuraikan satu persatu perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Mana-mana perkara yang saya tidak ulas, sebagaimana yang saya sebutkan tadi akan diambil ingatan dan akan diteliti kemudian.

Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud Salim antara lain menimbulkan beberapa fasal dalam Rang Undang-undang ini. Pertamanya, menekankan berhubung dengan Fasal 2 (2), iaitu amaun yang ditentukan oleh Menteri setelah berunding dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya fasal ini tidaklah begitu berbeza dengan amalan yang diamalkan sekarang. Mana-mana projek dalam apa pun perkara disalurkan kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan untuk pertimbangan, umpamanya, jika projek-projek itu berhubung dengan hospital, berhubung dengan kesihatan yang dicadangkan di daerah-daerah, di negeri-negeri, ianya disalurkan kepada Kementerian Kesihatan. Begitu juga jika projek-projek itu merupakan sekolah, permohonan yang berhubung dengan pelajaran disalurkan ke Kementerian Pelajaran dan projek-projek yang dilaksanakan di bawah Pihak Berkuasa

Tempatan ini disalurkan ke Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan ianya diteliti dan dirundingkan dengan pihak Perbendaharaan, pihak Menteri Kewangan untuk mendapatkan peruntukannya. Sebagaimana biasa setelah dipersetujui barulah ianya dimasukkan di dalam Anggaran Belanjawan bagi satu-satu tahun tertentu dan anggaran itu mestilah dikemukakan terlebih dahulu kepada Kabinet sebagaimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator itu sebelum ianya diluluskan atau dibentangkan untuk mendapat kelulusan Parlimen.

Saya suka memberi jaminan bahawa Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam merunding menentukan amaun-amaun ini adalah menjalankan tanggungjawab dengan adil, iaitu bertanggungjawab kepada Kabinet. Sebagaimana yang disebutkan semasa saya membentangkan Rang Undang-undang ini tadi sebenarnya pemberian-pemberian itu adalah ditentukan berasaskan formula-formula tertentu, iaitu bergantung kepada keramaian penduduk-penduduk dalam satu-satu kawasan majlis itu dan juga bergantung kepada pendapatan hasil yang dipungut dalam satu-satu majlis tersebut. Saya merasa bahawa tidaklah berlaku pilih kasih dan pembahagian yang tidak adil di dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud Salim juga menimbulkan bahawa nampaknya Rang Undang-undang ini mengadakan sekatan bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri yang menerima bantuan di bawah peruntukan ini mesti menggunakan untuk maksud-maksud tertentu. Ini perlu diadakan. Ini juga sebagai satu amalan biasa kerana tujuan peruntukan ini diberi ialah untuk digunakan oleh Majlis-majlis Daerah ataupun Majlis-majlis Perbandaran, iaitu Penguasa-penguasa Tempatan untuk kegunaan-kegunaan tertentu. Jadi sekiranya ini tidak dijadikan satu syarat maka dibimbangkan barangkali peruntukan itu digunakan untuk tujuan-tujuan lain.

Sebagaimana juga yang diingatkan oleh Yang Berhormat Senator Dato Haji Ismail Hassan yang mencadangkan supaya Kementerian bukan sahaja menentukan syarat-syarat ini dan meneliti supaya wang yang disalurkan untuk kepentingan dan kebaikan rakyat ini tidak disalahgunakan. Inilah tujuannya, ianya mempunyai semangat dan hasrat yang baik untuk menentukan dan menjamin bahawa setiap sen wang yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan ianya digunakan untuk maksud-maksud yang memberi faedah sebagaimana yang ditentukan.

Yang Berhormat Senator Abdul Razak Abu Samah antara lainnya menyentuh berhubung dengan nama-nama jalan, nama-nama kedai yang tidak menggunakan Bahasa Malaysia. Sebenarnya memang Pihak Berkuasa Tempatan boleh menentukan syarat-syarat dalam perkara ini tetapi oleh sebab pada masa ini undang-undang yang mengawasi perkara ini belum diselaraskan, maka sukacita saya menyatakan pihak Kementerian saya dengan pihak-pihak yang berkenaan sedang mengkaji perkara ini dan insya Allah, barangkali satu undang-undang kecil yang seragam yang boleh menentukan supaya Bahasa Malaysia dipergunakan untuk jalan-jalan dan nama-nama kedai dalam keadaan dan tempat-tempat tertentu akan dapat dikemukakan untuk pertimbangan.

Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak Husain menimbulkan beberapa perkara dan di antara perkara-perkara yang sangat menarik ialah apabila Yang Berhormat Tan Sri menimbulkan masalah kesengsaraan yang sedang dialami oleh penduduk-penduduk kampung baru dalam negara kita ini.

Sebelum saya mengulas secara ringkas berhubung dengan perkara ini, izinkan saya menerangkan bahawa Rang Undang-undang yang dikemukakan ini tidaklah bertujuan khusus untuk memberi bantuan kepada kampung-kampung baru. Ianya bertujuan untuk memberi bantuan kepada Penguasa-penguasa Tempatan melalui Kerajaan-kerajaan Negeri, Penguasa-penguasa Tempatan di sini ialah semua ada ianya Majlis

Perbandaran atau Majlis-majlis Daerah kerana setelah Penguasa-penguasa Tempatan ini disusun semula maka tidak akan terdapat lagi Majlis Tempatan (Local Council) macam dahulu dan juga Majlis Bandaran yang dahulu semuanya ini akan dihapuskan dan ianya akan disatukan di dalam satu majlis sahaja iaitu Majlis Daerah jika ianya Majlis Daerah. Jadi Majlis Daerah ini diperluaskan kawasannya akan mengandungi kawasan Majlis Bandaran yang asal dan dicantumkan dengan Majlis-majlis Tempatan yang asal dan ianya diperluaskan bukan sahaja di kawasan bandaran bahkan ianya juga ke kampung-kampung di luar bandar dan sekiranya dalam kawasan itu terdapat kampung-kampung baru maka ia dengan sendirinya termasuk di dalam kawasan ini jika ianya ditentukan sebagai termasuk di dalam kawasan yang diletakkan di bawah satu-satu Majlis Daerah itu. Dan sekiranya Majlis-majlis Bandaran itu dinaikkan tarafnya, berubah menjadi Majlis Perbandaran. Saya rasa tujuan Rang Undang-undang ini menepati dengan syor yang diberi oleh Yang Berhormat Tan Sri supaya tidak diasingkan antara Local Council, Bandaran, Kampung-kampung Baru. Pandangan Yang Berhormat Tan Sri supaya diberi tanah kepada penduduk kampung-kampung baru itu diteliti oleh pihak-pihak yang berkenaan dan sebaliknya Yang Berhormat Tan Sri sendiri tentu menyedari keadaan-keadaan yang tertentu iaitu kuasa-kuasanya terletak kepada Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian saya bertanggungjawab melihat supaya penduduk-penduduk kampung baru juga memperolehi hak-hak mereka yang sepatutnya dan perkara ini sentiasa diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Latip bin Haji Dris juga memberi pandangan-pandangan yang sangat menarik dan di antaranya ialah supaya Majlis-majlis Daerah tidak mengenakan cukai-cukai, khususnya cukai-cukai rumah di mana-mana kawasan yang tidak diberi apa-apa kemudahan.

Sukacita saya menerangkan perkara ini bahawa pihak Majlis-majlis Daerah itu sendiri akan mengandungi ahli-ahli majlis yang dilantik, yang dijangka mewakili kawasan penduduk di dalam kawasan Majlis Daerah

yang berkenaan itu dan mereka akan memberi pandangan-pandangan berasaskan kepada kehendak, keperluan dan kepentingan penduduk-penduduk dalam kawasan itu dan merekalah yang dapat menentukan dasar satu-satu Majlis Daerah itu termasuk cara-cara memungut cukai bagi mendapatkan hasil yang sepatutnya. Dengan sebab itulah maka terdapat sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato Haji Ismail Hassan iaitu ada Majlis-majlis daerah yang mengenakan cukai rumah yang berbeza-beza antara satu kawasan dengan satu kawasan yang lain dan ini ahli-ahli Majlis itulah yang menentukan cukai itu berasaskan kepada kebijaksanaan mereka, berasaskan kepada keadaan tempatan dan berasaskan apa yang mereka fikir patut. Tetapi saya juga bersetuju dengan pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa tujuan kita menyusun semula Penguasa-penguasa Tempatan ini dan menubuhkan Majlis-majlis Daerah atau Majlis-majlis Perbandaran ialah semata-mata dengan tujuan utama iaitu untuk memberi perkhidmatan, memberi kemudahan hidup, keselisaan kepada penduduk-penduduk di dalam kawasan yang berkenaan itu.

Selain daripada itu juga, sebagaimana kita fahami selain daripada Majlis-majlis Daerah ini atau Penguasa-penguasa Tempatan ini mendapat bantuan dari pihak Kerajaan, sama ada Kerajaan Persekutuan melalui Rang Undang-undang ini dan juga dari pihak Kerajaan Negeri maka adalah dianggarkan bahawa peruntukan-peruntukan itu tidak juga mencukupi sepenuhnya, maka pihak Penguasa Tempatan perlu mencari sumber-sumber pendapatannya sendiri.

Saya juga bersetuju dan Kementerian saya memang sedar pada peringkat permulaan ini mungkin ada Majlis-majlis Daerah terutamanya yang akan menghadapi masalah untuk berdikari. Dengan sebab itulah pada asasnya maka Rang Undang-undang ini dikemukakan bagi membolehkan Kerajaan memberi bantuan dan membimbing supaya pihak Penguasa Tempatan ini berusaha menuju—kalau tidak pun boleh berdikari sepenuhnya tetapi menuju, selain daripada mendapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat atau Negeri juga berikhtiar

mendapatkan hasil daripada kawasan masing-masing dengan cara yang berpatutan, tidaklah sekali-kali mendapatkan hasil ini dengan cara menindas penduduk-penduduk dalam kawasan itu dengan cukai-cukai yang tidak berpatutan, kerana jika amalan ini dilakukan, maka tujuan asal penubuhan Majlis-majlis Daerah atau Majlis Perbandaran yang berkenaan itu sebagai pihak Penguasa Tempatan yang berkenaan tentulah tidak dapat dicapai, iaitu matlamat asalnya ialah hendak memberi kebaikan, keselisaan, kemudahan kepada penduduk-penduduk di dalam satu-satu kawasan yang berkenaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cukai juga yang disebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang lain dan ini juga merupakan kebimbangan setengah-setengah pihak bahawa ada kawasan-kawasan yang belum lagi diberi apa-apa kemudahan telah ditentukan cukai-cukainya terutama sekali apabila kawasan pihak berkuasa tempatan itu diperluaskan, maka ada kawasan-kawasan baru yang dinilai baru dan didapati terpaksa membayar cukai pintu dan sebagainya. Dan saya percaya perkara ini akan diberi perhatian yang sepatutnya oleh pihak Ahli-ahli Majlis Perbandaran atau Ahli-ahli Majlis Daerah yang mentadbirkan sesuatu kawasan pihak berkuasa tempatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya telah menyentuh sedikit sebanyak yang saya fikir perlu diberi penjelasan dan perkara-perkara lain sebagaimana yang saya sebut tadi akan diteliti dan sekiranya sesuai akan dijadikan panduan dan ianya akan disalurkan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Pendahuluan diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG AGENSI PEKERJAAN SWASTA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.35 mlm.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta dibaca kali yang kedua.

(Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid Bidin *mempengerusikan Mesyuarat*).

Akta Agensi Pekerjaan Swasta ini adalah satu yang ditunggu-tunggu oleh semua pihak. Agensi-agensi yang tulin (*bona fide*) berkehendakkan satu peraturan yang boleh mempertahankan imej dan kegiatan aktiviti mereka, seperti juga ibubapa dan pencari-pencari kerja yang mendesakkan perlindungan undang-undang dari agensi-agensi yang tidak diingini. Setakat yang diketahui oleh Kementerian saya pada 30hb Jun, 1980 terdapat 35 buah agensi pekerjaan swasta yang menjalankan operasi mereka di negara kita dan lebih dari 8,000 orang telah berdaftar dengan agensi-agensi tersebut pada tempoh bulan Januari, 1980 hingga bulan Jun, 1980. Dalam masa 6 bulan itu juga agensi-agensi tersebut telah berjaya menempatkan sebanyak 3,338 orang dalam berbagai-bagai pekerjaan.

Angka-angka ini adalah lebih kurang 20% daripada penempatan dalam pekerjaan yang dibuat oleh pejabat-pejabat pekerjaan di bawah Kementerian saya.

Mungkin ada beberapa sebab untuk perkembangan agensi-agensi pekerjaan swasta di negara kita. Mereka adalah memainkan satu peranan yang memang penting dalam penempatan tenaga kerja professional dan juga dalam bidang "domestic helpers" dan sebagainya. Setengah agensi-agensi ini mempunyai hubungan yang rapat dan lama dengan syarikat-syarikat yang membolehkan kejayaan kegiatan agensi-agensi tersebut. Pendekatan yang digunakan oleh agensi-agensi ini dalam kerja mereka adalah kadangkala lebih berhasil kepada semua pihak, jika dibandingkan dengan "open service" yang diberikan oleh Perkhidmatan Pekerjaan yang dianjurkan oleh Kerajaan.

Dalam keadaan seperti ini, Kerajaan tidak berhajat untuk melarang perjalanan agensi-agensi pekerjaan swasta ini. Rang Undang-undang yang dikemukakan ini adalah hanya bertujuan menentukan bahawa agensi-agensi ini menjalankan kegiatan mereka secara jujur dan adil di atas garis-garis dan lunas-lunas yang tertentu dan "above board".

Ini adalah penting untuk menjaga kepentingan pencari-pencari kerja pada keseluruhannya. Pada akhir-akhir ini, Kementerian saya sering menerima aduan-aduan bahawa setengah agensi-agensi ini memperdayakan pencari-pencari kerja yang muda. Agensi-agensi pekerjaan yang tidak bertanggungjawab mengambil peluang melalui iklan-iklan mereka, mengutip bayaran-bayaran pendaftaran yang banyak daripada sebilangan besar pencari-pencari kerja ini, tanpa berusaha, atau usaha dengan secukupnya, untuk mendapatkan pekerjaan kepada mereka. Ada pula setengah-setengah agensi-agensi pekerjaan yang menghilangkan diri setelah memungut wang pendaftaran. Di dalam kes Sabah dan Sarawak, Kementerian saya telah menerima beberapa aduan mengenai wanita-wanita muda yang telah tertipu oleh agensi-agensi pekerjaan swasta tersebut apabila mereka ditawarkan bekerja di negeri-negeri jiran.

Pada amnya, cara pendekatan Rang Undang-undang ini terhadap masalah ini adalah untuk melesenkan semua agensi-agensi pekerjaan swasta dan menghendakkan

mereka menyimpan dan mengemukakan kepada Kementerian saya rekod-rekod yang benar mengenai kegiatan pendaftaran pekerja-pekerja, kekosongan yang dimaklumkan kepada mereka, pembayaran yang dikenakan dan angka-angka penempatan mereka. Bayaran yang boleh dikenakan kepada pencari-pencari kerja, dan cara menyiarkan iklan-iklan mengenai kekosongan pekerjaan, adalah juga dikawal. Agensi-agensi juga dikehendakki mengikat satu bond dengan Ketua Pengarah, Jabatan Tenaga Rakyat yang boleh dilupuskan jika agensi tersebut terdapat menyeleweng dalam kegiatan mereka.

Rang Undang-undang ini juga akan dapat memberi perlindungan pada pertama kali kepada pekerja-pekerja kita yang diambil oleh agensi-agensi ini untuk bekerja di luar negeri. Bond yang dikenakan di atas agensi-agensi yang terlibat dalam pengambilan pekerja untuk luar negeri ialah \$10,000 dan Bond Jaminan \$20,000, iaitu lebih tinggi daripada jumlah yang diwajibkan bagi pekerjaan tempatan.

Dengan adanya Undang-undang ini, kita harap bahawa kita akan dapat mengelakkan agensi-agensi palsu yang menghilangkan diri sesudah sahaja mereka menerima wang yang banyak dalam masa yang singkat. "Fly by night agencies" akan dapat diharamkan dan maklumat yang tepat akan dapat diberi kepada pencari-pencari kerja tentang kekosongan yang dipunyai oleh agensi-agensi tersebut. Pengawasan yang ditunjukkan oleh peruntukan Rang Undang-undang ini akan dapat menentukan, sejauh yang boleh, kegiatan yang sihat dan berguna oleh agensi-agensi tersebut, sebagai satu perkhidmatan yang "complementary" kepada Perkhidmatan Pekerjaan yang diadakan oleh Kerajaan sendiri. Sementara itu, kita akan juga sedaya upaya terus memajukan dan memperbaiki mutu khidmat Perkhidmatan Pekerjaan Kerajaan itu.

Tetapi, pada akhirnya, tidak ada Undang-undang yang begitu menyeluruh, sempurna dan "fool-proof" yang dapat mencegah semua penyelewengan. Rang Undang-undang ini hanya cuba memberi seberapa banyak perlindungan kepada orang ramai, khususnya

pencari-pencari kerja. Pencari-pencari kerja sendiri hendaklah berwaspada apabila menggunakan perkhidmatan agensi-agensi tersebut. "Buyer beware" adalah satu dictum yang kita mesti tidak melupakan. Kementerian saya akan cuba memberi kawalan yang rapi di atas perkara ini. Saya harap bahawa pencari-pencari kerja juga akan bekerjasama dengan menggunakan fikiran mereka sendiri dan menentukan bahawa agensi-agensi yang mereka gunakan itu adalah tulin dan berkesan. Mereka bolehlah melaporkan kepada kami apabila terdapat kegiatan yang mereka syaki sebagai penipuan atau penyelewengan dan kita di Kementerian akan menyiasat segala maklumat yang diterima itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya mohon mencadangkan.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengawal Agensi-agensi Pekerjaan Swasta di Malaysia, dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

9.02 mlm.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mengambil sedikit bahagian di atas Rang Undang-undang ini. Di samping itu saya menyokong penuh Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta 1980 yang mana Huraianya telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi.

Saya berasa lega di atas adanya Rang Undang-undang ini kerana selama ini, Tuan Yang di-Pertua, saya sering sangat menerima aduan-aduan daripada orang ramai yang mengatakan banyak agensi-agensi lebih-lebih lagi di Kuala Lumpur ini yang menipu, menjalankan putar-belit, mengambil duit orang ramai dan kadangkalanya pula agensi-agensi pekerjaan ini, maaf kata, ia membawa wanita-wanita daripada kampung, setelah itu banyak wanita-wanita yang terdaya dan

kadangkalanya agensi-agensi pekerjaan ini juga merosakkan wanita-wanita daripada kampung.

Dengan adanya Rang Undang-undang ini, saya sangatlah berbesar hati sebagaimana yang telah diterangkan, dihuraikan dahulu oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, yang mana pihak beliau juga sudah tahu dan dapat mengetahui perkara-perkara yang dirunguti oleh orang ramai ini. Oleh itu dengan adanya Rang Undang-undang ini agensi-agensi yang telah, yang kita akan luluskan ini, saya berharap akan mendapat benar-benar dijalankan, agensi-agensi pekerjaan ini nanti akan benar-benar jujur, ikhlas dan tidak menyeleweng untuk menolong Kerajaan mengatasi masalah-masalah yang ada sekarang ini.

Mengenai bayaran-bayaran yang telah dinyatakan dalam Seksyen 8 (1), 9 (g) dan 14 (1) ini yang telahpun diterangkan dalam Jadual ini, sungguhpun nampaknya kalau ini diikuti amatlah baik tentang bayaran kepada pekerja-pekerja yang telah dapat, umpamanya fee penempatan tidak lebih daripada 10%, gaji bulanan permulaan, fee yang dikenakan bagi penempatan luar negeri tidak lebih daripada 15% bagi peringkat permulaan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini agensi-agensi pekerjaan ini pun ada yang mengambil sampai 3 bulan gaji. Selain daripada itu bermacam-macam lagi fee yang dikenakan kepada orang-orang yang hendak mendapat pekerjaan. Oleh itu dengan adanya Rang Undang-undang ini dan juga Fasal-fasal juga segala-galanya telahpun dicatitkan di dalam Rang Undang-undang ini daripada Fasal 1 hingga 32, nampaknya semuanya telah lengkap, dengan ini saya sama-sama menyokong supaya Rang Undang-undang ini diluluskan.

9.07 mlm.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan sekarang ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian berkenaan yang telah menyusun dan menggubal undang-undang ini. Sebenarnya undang-undang ini patutlah diluluskan dahulu lagi, tetapi walau macammana pun tidaklah terlambat.

Sebagaimana yang dikatakan oleh sahabat saya tadi Yang Berhormat Senator Abdul Razak, perkara penyelewengan di dalam bahagian penerimaan pekerja-pekerja ini memanglah kita baca di dalam surat-suratkhabar boleh dikatakan ada sahaja dalam tiap-tiap iklan. Ini menjadi tanggungan kepada Kementerian yang berkenaan. Perkara-perkara yang berlaku di dalam negara kita walaupun perkara itu jarang-jarang sekali berlaku, tetapi kalau sekiranya dia mengenai orang ramai maka pihak Kementerian yang berkenaan tidaklah boleh memejamkan matanya, perkara itu mestilah diketengahkan dan kalau boleh dibuatkan satu undang-undang sebagaimana yang dikemukakan sekarang ini. Dan sebagaimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan tidak ada satu undang-undang apakala dibuat sempurna semua sekali, memang ini adalah benar. Tetapi yang menjadi cacatnya ialah tidak mengemukakan undang-undang, kerana apakala undang-undang ini telah dikemukakan dan dijalankan maka kita akan nampak lagi di dalam melaksanakan undang-undang itu berbagai-bagai perkara yang patut dipinda, yang patut ditambah atau yang diubah. Maka di situlah pihak Kementerian akan mengemukakan dari satu masa ke satu masa perubahan-perubahan yang difikirkan patut dan dibawa ke Dewan yang mulia ini.

Satu perkara yang saya suka terangkan, walaupun saya tidak baca undang-undang ini semua sekali, saya mengaku saya tidak sempat baca kerana kesuntukan masa. Tetapi yang terlintas difikiran saya sekarang ini, janganlah dengan sebab nila setitik, akan rosak susu sebelanga, ataupun dengan sebab seekor kerbau membawa lumpur, maka akan terkena kerbau-kerbau yang lain.

Kita tahu walaupun ada penyelewengan-penyelewengan ataupun orang-orang yang cuba menipu hendak memberi pekerjaan

kepada seseorang dan mengambil wang, tetapi ada juga di dalam negara kita ini orang-orang yang jujur dan ikhlas menolong dengan suka hati. Saya haraplah dengan adanya undang-undang ini, janganlah pula terkena orang-orang yang semacam itu, orang-orang yang dengan ikhlasnya menolong mencari pekerjaan, dengan sebab dia telah didatangi oleh orang-orang yang memohon pekerjaan itu. Oleh kerana dia dipandang sebagai orang yang ada keistimewaannya maka dia segan hendak menolak perkara itu dan dia cuba hendak mendapatkan kerja dengan memohon pertolongan tadi. Kadang-kadang yang memohon apakala berjaya barangkalilah mengikut adat kita orang-orang Melayu sebagaimana yang dikatakan: Terima kasih daun keladi, kalau boleh, mahu lagi, ataupun: Kita menerima, orang memberi, ataupun tiap-tiap budi itu mesti dibalas budi. Maka begitulah biasanya orang-orang yang membuat budi itu biasanya dibalas, balasan itu sama ada berupa wang ataupun berupa kalau orang kampung diberi buah-buahan, kalau musim buah seumpamanya seperti buah durian atau sebagainya. Dan kalau sekiranya Rang Undang-undang ini menjadi satu kesalahan, saya tidak tahulah, tetapi janganlah kita lupa bahawa adat kita, tradisi kita mestilah dipelihara juga. Orang yang menolong itu dengan hati yang ikhlas kalau dia diberi hadiah maka hadiah itu janganlah dengan tergesa-gesa dituduh sebagai korupsi dan sebagainya.

Walau bagaimanapun saya menyokong dengan kuatnya Rang Undang-undang ini dan inilah satu undang-undang yang baik untuk mencegah penyelewengan, perkhidmatan dan kejahatan orang-orang yang menipu di dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

9.11 mlm.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong Rang Undang-undang ini dan saya boleh memberi jaminan bahawa komen-komen yang dikemukakan itu akan diambil perhatian.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 32 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PEMBANGUNAN BANDAR (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

9.14 mlm.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (Pindaan) tahun 1980 untuk dibacakan kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini adalah bertujuan bagi meminda Akta Perbadanan Pembangunan Bandar tahun 1971 untuk mengadakan peruntukan supaya jawatan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak lagi dijadikan jawatan Eksekutif dan sebagainya gantinya jawatan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah Perbadanan sebagai Ketua Eksekutif dan Timbalan Ketua Eksekutif.

Perubahan ini akan membolehkan pengasingan kuasa di antara Lembaga Pengarah Perbadanan dengan pihak-pihak Pengurusan Perbadanan. Keadaan di Perbadanan Pembangunan Bandar sekarang ialah Pengerusi serta Timbalan Pengerusi bertanggungjawab ke atas perumusan dasar dan juga pelaksanaan dasar di peringkat pengurusan.

Contohnya Pengerusi sebagai Pengerusi kepada Lembaga Pengarah adalah terlibat dalam merangka dasar dan membuat keputusan tentang sesuatu dasar atas perbadanan. Seterusnya sebagai Ketua Eksekutif pula beliau bertanggungjawab untuk merancang serta melaksanakan projek-projek yang terlibat. Ini bermakna tidak ada pengasingan kuasa yang berkesan antara Lembaga Pengarah dengan pihak pengurusan.

Bagi mewujudkan sistem check and balance, dengan izin, ada baiknya Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak merupakan Ketua Eksekutif dan Timbalan Ketua Eksekutif. Dengan itu adalah dicadangkan supaya diwujudkan jawatan-jawatan Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah bagi mengambil alih tugas-tugas Ketua Eksekutif dan Timbalan Ketua Eksekutif daripada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi. Untuk tujuan ini, beberapa seksyen yang terdapat dalam Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971 adalah perlu dipinda.

Fasal 2 Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar 1980 bertujuan mengadakan dua takrif baru, iaitu takrif Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah.

Fasal 3 bertujuan meminda seksyen 4 Akta itu, iaitu Perenggan (a) Fasal ini bertujuan meminda seksyen-kecil (1) seksyen 4 bagi memasukkan Ketua Pengarah sebagai seorang Ahli perbadanan. Perenggan (b) Fasal ini bertujuan menggantikan seksyen-kecil (2) dalam seksyen 4 Akta itu dengan satu seksyen-kecil yang baru yang memperuntukkan bahawa ahli-ahli perbadanan kecuali Ketua Pengarah hendaklah dilantik oleh Menteri. Ketua Pengarah adalah menjadi ahli menurut perantikannya sebagai Ketua Pengarah.

Fasal 4 bertujuan meminda seksyen-kecil (1) dalam seksyen 9. Pindaan ini adalah untuk menggantikan perwakilan yang dahulunya diberi kepada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi di mana berkaitan kepada Pengerusi, Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah.

Fasal 5 bertujuan mengadakan suatu seksyen baru, iaitu seksyen 9A bagi memperuntukkan perlantikan Ketua Pengarah dan seorang atau lebih Timbalan Ketua Pengarah. Perlantikan ini hendaklah dibuat oleh perbadanan dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan Menteri.

Fasal 6 juga mengadakan suatu seksyen baru, iaitu seksyen 10 yang menggariskan tugas-tugas Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah.

Fasal 8 bertujuan meminda seksyen-kecil (2) dalam seksyen 12. Dengan pindaan ini Pengarah tiap-tiap bahagian hendaklah dilantik oleh perbadanan dengan kelulusan Menteri dan tidak lagi oleh Pengerusi dan Pengarah untuk tiap-tiap bahagian hendaklah bertanggungjawab kepada Ketua Pengarah.

Fasal 10 memperuntukkan supaya kuasa bagi menyelesaikan semua soal mengenai perkhidmatan pegawai-pegawai perbadanan dipindahkan daripada Timbalan Pengerusi kepada Ketua Pengarah yang akan merupakan Ketua Eksekutif. Walau bagaimanapun, hak bagi pegawai-pegawai untuk merayu kepada perbadanan terhadap keputusan Ketua Pengarah adalah dikekalkan.

Seksyen 36 yang ada sekarang memperuntukkan bahawa dalam mana-mana percabaran sivil yang dibawa oleh atau terhadap perbadanan, seseorang pegawai perbadanan sebelum ianya boleh memulakan apa-apa tindakan atau hadir di dalam percabaran tersebut bagi pihak perbadanan, perlulah diberi kuasa bagi maksud tersebut menurut arahan khas atau am dari Pengerusi. Sekarang adalah dicadangkan supaya Fasal 11 Rang Undang-undang meminda seksyen 36 (b) supaya Timbalan Pengerusi juga boleh memberi kuasa sedemikian kepada pegawai.

Fasal 12 bertujuan meminda Jadual Pertama Bahagian 1, Perenggan-kecil (1) dalam Perenggan 2, yang memperuntukkan Lembaga dikehendaki bermesyuarat sebulan sekali. Dengan pindaan ini Lembaga dikehendaki bermesyuarat dua bulan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Penerangan (Dato Haji Embong bin Yahya): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Pembangunan Bandar, 1971 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

9.19 mlm.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk sama-sama menyokong di atas Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Pembangunan Bandar, 1971 yang mana Akta ini dinamakan Akta Perbadanan Pembangunan Bandar (Pindaan), 1980, yang mana pindaan-pindaan kepada Akta ini telah pun diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Hanya di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya di atas pindaan-pindaan Akta Perbadanan Pembangunan Bandar ini dapat berjalan lebih baik lagi daripada yang telah sudah.

Sungguhpun Akta Pindaan ini memansuhkan Pengerusi, Timbalan Pengerusi atas nama dan sekarang telah diganti dengan Ketua Pengarah, Timbalan Pengarah dan sebagainya, saya berharap bukanlah atas nama sahaja kita pinda tetapi kita tidak mahu perjalanan Perbadanan Pembangunan Bandar ini sebagaimana yang telah sudah ada juga yang tidak begitu baik perjalanannya supaya dapat dijalankan dengan betul-betul mengikut Akta-akta yang telah dibuat oleh pihak Kerajaan. Kita tidak mahu Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan sebagainya akan mengulangi

lagi perkara-perkara yang telah lalu dan di samping itu diharapkan Perbadanan ini benar-benar dapat menolong khasnya bumiputera yang mana sekarang ini memang berkehendakkan sangat pertolongan daripada Kerajaan lebih-lebih lagi kalau ada tanah-tanah mereka di dalam bandar supaya dapat dimajukan.

Sungguhpun sekarang Perbadanan telah memajukan tanah-tanah kepunyaan bumiputera saya berharap di samping pihak Perbadanan ini memajukan, pihak Perbadanan juga harus memberi pembiayaannya umpama memberi pinjaman iaitu diberi oleh UDA sendiri bukan sebagaimana sekarang ini pihak UDA membuat polisi dan sebagainya tetapi yang menjalankan pihak-pihak yang lain dan pinjaman wang bank yang memberi bukan pihak UDA. Ini kita takut, jikalau bank yang memberi pinjaman kalaulah sekiranya tanah-tanah ini telah dibangunkan oleh Perbadanan ini tadi tidak dapat dibayar oleh orang-orang Melayu kemungkinan tanah-tanah yang dicagarkan kepada bank tadi bukan dipunyai oleh Perbadanan lagi, beralih kepada bank yang memberi pinjaman itu. Oleh itu, harapan saya supaya Perbadanan ini mengadakan juga peruntukan kewangan untuk membantu peniaga-peniaga khasnya orang-orang Melayu di dalam bandar untuk membangunkan rumah dan sebagainya.

Tentang jawatan ini, saya berharap jawatan-jawatan yang akan diadakan ini supaya pihak Menteri dapat memikirkan janganlah orang-orang yang belum tahu selok beloknya tentang Perbadanan ini orang itu diberi jawatan ataupun ditugaskan menjadi Pengarah. Dalam Perbadanan Kemajuan Bandar ini rasa saya banyak pegawai-pegawai yang telah lama bertugas dan tahu tentang selok belok perjalanan, eloklah orang-orang itu kalau elok rekod-rekod peribadinya dinaikkan pangkat jadi Timbalan Pengarah ataupun Ketua Pengarah. Oleh itu, dengan ini Perbadanan ini dapat berjalan dengan lancar, tidaklah sebagaimana kalau ada orang baru datang dia terpaksa semak balik fail yang lama dan sebagainya, dia akan belajar dan memakan masa yang lama dan tujuan Kerajaan akan tergendala.

Di samping itu pihak UDA juga harus memikirkan soal-soal supaya pihak Perbadanan ini jangan menyusahkan orang-orang Melayu umpamanya sekarang ini kawasan Sungai Pencala yang mana pihak UDA-Sea Park memajukan kawasan perumahan di Taman Tun Dr Ismail, tetapi yang menjadi akibatnya orang-orang Melayu yang duduk di kawasan Sungai Pencala iaitu tanah-tanah persendirian yang dipunyai oleh orang-orang Melayu, sebagaimana saya telah terangkan di dalam Dewan ini kerap kali dilanda oleh bah dan kampung-kampung mereka itu ditenggelami air sehingga petang semalam pun orang sana mengadu kepada saya pihak UDA-Sea Park masih belum lagi membaiki longkang yang mana bila hari hujan air menyenak naik ke atas dan melibatkan tanaman-tanaman, rumah-rumah dan ternakan di kampung-kampung Melayu di Sungai Pencala itu tergendala. Oleh itu, di samping pihak UDA hendak membangunkan janganlah pula menyusahkan orang-orang Melayu yang lain. Saya juga berharap supaya Perbadanan ini dapat berjalan lagi dan dapat memajukan lagi kawasan-kawasan di dalam bandar dan di luar bandar, di kawasan-kawasan pembangunan yang ada tanah-tanah orang Melayu supaya dapat dibangunkan dan dengan ini saya rasa dapatlah bumiputera mendirikan bangunan-bangunan di tanah-tanah yang sedia ada.

Dengan ini juga, saya sama-sama menyokong di atas Rang Undang-undang pindaan ini dan dengan ini saya mengucapkan terima kasih.

9.26 mlm.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dalam Akta Perbadanan Pembangunan Bandar 1971. Saya harap dengan lulusnya Bil ini UDA haruslah diberi satu semangat baru sebab pada satu ketika UDA mengeluarkan cahaya yang baik dalam khidmatnya bagi membangunkan pembangunan negara kita. Tetapi satu-satu ketika keadaan berlaku dalam UDA sendiri, sehingga Pengerusinya pun meletak jawatan dan lebih kurang berpuluh orang kakitangan berhenti. Tetapi apabila disoal apa sebab pegawai UDA

berhenti, Kementerian yang berkenaan menyebut bahawa ini satu perkara persendirian pegawai-pegawai itu. Ada yang belajar dan ada yang hendak melanjutkan pelajaran dan ada yang hendak mendapat tempat yang lebih baik.

Oleh sebab UDA satu agensi Kerajaan, diwujudkan bagi membangunkan negara kita ini kita bukan perlu mengadakan Ketua Pengarah, Timbalan Pengarah bagi hendak memperasangkan kuasa. Pengerusi dan Timbalan Pengerusi yang dahulu itu juga pegawai eksekutif tetapi barangkali ada benda yang patut diperbaiki. Mengapa begitu ramai sekali pegawai turut berhenti dan Pengerusinya sendiri pindah ke tempat lain kononnya dengan alasan pergi ke tempat yang lebih baik dan kewangan yang lebih sempurna. Jadi saya harap dengan lulusnya Bil ini Menteri bukan sahaja mengemaskan kakitangan tetapi kemudahan naik pangkat, kemudahan belajar dan segala yang patut didapati oleh pegawai-pegawai itu perlu disemak, kerana ditakuti UDA nanti akan mengecewakan harapan rakyat dan Kerajaan.

Satu ketika dahulu UDA menghebohkan hendak membangun bangunan enam puluh tingkat, kompleks dekat dengan Sulaiman Building, enam puluh tingkat yang paling tinggi sekali di antara bangunan-bangunan yang dicadangkan. Akhirnya sampai sekarang ini jangan kata enam puluh tingkat, setingkatpun tiada! Kedua, UDA jangan jadi agen buat rumah di tanah Melayu di bandar. Kini syarat 30% mesti beri kepada bukan Melayu, tanah itu tanah rezab Melayu. Jadi dengan wujudnya UDA membuat rumah, orang yang tidak patut dapat, dapat. UDA harus mengikut apa polisi Kerajaan, jangan buat polisi dia sendiri. Kalau buat polisi dia 30% terpaksa beri kepada bukan bumiputra sedangkan tanah itu tanah kepunyaan Melayu, dalam rezab Melayu. Ini berlaku di Kuala Trengganu. Jadi, kalau ini caranya, UDA telah membuat satu telatah lulus jarum lulus kelindan. Jadi, saya harap kepada UDA yang akan di postmortem ini akan benar-benar menyaingi badan-badan pembangunan di negara kita supaya hasratnya dapat dipercepatkan.

Dalam Bill ini tidak ada nampak apa yang berat cuma hendak menukar Pengerusi yang dahulu juga Executive, Pengerusi dahulu juga menjadi badan pembuat polisi yang sekarang ini diwujudkan satu badan lain, Pengerusi lain, Pengarah Urusannya lain. Itu sahaja. Tetapi boleh jadi ada yang tersembunyi yang perlu diperbaiki.

Saya sedar Yang Berhormat Menteri ini seorang yang aktif, jadi kita harap bangunan 60 tingkat yang akan dicadangkan oleh UDA dekat Sulaiman Building akan dapat didirikan kerana tempat itu satu tempat yang baik untuk tujuan perniagaan, pejabat dan sebagainya.

Selain daripada itu, UDA juga harus membantu Kerajaan-kerajaan Negeri bagi membangunkan pembangunan di kawasan yang lebih baik. Pada suatu ketika dahulu UDA bersetuju hendak membangunkan lebih 300 buah rumah di kawasan yang akan dibuka di kawasan Jengka dalam dua peringkat. Satu peringkat 100 lebih, selepas itu 100 lebih lagi, kerana keadaan ini berubah, terutama bila Menteri bertukar tangan, dia buat 10 buah sahaja sedangkan perkara itu sudah ditandatangani, kemudahan dipersetujukan oleh kedua pihak dan kalau kedua-dua pihak tidak bersetuju salah satu daripada perbadanan itu dengan UDA beri notis baru kita batalkan perjanjian. Boleh jadi kelewatan Kerajaan Negeri tidak ada wang pada waktu itu, tetapi soal UDA sanggup mendirikan dan berharap jangan banyak sangat red tape, jikalau hendak membangun tempat-tempat, terutama sekali kawasan-kawasan pembangunan wilayah.

Kita harap UDA akan mengambil tempat yang lebih aktif daripada swasta-swasta, terutamanya kawasan pembangunan di Johor Tenggara, Pahang Tenggara, Trengganu Tengah dan sebagainya, sebab tempat ini pembangunannya akan diusahakan oleh Kerajaan, oleh perbadanan yang lain, yang kedua perbelanjaan itu masuk balik kepada Kerajaan. Sekarang ini kebanyakan tempat-tempat yang seperti itu diberi kepada swasta maka keuntungannya daripada pembangunan itu, masuk ke swasta.

Saya tidak menafikan yang UDA ada membuat pembangunan, yang saya sangsikan setelah dua tiga tahun ini, apabila Pengerusi

yang baru sudah berhenti, Pengerusi baru masuk dan akhirnya dia berhenti, last sekali Bill ini dikemuka ke Dewan ini, dan inipun sudah nampak tidak ada kemajuan dalam tiga empat tahun ini, sedangkan kita tahu sekarang ini tinggal 10 tahun sahaja lagi. UDA bertanggungjawab. Menteri diberi amanah oleh Tuhan. Dia akan disoal apa kamu buat masa kamu menjadi Menteri dulu? Mengapa kamu tidak segerakan UDA ini menolong, begitu begini. Masa itu tidak ada saksi-saksi lagi. Kita menjawab di padang Mahsyar. UDA satu agensi Kerajaan yang boleh membangunkan pembangunan yang lebih. Adakah UDA, ini pula mendapat sekatan daripada pihak atas, umpamanya, Menteri yang berkenaan atau lain-lain kementerian apabila dia berkehendak kepada kewangan umpamanya atau kepada bank. Ini orang dalam sahaja tahu; bagi rakyat, UDA telah menghampakan harapan.

Pagi tadi, Tuan Yang di-Pertua, masa soal jawab ditanya berapa banyak lesen dikeluarkan di Kuala Lumpur. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan menyebut lesen dikeluarkan untuk penjaja buah, gerai kecil, ice-cream dan sebagainya tetapi tidak ada satu lesen besar, kerana tidak ada pembangunan tempat yang sebaiknya. Mana kita boleh bangga Kuala Lumpur jadi besar kalau kita sendiri tidak ada saham di dalamnya.

UDA patut ambil alih dalam pembangunan di Kuantan, minta tanah daripada Kerajaan Negeri dan buat pembangunan, jangan tunggu Kerajaan Negeri panggil tolong bangunan. Itu maknanya makanan di suap. Pegawai dan kakitangan-kakitangan UDA yang bertanggungjawab mencari tempat, tanah-tanah Kerajaan, beli dengan harga yang murah kemudian dirikan bangunan dan jual kepada bumiputra. Ini UDA datang menerima pelawaan, dijemput memajukan tanah dan kalau ini gayanya UDA, bukan sahaja dia kurang tenaga tetapi dia menghampakan harapan rakyat.

Kuala Lipis, Tuan Yang di-Pertua, disebutkan bandar hantu. Kebetulan saya diperanakkan di sana, walaupun orang kata bandar hantu, bandar yang tidak ada kemajuan, hujung jalan—hujan emas perak di

negeri orang, hujan keris lembing di negeri sendiri, baik juga di negeri sendiri. Minta UDA buat rumah, ada kawasan dicadangkan, tanah sudah diratakan sekarang, dua tahun lagi UDA belum datang. Saya tidak salahkan Yang Berhormat Menteri kerana dia bukan menjaga UDA sahaja banyak lain agensi dia juga, tetapi UDA sebagaimana hasratnya ditubuhkan dahulu ialah akan membangunkan urban, The Urban Development Authority. Jadi marilah kita dalam tempoh sembilan tahun ini, setelah Yang Berhormat Perdana Menteri mengisytiharkan hak saham bagi bumiputra lebih \$500 juta yang mesti dibeli oleh bumiputra di mana rakyat boleh berniaga di bandaraya Kuala Lumpur ini, mana rumah atau mana kedainya, Tuan Yang di-Pertua. Bukan orang Melayu tidak ada upaya, tetapi tidak ada rumah, “duit bawah meja” sekian hendak bayar dan tidak ada satu lot Melayu. Betul asalnya Kuala Lumpur ini kita punya, Tanah Melayu daripada Kuala Lumpur sampai Gombak oleh sebab tidak ada pengawasan, oleh sebab tekanan hidup, tanah ini dijual satu demi satu. Kebetulan orang-orang yang punya tanah itu bukan orang asal di sini tetapi ialah orang mendatang, yang datang daripada Sumatera, yang datang daripada Minangkabau, yang datang daripada Jawa, bila dia hendak balik tanah itu dijual. Jadi, sekarang bagi memulihkan semula keadaan itu UDA harus berbuat demikian. Di mana satu tempat yang patut UDA mesti bangunan dan jangan sampai 60 tingkat rumah hendak buat, bagi bumiputra ini tidak laju, Tuan Yang di-Pertua. Carilah tempat yang lain, minta kepada Kerajaan Jalan Cheraskah, beli estetkah, jalan pergi ke Subangkah supaya UDA dapat mendirikan pembangunan yang lebih pesat.

Saya tidak kesah siapa UDA hendak lantik pengarahnya, orang pandai-pandai itu lagi kuat penipu. Orang-orang yang jujur, siapa hendak lantik, lantiklah tetapi kita mahu hasilnya. Bolehkah UDA memberi jaminan dalam tempoh 9 tahun ini berapa bangunan yang dia boleh bangunkan atau dia hendak jadi kontraktor sahaja membangunkan rumah, kalau ini caranya di lain-lain swastapun kita boleh beli. Kita harap UDA mencari tanah buat rumah dan jual. Cari

usaha, jangan nanti Kerajaan Negeri panggil, tolong buat kan saya di sini—di sana atau kalau orang Melayu, dirikan bangunan di tanah saya, kata UDA, saya boleh dirikan 30% beri kepada bukan Melayu; asalnya 100% tanah itu tanah Melayu. Saya tidak anti-Cina, Tuan Yang di-Pertua, tadipun saya membela orang Cina juga, tetapi tentang hak ini, ini merosakkan Melayu. Sepatutnya UDA mempertahankan, aku buat tanah ini ialah tanah Melayu, ini untuk Melayu semua. Aku buat atas tanah Cina aku boleh beri sama engkau, ini tidak. Sekarang tanah Melayu yang dibuat oleh UDA di Kuala Trengganu setengah-setengah lot itu kepunyaan orang yang bukan Melayu, asal tanah itu tanah rizab Melayu, apa sudah jadi sekarang? Barangkali hendak buat pindaan Perlembagaan di dalam Dewan ini bagi meminda hal itu. Sepatutnya UDA boleh menjadi model sekarang ini membangunkan Kelantan Selatan, sungguh-sungguh satu badan yang mendirikan untuk kepentingan rakyat bumiputra.

Di Kuala Trengganu, Trengganu Tengah, Pahang Tenggara, Jengka, Johor Selatan walaupun di sebelah barat sudah penuh, mari kita alih di sebelah timur pula. Saya minta kepada Kerajaan, UDA mestilah membuat program beritahu kepada rakyat supaya rakyat dapat bersedia bagi memenuhi kehendak-kehendak. Saya akur kepada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi UDA yang dahulu. Tetapi dalam tempoh selepas persaraan itu hingga sekarang ini apa sudah jadi. Bahkan dengan Bil ini sudah jelas sekarang Ketua Setiausaha Kementerian memangku Pengerusi UDA—Pengerusinya belum dipenuhkan. Mengapa tidak boleh lantik Pengerusi UDA. Saya tidak menyentuh sahabat saya, Yang Berhormat Tan Sri Zaiton Ibrahim, orang qualified, bekas wakil kita di Bangsa-bangsa Bersatu—diplomat, dalam perkhidmatan Kerajaan memegang jawatan Ketua Setiausaha, Turus Grade III, kalau hendak Ahli-ahli Dewan Negara ini. Saya tidak hendak dengar, Tuan Yang di-Pertua, besok Pengerusinya orang yang sudah dicadangkan—kawan-kawan lama, ini bukan kira kawan-kawan lama, Tuan Yang di-Pertua. Ini satu cabaran kepada pembangunan negara kita dalam tempoh 1990 bahawa banyak usaha UDA telah dibuat.

Berapa banyak tanah Kerajaan Negeri diambil untuk pembangunan. Kita ada banyak orang; orang yang baharu bersarapun ada, yang dalam perkhidmatan Kerajaan—pun ada tetapi ada lagi baik kalau orang-orang itu orang bebas. Sekarang apa kata Ketua Setiausaha Kementerian ini memangku jawatan Pengerusi UDA kerana tunggu Bil ini diluluskan baharulah hendak dilantik. Apa payah tunggu Bil ini macam juga sekarang ini. Jadi kalau keadaan macam itu lambat lagi berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lulusnya pindaan Rang Undang-undang yang dibawa ke Dewan ini, kita harap penyakit UDA yang ada akan dapat dicabut sama ada kesalahan itu dari UDA sendiri atau kakitangannya kurang pertimbangan perlu dibaiki. Polisi yang dihadapi dalam tempoh 10 tahun ini saya yakin dan percaya fasal UDA banyak mempunyai kewangan yang tegap sekarang ini dan sentiasa dibantu oleh Kerajaan, saya harap pembangunan yang dibuat oleh UDA bukan sahaja pada satu-satu bandar akan tetapi meliputi seluruhnya. Kita harap apa yang dibuat oleh UDA itu akan dapat menolong bumiputra memiliki rumah kedai, panggung wayang dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada Undang-undang Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia telah kita luluskan, tiga aktiviti tidak boleh mengambil bahagian: mengeluarkan, mengedar dan mempromosikan filem-filem. Di mana filem Melayu kelak hendak ditayangkan. 150 panggung dalam negara kita ini dikuasai oleh gergasi itu. UDA patut bangun sekarang ini buat di mana-mana bandar bagi menyahut Bil yang kita akan luluskan ini.

Bumiputra tak boleh bangunkan panggung wayang, Tuan Yang di-Pertua, kerana dia tak ada dapat pengecualian daripada cukai (Tax). Sepatutnya Kerajaan mesti beri sekurang-kurangnya 5 tahun dia bangunkan panggung wayang, ini tak ada tax free. Pengusaha filem 5 tahun tax free jadikan ini satu perkara dan UDA mesti menyahut seruan ini. Saya hendak tengok sejauh mana UDA boleh menyahut seruan, terutama dengan lulusnya Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia. Panggung-panggung wayang di

bandar-bandar, dipembukaan tanah yang besar-besar, yang dimodali oleh UDA patut diberi kepada bumiputra dengan cara jualan atas cagaran. Jikalau tidak, undang-undang yang kita luluskan untuk Perbadanan Kemajuan Filem Nasional tidak akan bermakna. Itu satu contoh.

Nasib baiklah, Tuan Yang di-Pertua, di Kuala Lumpur ini PKNS buat satu kompleks bangunan di Jalan Melayu dapatlah kita tengok sederet orang-orang Melayu berniaga dan kalau tak ada di mana kebolehan kita supaya rakyat bumiputra dapat menjalankan perusahaan perniagaannya dalam negara ini. Di samping membangunkan bangunan yang tinggi-tinggi, UDA perlu mendapatkan tanah daripada Kerajaan Negeri dan bangunkan sendiri, sama ada kedai, panggung wayang dan lain-lain. Saya harap dengan lulusnya Bil ini UDA mempunyai jiwa yang baru, di samping itu Yang Berhormat Menteri hendaklah mengkaji barangkali ada kesulitan dalam UDA itu sendiri yang perlu diatasi. Biasanya kalau kita siasat kita akan dapatinya dan kalau sekiranya didapati saya harap Yang Berhormat Menteri akan dapat perbaiki supaya imej UDA dijaga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam saya menyokong Akta ini saya terpaksa memberi sedikit kritik yang agak pedih. Saya harap Kerajaan akan menerima kritik daripada ahlinya lebih dahulu daripada pembangkang-pembangkang sebab marah sesama sendiri ataupun kritik sesama sendiri ialah dengan tujuan yang baik. Walaupun pedas, kalau difikir pedas saya harap pihak UDA, kakitangan UDA, pegawai dan pengarah yang akan dilantik ini hendaklah menebus kelemahan yang berlaku dahulu supaya imejnya dapat dikembalikan balik.

Sebagaimana kata saya tadi saya masih akur kepada Pengerusi yang lama khidmatnya walaupun barangkali ada orang tak suka tetapi kalau sekiranya betul dia tak betul, kita ada mahkamah kita kalau dia berjalan tak betul. Tetapi sepanjang yang saya faham dia menjalankan kerjanya dengan baik dan biasanya oleh sebab dia juga Pengurus Besar, dia juga Chairman UDA, jadi agak kuasanya

lebih sedikit dan kalau itu maksudnya supaya Chairman itu jangan berkuasa lebih, itu bukan satu kesilapan, jangan dia mencampuri pula polisi. Sebagai Eksekutif biarlah dia jadi Eksekutif menerima arahan daripada melibatkan orang lain dan kalau difikirkan baik tak apalah. Tetapi apa yang saya kata tadi pada pandangan rakyat nama UDA cemar sedikit, tidak segagah nama Uda, seorang pahlawan muda di zaman silam berkasih sayang dengan buah hatinya tetapi dia dipisahkan oleh tenaga kuasa yang besar, maka meranalah si Uda ini tadi dari sebuah negeri ke sebuah negeri, akhirnya kembali, rupanya kekasih lamanya telah meninggal dunia. Itu nama Uda—Uda dan Dara. Tetapi kalau UDA (Urban Development Authority) itu saya tak tahu. Apa yang saya harap biarlah daripada sekecil-kecil sehingga sebesar-besar menjadi UDA untuk kekal kasihnya kepada negara; biar putih tulang, silih berganti UDA terus maju.

Saya hanya iringi doa mudah-mudahan Tuhan makbulkan doa ini dan harapan saya kepada seluruh kakitangan UDA, lebih-lebih lagi pihak yang berkuasa menjalankan tugas-tugas dengan baik kerana ia adalah diamanahkan oleh rakyat dan negara kita bagi membangunkan pembangunan di kawasan urban. Pada hemat Menteri yang membawa Bil ini saya mengucapkan terima kasih dan saya harap kebijaksanaannya bukan sahaja seorang Menteri tetapi seorang pendidik awali di sebuah institusi pelajaran tinggi dalam negara kita ini dan juga sebagai seorang wanita yang terkemuka dalam negeri ini boleh memimpinnya sebagai menunjukkan kebolehannya sebagai seorang Menteri.

9.57 mlm.

Dato' Haji Ismail bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) dengan sepenuh harapan UDA dapat memberi bantuan yang sepenuhnya kepada bumiputra yang berkehendakkan dan dahaga kepada kemajuan dan meninggikan taraf hidup di dalam negeri sendiri tanpa apa orang lain kata.

Di bandar-bandar hari ini kalau pelancung atau orang luar negeri datang ke negeri ini dia mengatakan bandar Kuala Lumpur ini Canton ataupun Peking ataupun lain-lain bandar yang dipenuhi dan tidak ada langsung imej bumiputra yang sebenar-benarnya duduk berniaga di rumah-rumah yang besar di bandar-bandar melainkan penjaja-penjaja jual kacang goreng ataupun air batu dan pisang goreng. Jadi untuk membangunkan imej bumiputra dalam bandar ini saya harap Menteri yang berkenaan memberi arahan kepada UDA dengan beraninya mengambil satu tindakan supaya bumiputra dapat dibangunkan secepat mungkin dalam tempoh yang ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ataupun UDA boleh membuatkan kerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk memiliki atau membeli tanah-tanah yang belum ada lagi tuan punya tanah iaitu tanah Kerajaan dalam kawasan-kawasan bandar dalam negeri ini untuk membuat peruntukan kepada bangunan-bangunan yang akan diserahkan kepada bumiputra pada masa yang akan datang. Mungkin barangkali satu pandangan yang tidak begitu molek, maknanya bumiputranya tidak sanggup hendak berniaga, ini adalah salah sangka. Ada bumiputra yang sanggup dan menjalankan perniagaan sekiranya ada tempat yang layak untuk mereka itu menjalankan kewajipan di bandar-bandar. Apa yang saya maksudkan ialah betul-betul imej bumiputra ini dapat dipandang dan diadakan di dalam bandar-bandar seperti Kuala Lumpur dan bandar-bandar lain yang besar di dalam negeri-negeri lain. Saya fikir tidaklah jadi keberatan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memberikan kawasan-kawasan yang kosong itu kepada UDA ataupun dengan jalan Menteri yang berkenaan untuk mengambillah memperuntukkan kawasan-kawasan ini kepada bumiputra membangunkan dan bangunan ini juga hendaklah dilaksanakan oleh UDA sendiri dan diberikan kepada bumiputra. Tidak cukup kalau diberi tanah sahaja kemudian meminta bumiputra membangunkannya, mungkin ini juga tidak dapat dibuktikan dengan sebenar-benarnya.

Saya tidak hendak memanjangkan ucapan dalam soal Rang Undang-undang ini, cuma

meletakkan satu harapan kepada Menteri yang baru dalam Kementerian ini yang ada UDA di bawahnya akan menjalankan tugas yang benar-benar menguntungkan bumiputra yang boleh menduduki kawasan-kawasan. Kita tidak mengambil hak orang bahkan kita mengambil hak yang belum dipunyai oleh sesiapa di dalam bandar untuk memberikan kemudahan ini kepada bumiputra yang akan menjalankan perniagaan mereka pada masa 10 tahun yang akan datang.

Demikianlah, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih serta menyokong undang-undang ini dengan sepenuh-penuhnya.

10.03 mlm.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator-senator yang telah bangun bukan sahaja menyokong Rang Undang-undang ini tetapi juga memberi pandangan-pandangan yang bernas dan juga kritik-kritik yang membina.

Saya akan menyentuh beberapa perkara yang saya anggap dapat dijawab hari ini dan mana-mana perkara yang tidak saya jawab akan diambil perhatian bukan sahaja oleh UDA tetapi oleh Kementerian.

Yang Berhormat Senator Abdul Razak bin Abu Samah telah berharap bahawa pindaan ini akan membawa kebaikan kepada Perbadanan atau memperbaiki keadaan dalam Perbadanan. Memangnyalah kerana pindaan seperti yang dibawa pada hari ini adalah satu lagi usaha untuk memperkemaskan pentadbiran di dalam Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) dan beliau juga memberi amaran (caution) janganlah diulangi lagi perkara-perkara yang lalu.

Inginlah saya tegaskan di sini bahawa UDA telahpun menjalankan usaha-usaha untuk mengesan di manakah letaknya kegagalan dan di manakah letaknya kesilapan-kesilapan yang telah membawakan beberapa unsur-unsur yang kurang sihat dan akibat daripada pengesanan yang dibuat ini telahpun diadakan langkah-langkah pembetulan. Contohnya, di

Itu sahaja. Jadi nampaknya Huraian yang dihuraikan itu adalah bercanggah dengan apa yang ada di sini. Barang yang tidak ada di dalam seksyen ini diadakan dikatakan "membolehkan ahli-ahli Lembaga dilantik dan dilantik semula" itu tidak ada.

Kemudian Huraian yang kedua:

"2. Fasal 3 bertujuan membolehkan ahli-ahli Majlis dilantik dan dilantik semula bagi tempoh tidak lebih dari tiga tahun. Fasal ini juga bertujuan memperuntukkan semula Majlis bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun dan Setiausaha Lembaga dilantik menjadi Setiausaha kepada Majlis".

Jadi kita tengok kepada Fasal 3, Tuan Yang di-Pertua yang berbunyi begini:

"3. Bahagian II Jadual kepada Akta ibu adalah dipinda dengan—

(a) menggantikan perenggan 1 dengan yang berikut—

1. Yang di-Pertua dan ahli-ahli Majlis".

Jadi di dalam Huraian kata ahli-ahli Majlis sahaja, tetapi di dalam pindaan ini iaitu:

"1. Yang di-Pertua dan ahli-ahli Majlis hendaklah memegang jawatan bagi tempoh tidak lebih dari tiga tahun dan adalah layak dilantik semula".

Jadi kedua-dua Huraian yang ada ini adalah bercanggah dengan pindaan yang ada ini. Dengan sebab itulah saya kata lebih baiklah undang-undang ini ditangguhkan kepada persidangan yang akan datang untuk dibetulkan balik, kemudian selepas dibetulkan balik ini diserahkan balik kepada ahli Dewan sekalian masa itulah dibahaskan undang-undang ini.

10.26 mlm.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Husain:
Tuan Yang di-Pertua, saya sedar hari sudah larut malam dan saya seperti dengan kawan-kawan saya kerana kita sudah bersumpah bahawa kita menjalankan tugas kita sebagai Ahli Dewan, dengan sebab itu saya terpaksa menanti Bill ini dizahirkan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercakap dahulu dalam perkara Bill ini, hanya saya bercakap secara umum sahaja kerana BERNAMA adalah sebuah agensi nasional bagi mendapatkan berita, mengeluarkan berita sebagaimana tarafnya dengan lain-lain berita di dalam dunia sama ada AP, Reuter dan sebagainya.

Sepanjang yang saya baca dalam akhbar kadangkala tidak ada berita yang diambil daripada BERNAMA oleh akhbar tempatan seperti *The New Straits Times*, *Utusan Melayu*, *Nanyang Siang Pau*, kawan saya baca, *Tamil Nesan* kawan saya baca diberitahu tidak ada, tetapi ada juga terselit dua tiga paragraph perkahwinan di Raja oleh BERNAMA.

Memandangkan perkara ini tidak hairanlah jikalau Majlis Penyeliaan sekali sahaja dia bersidang setelah lepas diwujudkan pada tahun 1967, 13 tahun sekali sahaja bersidang, patutlah agensi yang disebut dengan nama BERNAMA tidak masyhur. Kita masih lagi memakai agensi luar negeri Reuter, AP dan sebagainya. Apa BERNAMA sudah buat dengan diambil balik Musa Ahmad daripada Peking, bawa balik ke Malaysia ini melalui secret agency, sedangkan perkara ini bukan Musa Ahmad itu yang menjadi masalah, yang menjadi masalahnya penyeludupan kita punya ahli penyiasatan sampai ke Peking dan orang-orang itu kita bawa balik ke sini kebetulan Menteri ada di sini, seorang daripada Menteri Republik Rakyat China itu ada di sini. Apa BERNAMA sudah buat bagi menaikkan imej negara kita dalam segi berita? Adakah BERNAMA panggil semua wartawan luar negeri, dalam negeri memberi satu komen yang berlaku sekarang? Kita baca dalam suratkhbar tidak ada, sedangkan perkara ini patut menjadi satu sumber yang kita banggakan, patut CIA Amerika datang belajar ke Kuala Lumpur bagaimana mengintip rahsia, sebab kita sudah berjaya mengintip rahsia ini sampai ke puncak ibukota Negeri China berhubung dengan masalah komunis bukan sekali, tiga kali datang membuat contact dengan manusia yang bernama Musa Ahmad apa yang disebut Pengerusi Parti Komunis Malaya.

Jadi pada masa hasrat kita hendak menubuhkan BERNAMA di dalam tahun 1967, saya masih ingat pada masa itu saya menjadi Ahli Dewan Rakyat, ialah menggantikan punca berita daripada luar negeri seperti Reuter, AP dan sebagainya. Jadi tugas yang dibuat oleh BERNAMA sekarang ini tidak sebagaimana yang dikehendaki pada masa Bil menubuhkan badan nasional ini diluluskan oleh Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Jadi adalah perkara yang tidak mustahil badan nasional ini bersidang 13 tahun baru sekali.

Kita berharap supaya BERNAMA menubuhkan agensinya di kota-kota besar di Eropah, di London, di Amerika, di Bangsa-bangsa Bersatu umpamanya, orang BERNAMA menghadiri persidangan antarabangsa di badan dunia. Apa BERNAMA telah buat, umpamanya, seorang wakil daripada Malaysia kemudian dipersetujui menjadi Ketua Perwakilan Malaysia di Bangsa-bangsa Bersatu pada masa itu—ada di hadapan kita sekarang ini, berucap kali yang pertama menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam badan dunia itu. Ini satu sejarah. Saya tidak hendak memperkatakan bagaimana jalan dapat diusahakan supaya boleh wakil kita itu berucap dalam Bahasa Kebangsaan, bagaimana pandangan jauh Wakil Tetap kita di Bangsa-bangsa Bersatu masa itu, iaitu Yang Berhormat Tan Sri Zaiton Ibrahim, mengizinkan orangnya jadi penterjemah; daripada Bahasa Kebangsaan ke bahasa Inggeris dan lain-lain dalam terjemahan serentak di mesyuarat antarabangsa itu. Apa peranan yang dibuat oleh BERNAMA? Bukan kerana Datuk Ahmad Arshad bercakap dalam Bahasa Melayu itu patut, tetapi dia mula-mula menahirkan Bahasa Malaysia bahkan berucap dalam dewan itu yang kelak menjadi satu asas dan kita harap pada satu masa bahasa yang digunakan oleh 10 juta manusia itu kelak akan menjadi satu daripada bahasa rasmi di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya menasihatkan BERNAMA membuka agensi di London, di Amerika atau di mana tempat yang ada potensi kita boleh menghubungi negeri-negeri luar, bukan di Kuala Lumpur sahaja. Kuala Lumpur ini kalau untuk dibaca oleh orang

Melayu mencukupi dengan *Utusan Melayu* sahaja, kalau orang yang membaca berita dalam bahasa Inggeris, mencukupi dengan *New Straits Times* sahaja. Tetapi apa fasal ditubuhkan BERNAMA, apa fasal ditubuhkan badan yang dinamakan Pertubuhan Berita Nasional itu?—Ialah dengan tujuan hendak menaikkan imej kita, ini BERNAMA mesti buat, bukan fasal hendak menggantikan 4 perkataan dengan "Kementerian Penerangan, Jabatan Penyiaran". Dahulu ada televisyen/radio, penerangan dalam negeri, penerangan luar negeri, kita satukan dengan nama Kementerian Penerangan dan Penyiaran. Kalau itu maksudnya tujuan BERNAMA tidak mencapai matlamat.

Saya tahu Menteri yang bertanggungjawab adalah seorang yang penuh emosi nasionalisme Melayu, sekurang-kurangnya turunkanlah sedikit supaya dia betul-betul jadi, sebab saya kenal Menteri itu bukan baru, lebih 20 tahun. Apa BERNAMA sudah buat sekarang ini? Masalah duit tidak susah, Dewan Negara sentiasa sokong, bukannya kita keluarkan duit, kita cuma sokong dan luluskan. Tujuan yang begitu patut BERNAMA menubuhkan agensi di London. Apa sudah jadi kepada Iraq dengan Iran, kita tidak tahu siapa salah. Orang kita patut beritahu di sana, sedangkan negeri kita sekarang ini belum ada Wakil Tetap kita, sudah balik dan belum digantikan, cuma usaha sahaja ada. Fasal apa BERNAMA tidak mahu dihantarkan ke sana? Patut dihantar supaya kita mendapat sumber yang sah dari Iran atau dari Iraq.

Mengapa BERNAMA tidak mengambil satu peranan lagi, umpamanya dalam Kedutaan kita di Hanoi untuk mendekati bagaimana cara rahsia di sana. Orang Amerika datang ke tempat kita mengatakan tidak begitu ghairah Menteri Luar Vietnam hendak berunding menghadiri sidang antarabangsa, itupun dia bercakap di Bangkok, tidak singgah pun di Kuala Lumpur, terus ke Singapura. Kalau tidak cukup orang, kita ganti dan tambah orang.

Saya tidak salahkan kepada pegawai BERNAMA. Yang kita salahkan sekarang ini ialah kepada orang yang membuat polisi

BERNAMA ini yang memegang tanggungjawab amanah sama ada ahli Lembaga ini atau ahli Majlis ini. Kalau sudah 13 tahun baru sekali mesyuarat memang patut beginilah keadaannya. Saya harap dalam masa kita hendak menunjukkan imej negara kita sekarang terkenal di seluruh dunia bukan sahaja kerana kelapa sawit, getah atau bijihnya tetapi keunggulan Kerajaan kita dalam membangunkan negara kita yang begitu pesat ini diakui oleh semua negara dan wakil kita sebagaimana yang saya dengar dihormati oleh negeri-negeri di dalam dunia terutama dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Fikiran kita lantang dan Menteri kita juga berucap di persidangan antarabangsa di Canada, Yang Amat Berhormat Dato' Dr Mahathir berucap di Bangsa-bangsa Bersatu dengan satu peranannya yang lojik yang orang-orang terlebih dahulu merdeka daripada kita tidak timbul di fikirannya apa yang diucap oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir di persidangan Bangsa-bangsa Bersatu. Sekali-sekala BERNAMA adalah termasuk sedikit, itupun perkara-perkara yang tidak mustahak. Bagaimana BERNAMA boleh menolong menaikkan imej pemimpin-pemimpin kita? Negara lain mengakui terkenal di negeri-negeri Timur Tengah, bila disebut kita orang Tunku Abdul Rahman orang negeri Arab kata: "sahlan-wa-sahlan"; nama Tunku Abdul Rahman sahaja terkenal kerana Tunku Abdul Rahman mula-mula memupuk dan mengadakan Pertandingan Al-Quran Antarabangsa dan ini menjadi satu kenangan yang sangat manis kepada negeri-negeri Arab sehingga mereka hairan kita boleh menguasai bahasa Arab, bahasa Quran dan bangsanya berbilang kaum dalam negeri ini, ada Cina, Melayu dan India.

Jadi sekarang ini apabila Bil ini dibawa ke dalam Dewan ini maka terzhairlah kelemahannya. Pada saya hendak meluluskan Bil ini kerana hendak menukarnya itu tidak berat, Tuan Yang di-Pertua, dan apa yang saya kehendaki supaya Yang Berhormat Menteri boleh menyampaikan kepada Kerajaan supaya peranan BERNAMA ini

sendiri yang menjadi motif utama. Kitapun di tempat persidangan antarabangsa, persidangan getah, bijih, kadang-kadang macam-macam persidangan yang besar-besar tetapi apa yang kita kehendaki ialah segala berita yang zahir di dalam negeri kita ini dibawa ke luar negeri oleh BERNAMA.

Saya pernah juga sekali dua belayar ke negeri orang puteh, bila kita baca akhbar-akhbar di sana mahu sangat kita mendengar apakah yang berlaku di negeri kita yang menarik perhatian oleh akhbar-akhbar luar negeri, akhbar-akhbar Inggeris ini misalnya, tiada. Belek punya belek, kita terus ke Kedutaan kita sama ada ke Jeddah atau London atau Malaysia Hall membaca akhbar yang datang daripada negeri kita. Kalau ini gayanya hasrat kita menubuhkan BERNAMA ianya tidak berhasil. Saya tidak sentuh kakitangan dalam BERNAMA, sebab sebahagian daripadanya sahabat lama saya dan orang-orangnya saya puji dan berkebolehan tetapi ianya terhenti oleh kerana kehendak dasar dan kalau dasar tidak mengizinkan sejauh mana mereka boleh buat. Dengan sebab itu di samping kita meluluskan Bil ini, hendaklah kita kaji dasar kita dengan penubuhan BERNAMA itu sendiri sejauh mana sekop yang dia boleh ambil dan sejauh mana sekop yang boleh kita beri dan apa yang kita mahu berita di dalam negara kita BERNAMA menjualkan kepada akhbar-akhbar luar negeri baik di Eropah, baik di Amerika atau di Timur Tengah, Jepun atau lain-lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Arab tidak masyhur dahulunya. Hanya setelah tiga puluh tahun dahulu ia mendapat minyak, maka minyak itulah memasyhurkan negeri Arab. Ia tidak ada pokok kayu yang besar. Jikalau kita cinta hendak melihat tumbuh-tumbuhan di negeri Arab, kita harus berhijrah, berjalan ke Taif lebih kurang 70 batu daripada bandar Mekah, baru kita dapati rumput-rumput, air mengalir macam di tempat kita. Hujan setahun sekali. Bila turun hujan, keliaranlah anak dara Arab ini di atas loteng rumahnya kerana bersyukur kepada Tuhan. Kita kadang-kadang tidak hendak hujan, sampai begitu sekali nikmat Tuhan kurniakan. Jadi bahan yang patut dibuat oleh BERNAMA ini

bukan sedikit, banyak. Saya sekali lagi—ini bukan merayu, saya menuntut sama ada patut atau tidak saya menuntut, itu hak saya, bagaimana tujuan ditubuhkan BERNAMA dalam tahun 1967 BERNAMA mesti membuatnya.

Biarlah UDA membangunkan rumah, FELCRA dan FELDA membangunkan tanah tetapi menjual nama baik, itu tugas BERNAMA. Sebab kita hendak hantar gambar ke luar negeripun payah, filem negara pun dua tahun, baru keluar satu gambar, itupun gambar pembangunan. Kita hendak mengambil gambar Ummi Kalthum di Malaysia ini belum ada lagi, hanya Sharifah Aini sahaja yang ada. BERNAMA tolong cari jalan supaya kemasyhuran kita berlanjutan. Arab tidak tahu pembangunan kita. Hanya mereka tahu Sukarno, Abdul Rahman. Begitu tinggi pandangan orang Timur Tengah kepada pemimpin kita. Ini bukan kerana jasa BERNAMA. Ini jasa pertandingan Quran, TV ada campur sedikit, sebab ia buat ulasan selari warna warni. Itupun mana yang bayar iaitu Kuwait dan Saudi Arabia sahaja. Apa salah sebagai tugas BERNAMA malam akhir itu kita masukkan semua sekali negeri Arab, negeri yang kaya yang patut kita pinjam duitnya, kita beri free tiga malam—tidak ada, ia kira duit juga. Duit kita cari cara lain. Ini approach kita supaya orang tahu bagaimana hakikat kita dengan ugama.

Bagaimana Yang Berhormat sekalian sedia maklum, kemegahan dan ketinggian nama negeri kita ini boleh kita saksikan kapalterbang MAS penuh dari Jeddah ke Kuala Lumpur, penuh DC 10. Bahkan dari negeri-negeri Timur Tengah kalau hendak melancung ke Timur, mesti singgah di Tanah Melayu, mesti singgah di Malaysia. Itu pesannya.

Tuan Yang di-Pertua, sudah jauh saya bawa Dewan ini kepada ucapan saya tetapi Dewan Negara bukanlah mudah kita luluskan sesuatu Bil dan kadang kala kita terpaksa menegur dan kita harap teguran ini akan jadi satu ubat, panduan dan bersama-sama kita rakyat di negeri ini yang berkehendakkan kemudahan. Begitu juga saya seru kepada BERNAMA hantarlah orang mengambil berita di negeri

Iran, Iraq dan peperangan sekarang supaya kita dapat atau agensi menggambarkan cerita yang benar, perkara yang berlaku yang benar. Kita tubuhkanlah agensi kita di bandar-bandar besar di Eropah. Sekali kita melangkah, hendaknya dua tiga tunggul terlompat. Sekali kita berdayung, dua tiga pulau berlalu.

Inilah harapan saya dan saya walaupun dengan perkataan yang agak garang sedikit, tetapi saya dengan rendah hati menyokong Bil ini diluluskan.

10.49 mlm.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak mengambil masa yang panjang, kerana kawan-kawan saya dibelakngpun sudah hendak balik lekas dan saya dengan ini juga menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Pertubuhan Berita Nasional Malaysia 1967 yang mana di perenggan satu nama dan mula berkuatkuasa di dalam Akta ini mengatakan, Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Pindaan) 1980 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 20hb Jun, 1979.

Nampaknya dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, setelah berjalan begitu lamanya undang-undang ini, barulah hari ini nampaknya baru kita hendak luluskan iaitu dari bulan Jun hingga ke hari ini lebih kurang dekat setahun, barulah kuatkuasa dijalankan dan pada hari ini pula kita hendak meluluskan.

Tetapi walau bagaimanapun rasa saya dalam huraian-huraian yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang meliputi yang saya rasa tidak ada menyentuh lain-lain hanya keseluruhannya disentuh ialah tentang perlantikan-perlantikan untuk menggantikan perlantikan-perlantikan, itu sahaja yang diterangkan untuk mendapat persetujuan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyentuh sedikit tentang Pertubuhan Berita Nasional (BERNAMA) ini. Sepertimana yang telah diterangkan oleh rakan saya Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Razak

Husain tadi menyatakan memanglah rasa saya tidak boleh kita nafikan di dalam berita-berita akhbar kadangkala jarang sangat kita dapati yang dikeluarkan oleh BERNAMA sendiri. Kalau ada pun hanya pendek-pendek sahaja, column yang pendek, cerita yang pendek sahaja padahal Pertubuhan Berita Nasional ini telahpun lama ditubuhkan, rasa saya telahpun faham dan tahu, tetapi tidak tahulah sebab-sebabnya sehingga ke hari ini berita-berita itu jarang sangat dikeluarkan oleh BERNAMA.

Dan di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap BERNAMA ini betul-betul dapat menjalankan tugas-tugasnya supaya di masa yang akan datang kalau boleh semua berita-berita, kalau tidak semuanya boleh dikatakan separuhnya hendaklah dikelolakan oleh BERNAMA sendiri, tidak sebagaimana sekarang. Umpamanya, dalam suratkhbar kalau kita baca kadangkala banyak kesilapan-kesilapan yang berlaku. Umpamanya, baru-baru ini berita penyerahan Musa Ahmad yang dikeluarkan di dalam TV, radio dan sebagainya tetapi di dalam sebuah suratkhbar, kalau tidak silap saya *The Star* dia menyatakan "Musa Hitam". Ini pun sudah silap. Nampaknya ini tidak ada orang yang hendak menjaganya. Dan begitu juga semalam juga terjadi iaitu di dalam Dewan ini sendiri yang mana Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjawab soalan tambahan daripada saya berhubung dengan setem untuk membeli gula. Di dalam *Utusan Melayu* dikatakan soalan tambahan daripada Senator Hajjah Salmah dan di dalam Berita Harian menyatakan Senator Abdul Razak dan dalam "*The New Straits Times*" pun begitu juga.

Saya bukanlah hendak membangkitkan soal nama itu tetapi untuk membaiki supaya jangan keliru di sini lain, di luar lain. Begitu juga di dalam *Berita Harian* dalam minggu yang lalu, saya sendiri bersama-sama dengan Menteri Wilayah Persekutuan menghadiri satu sport yang dianjurkan oleh UMNO di Taman Tun Dr Ismail. Saya juga sama di situ untuk mengadili pertandingan tarik tali. Ada gambar saya mengangkat tangan disiarkan di dalamnya tetapi malangnya gambar yang disiarkan dalam *Berita Harian* itu menyatakan yang mengangkat tangan itu ialah Dr Hussain

Derauf. Padahal saya, bukan mereka tidak kenal. Ini adakah sengaja ataupun apa, tidak tahulah apa kesilapan yang dibuat padahal Dr Hussein itu kalau tidak silap saya bekerja sendiri di *Berita Harian* takkanlah orang-orang itu tidak kenal muka-muka staff atau pegawai-pegawai dia sendiri; tetapi muka saya pergi ke nama orang lain. Jadi harap ambil perhatian di masa-masa yang akan datang.

Oleh itu dengan adanya Pertubuhan ini saya rasa dapatlah satu saluran berita-berita yang benar-benar dikeluarkan, jangan semua suratkhbar memberi cerita yang berlainan padahal bendanya satu.

Inilah pandangan-pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk menambah dan sambil menyokong di atas Rang Undang-undang meminda Akta Pertubuhan Berita Nasional 1967 ini kerana kita tahu hari pun sudah malam, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Abdul Razak pun telah bercakap dan menghuraikan bermacam-macam, oleh itu dengan ini saya juga mengakhiri dan menyokong pindaan ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

10.55 mlm.

Dato' Haji Embong bin Yahya: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah bercakap berkenaan dengan Rang Undang-undang ini tadi dan telah memberi pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang baik dan membina.

Terlebih dahulu saya suka menyentuh teguran daripada Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud Salim yang menyatakan Akta ini tidak betul, itu adalah salah. Sebenarnya apa yang dibentangkan di sini tidak ada percanggahan sama sekali dengan apa yang telah saya bentangkan dan adalah selaras dengan apa yang telah saya huraikan.

Berkenaan dengan Fasal 2 menggantikan perkataan "selama tiga tahun". Dalam perenggan ini dengan perkataan "bagi tempoh tidak lebih tiga tahun" kerana yang lama ini terlampau mengetatkan lantikan itu tiga tahun tidak boleh bertukar. Oleh sebab itu, kita sekarang gantikan dengan dalam tempoh tidak lebih tiga tahun. Jadi dalam masa itu kita

boleh menukar ganti dengan orang atau pegawai yang baru. Ini satu daripada tujuan maka Rang Undang-undang ini dibentangkan dan dipinda supaya pegawai yang mengurus Pertubuhan ini tidak mesti tiga tahun tetapi dalam tempoh itu kita boleh tukar, sebab itu kita kenalah pinda sedikit.

Mengenai dengan Fasal 3 yang disebut tadi, tidak ada disebutkan pengganti dengan ahli baru. Saya suka menyebut iaitu sebenarnya walaupun di sini tidak sebut tetapi apabila kita meletakkan sesuatu Akta, Yang di-Pertua dan Ahli Majlis boleh diganti tentulah hendak diganti dengan yang baru, takkan hendak dibiarkan setelah habis tempoh mereka.

Itu saya rasa tidak akan bercanggah sama sekali.

Menyentuh teguran daripada Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak, yang sebenarnya tidaklah semua tugas-tugas BERNAMA ini gagal kerana tujuan BERNAMA ini memanglah sebenarnya hendak menye-laraskan berita nasional di tanahair kita supaya tidak ada badan-badan berita lain yang memutar belitkan hal-hal di tanahair kita sendiri sebelum kita menguruskan berita-berita di luar negeri.

Semenjak ditubuh saya rasa BERNAMA telah mencapai matlamatnya sebagai agensi berita Kerajaan kerana BERNAMA ada mempunyai semua pejabat dan cawangan-cawangannya di seluruh negeri Malaysia baik di Malaysia Barat dan Malaysia Timur dan sedang menambahkan pejabat-pejabatnya lagi.

Saya suka memberi penjelasan di sini iaitu BERNAMA bukanlah semestinya menghantar berita, mengarang berita dan namanya disebut. Tetapi sebenarnya peranan kita ialah membekalkan berita-berita kepada akhbar-akhbar terutama sekali dalam negeri. Hampir semua akhbar tidak kurang daripada 20 buah lebih berlanggan dengan BERNAMA dan mengambil berita daripada BERNAMA. Jadi apabila kita membekalkan berita ini dan setengah-setengahnya berita itu ditulis balik oleh penulis suratkhbar itu sendiri sebab merekapun ada pemberitanya dan mereka tidak menyebut dan kita pula tidak memaksa mereka menyebut bahawa berita itu diambil

daripada BERNAMA. Tetapi berita itu kebanyakannya dibekalkan daripada BERNAMA. Begitu juga di luar negeri BERNAMA banyak mengirim berita-berita kepada agensi-agensi berita di luar negeri yang menjadi pelanggannya. Jadi tidak semestinya pelanggan itu menyebut daripada BERNAMA tetapi berita itu sentiasa kita kirimkan kepada pelanggan-pelanggan kita. Sebagai agensi berita kita tidak terhad dengan berita kita sahaja, kita berhubung dengan berita-berita luar negeri di seluruh dunia, mereka pula membekalkan berita kepada kita dan sebaliknya.

Mengenai dengan BERNAMA tidak ada penulisnya di luar negeri, dalam hal ini saya suka menjelaskan, sebenarnya ada agensi Kerajaan kita yang lain yang menguruskan hal penerangan di luar negeri termasuk berita terutamanya Bahagian Penerangan di luar negeri—Atase Penerangan kita di luar negeri itu kebanyakannya mereka yang menguruskan masalah publisiti di luar negeri, menaikkan imej kita di luar negeri dan membetulkan berita-berita kita di luar negeri serta membuat publisiti dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh teguran berkenaan dengan hal luar negeri juga, saya suka menyebutkan oleh sebab BERNAMA baharu sahaja ditubuhkan tahun 1967 dan baru memakan masa 13 tahun, saya rasa BERNAMA adalah satu agensi berita yang muda lagi, kalau kita bandingkan ada negara lain sampai sekarangpun belum ada Berita Nasionalnya. Negara-negara lain ada yang sudah merdeka dahulu daripada kita belum ada menubuhkan Berita Nasionalnya tetapi kita sudah cuba membuatnya dan hari ini kita sudah mula menitikberatkan perhubungan kita dengan luar negeri terutama negara-negara ASEAN lebih dahulu yang kita utamakan iaitu dengan Indonesia, Filipina iaitu kita telah menubuhkan suatu Pusat Berita—Pembekal Berita antara ke tiga-tiga buah negeri yang kita namakan Press Bulletin Service iaitu perkhidmatan berita di antara ASEAN, antara kita dengan Indonesia dan antara kita dengan Manila bertukar-tukar pembekalan berita dengan demikian dapat mengurangkan perbelanjaan dan akan datang

kita akan cuba meluaskan khidmat ini dengan Singapura dan Thailand, oleh sebab masa ini negara itu belum ada Berita Nasionalnya jadi kita tidak dapat membuat keseluruhan kepada negara ASEAN. Ini satu perkembangan yang baik yang menunjukkan bahawa kita sedang mencuba supaya agensi berita kita atau BERNAMA terkenal kalau tidak keseluruh dunia lain pun tetapi sedang menyebarkan atau mengharumkan namanya dalam lingkungan ASEAN.

Mengenai Majlis tidak bersidang beberapa lama, ini tidaklah benar. Yang sebenarnya menurut Akta BERNAMA, Majlis Penyeliaan ini bersidang mengikut keadaan yang tertentu sahaja yang mengkaji laporan-laporan apa yang disampaikan oleh Lembaga dan menimbangankan aduan-aduan daripada pelanggan dan berbagai-bagai lagi. Oleh sebab kita terasa bahawa kita patut menggerakkannya dengan lebih cepat lagi, maka kerana itulah Rang Undang-undang ini dibawa ke mari diminta pinda supaya membolehkan dengan undang-undang ini diperhebatkan lagi gerakan BERNAMA baik Badan Pengelola dan Badan Penyeliaannya dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebagai sebuah agensi yang muda lagi kita akui ada beberapa kelemahan, saya rasa mana-mana agensipun ada kelemahan dan dengan sebab itulah kita membawa pindaan Rang Undang-undang ini untuk membolehkan kita menjalankan langkah-langkah yang lebih aktif lagi, lebih cergas dari masa ke semasa seperti yang dihajatkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain tadi.

Teguran daripada Yang Berhormat Senator Tuan Abdul Razak bin Abu Samah tentang ada nama salah diberitakan oleh suratkhbar dan sebagainya, saya rasa ini bukanlah salah BERNAMA sebab suratkhbar itu sendiri ada mempunyai pemberitanya. Boleh jadi pemberita merekalah yang salah menulis nama dan sebagainya. Begitu juga dengan Straits Echo menyebut nama Dato Musa Hitam bertukar dengan nama Musa Ahmad, ketua komunis yang menyerah diri itu. Bukanlah salah BERNAMA. Suratkhbar itu sendiri pun telah pun membuat pembetulan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, mana-mana pandangan yang baik yang dikemukakan tadi, saya bagi pihak Kementerian mengucapkan berbanyak terima kasih dan menunjukkan bagaimana beratnya pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat kepada sebuah badan Berita Nasional kita dan berkehendakkan membuat perubahan-perubahan yang wajar. Saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih dan mengambil pandangan-pandangan yang baik dan membina itu, untuk dijadikan panduan dalam menggerakkan agensi berita kita BERNAMA ini pada masa hadapan. Sekian.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangankan dalam Jawatankuasa.

(Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sekarang kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 11.10 malam.